

(8)

**METODOLOGI JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI KEDAH DALAM MENGELOUARKAN  
FATWA-FATWA KAJIAN DARI TAHUN 1985-1995**

**ALIAS BIN AZHAR**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
SESI 2000/2001**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510830345

**METODOLOGI JAWATANKUASA FATWA  
NEGERI KEDAH DALAM MENGELOUARKAN  
FATWA-FATWA KAJIAN DARI TAHUN 1985-1995**

**ALIAS BIN AZHAR**

**Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi  
Bahagian II Ijazah Sarjana Syariah Secara  
(Berkursus dan Disertasi)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
SESI 2000/2001**

## ABSTRAK

Syariat Islam merupakan satu sistem hidup yang lengkap serta mampu menjawab dan menyelesaikan permasalahan hukum dalam kehidupan manusia yang semakin unik dan mencabar. Justeru, fatwa yang dikeluarkan melalui satu proses *Ijtihad* yang berteraskan beberapa metode dan *manhaj* merupakan salah satu sumber hukum yang berautoriti dalam Syariat Islam. Secara umumnya, disertasi ini membincangkan secara terperinci berkenaan *metodologi pengeluaran fatwa* yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah. Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian ini, penganalisaan statistik terhadap teks-teks fatwa terdahulu yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah dalam tempoh 11 tahun (semenjak 1985-1995) telah dilakukan. Selain itu, kajian perbandingan turut dilakukan bagi melihat keselarasan atau perbezaan yang wujud dalam aspek perkembangan dan metodologi hukum menurut sejarah perundangan Islam dan perundangan negeri Kedah sendiri. Penganalisaan secara kritis turut dilakukan bagi menilai tahap kualiti, autoriti, ketepatan dan keberkesanan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah. Perbincangan dalam disertasi ini turut meninjau berkenaan persoalan sejauhmanakah keterikatan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah dengan mazhab tertentu dan pengaruh *Taqlid* terhadap perkembangan fatwa di Kedah. Justeru itu, penganalisaan terperinci telah dilakukan terhadap struktur, organisasi, peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah, bidangkuasa dan fatwa yang telah dikuatkuasakan dalam tempoh (1985-1995) bagi menentukan status, kredibiliti dan kewibawaan Jawatankuasa Fatwa sebagai sebuah institusi fatwa yang berautoriti penuh di Negeri Kedah.

## ABSTRACT

*Shariah Islam is a complete life system, which is able to answer, justify and deal with all the difficulties and problems which becoming more unique and challenging in human life. Therefore, fatwa is defined as one of the authorized source in Shariah Islam which is issued through the process of Ijtihad based on several methods and manhaj. Generally, this dissertation discussed in detail about the 'methodology in instituting fatwa' used by the Kedah Fatwa Committee. In order to achieve the objective of this study, some research and analysis toward the statistics of previous fatwa texts issued by Kedah Fatwa Committee for the last 11 years (since 1985-1995) has been done to evaluate the quality, authority, and the effectiveness of using the specific methodology in instituting fatwa. Proceeding further, a comparison study has been done to elaborate the appearance of the similarities and differences between the growth and development of 'methodology of al-Hukm' according to Islamic Law historical review and the Legislature of Kedah State itself. References are made to the specific methodology applied by Kedah Fatwa Committee in instituting fatwa to answer the questions of whether the fatwa is necessary to be issued based on the certain madhhab or being initiated with any other Islamic doctrines. This study also attempts to look into the influence of Taqlid which effects the development of fatwa in Kedah. Therefore, a critical analyze toward the structure, organization, provision of the Administration of Kedah Islamic Law and the jurisdiction of fatwa which has been enforced in the last 11 years (since 1985-1995) has been done in order to determine the status, credibility, and authority of Kedah Fatwa Committee as an authorized fatwa institution in Kedah.*

## PENGHARGAAN

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Alhamdulilah penulis panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kehadrat Allah s.w.t di atas kurniaan kekuatan dan kelapangan serta kesabaran kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan kajian ini.

Di ruangan ini penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih tanda penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Dr. Rahimin Affandi bin Abd. Rahim, pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, juga selaku penyelia dan pembimbang yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga, menyumbangkan idea, tunjukajar serta kritikan yang amat berharga kepada penulis di sepanjang kajian sehingga berjaya menyiapkan kajian ini. Semoga Allah s.w.t memberikan balasan yang setimpal di atas segala jasa baik beliau.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua tenaga pengajar di Akademi Pengajian Islam yang telah mencerahkan ilmu pengetahuan kepada penulis sepanjang tempoh pengajian peringkat Sarjana Syariah ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalias segala tunjuk ajar yang diberikan.

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah amnya dan secara khususnya buat Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kedah dan seluruh Ahli Jawatankuasa, Ustaz

Suhaimi bin Hj. Ahmad selaku pegawai Bahagian Dakwah dan Penerangan, Encik Nazarul Zam Zam pegawai Penolong Penyelidik dan seterusnya kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan sumbangan kepada penulis untuk mendapatkan informasi maklumat dan data-data yang diperlukan bagi menjayakan kajian yang dijalankan.

Terima kasih banyak saya aturkan kepada pihak Insaniah, Alor Setar, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negeri Kedah, Perpustakaan Insaniah, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Mufti Negeri Perlis.

Seterusnya dan buat akhirnya sekalung penghargaan ditujukan khas buat yang teristimewa Ayah, semua keluarga, isteri tercinta Salehah bt. Abu Bakar dan keluarga, sahabat-sahabat tersayang, saudara Sharizal Md. Nor, Zairy Zainol, Badrul Effandy & Ibu serta semua teman seperjuangan. Semoga Allah s.w.t memberi ganjaran yang sewajarnya di atas segala jasa baik dan segala pengorbanan dan dorongan yang telah diberikan.

Akhir kata, semoga kajian ini memberi faedah dan manfaat kepada semua, khususnya umat Islam dan mudah-mudahan usaha ini diberkati Allah.

Wassalam .

## **DEDIKASI**

*Ya Allah Ya Tuhan  
Keampunan dan keredhaanMu  
Anugerah yang tidak ternilai bagi diriku  
Pada Mu juga ku pohonkan  
Agar kasih sayang dan rahmatMu  
Sentiasa menyelubungi hidupku.*

*Cabarannya dan Dugaan  
Anugerah Allah  
Untuk hambaNya yang mengaku beriman  
Ku pohon kepada Mu Ya Allah  
Agar diberikan kekuatan  
Kepada ku untuk ku lalu  
Keduanya.....*

*Ketenangan dan kesabaran  
Anugerah Allah  
Untuk HambaNya yang kerdil dan lemah  
Ku pohon kepada mu Ya Allah  
Agar dicurahkan kepadaku  
Keduanya.....*

*Kejayaan dan keberkatan  
Anugerah Allah  
Untuk hambaNya yang  
Berusaha, bertawakkal dan bersyukur  
Ku pohon kepadamu Ya Allah  
Agar aku juga tergolong daripada  
kalangan orang yang berjaya  
dan diberkati amalannya.*

## KEPENDEKAN

Op.cit	-	Dalam karya yang dirujuk sebelum pada tempat yang sama
Ibid	-	Jawatankuasa fatwa
J.K.F	-	Majlis Agama Islam Kedah
MAIK	-	Bilangan
Bil.	-	Dalam
Dlm.	-	Nombor
No.	-	Muka surat
m.s	-	Doktor
Dr.	-	Juzuk
KWSP	-	Kumpulan Simpanan Pekerja
Jum.	-	Jumlah
ASN	-	Amanah Saham Nasional
ASB	-	Amanah Saham Bumiputera
ASM	-	Amanah Saham MARA
Jld.	-	Jilid
S.W.T	-	Subhanahu Wa Taa'la
S.A.W	-	Sallallahu 'Alaihi Wassalam
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
MAS	-	Syarikat Penerbangan Malaysia
Terj.	-	Terjemahan

APIUM	-	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
m.d	-	Meninggal dunia
v.	-	volume

## **SENARAI STATUT**

1. Undang-Undang Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah.
2. Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah (pindaan kelima), Bil. 7/1987.
3. Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah (pindaan keempat), No. 6/1984.
4. Warta Kerajaan, Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1962, Fatwa di Bawah Seksyen 37 (3), No. 4/1999 No. 1/2000.
5. Warta Kerajaan, Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1962, Fatwa Di Bawah Seksyen 37 (2), No. 7/1994 dan No. 2/1997.

## **SENARAI JADUAL**

- Jadual 1 : Menunjukkan kategori Fatwa mengikut kesesuaian masalah.
- Jadual 2 : Menunjukkan bilangan permasalahan dan Fatwa dari tahun 1985 – 1995.
- Jadual 3 : Menunjukkan senarai Fatwa-Fatwa pilihan.
- Jadual 4 : Menunjukkan jumlah Fatwa berdasarkan tahun.
- Jadual 5 : Menunjukkan jumlah Fatwa mengikut bahagian dalam setiap bidang utama.
- Jadual 6 : Menunjukkan permasalahan yang belum difatwakan dan sebab.
- Jadual 7 : Menunjukkan jumlah Fatwa berdasarkan Fatwa berserta sumber rujukan dan tidak berserta sumber rujukan.

## TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini adalah ejaan baru Bahasa Malaysia.<sup>1</sup> Ejaan berhubung dengan perkataan 'Arab digunakan sistem ejaan panduan penulisan Ilmiah.<sup>2</sup> Tafsir ayat al-Quran pula digunakan Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran.<sup>3</sup>

Jadual Transliterasi:

Huruf 'Arab	Huruf Latin
س	s
ڦ	b
ڻ	t
ڻ	th
ڙ	j
ڤ	h
ڢ	kh
ڏ	d
ڙ	dh

<sup>1</sup> Ismail Bin Dehaman, *Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu*, DBP, (1996).

<sup>2</sup> Hj. Muhammad Bukhari Lubis, Haji Ali Hj. Ahmad, *Panduan Penulisan Ilmiah: Transliterasi Arab-Parsi – Turki*, The Open Press (M), Sdn. Bhd. (1999).

<sup>3</sup> Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, (1968).

ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	š
ض	đ
ط	ť
ظ	ž
ع	č
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y

Huruf (س) marbutah ditransliterasikan menjadi h. Terdapat perkataan Melayu yang berasal daripada perkataan 'Arab dieja mengikut perkataan Melayu<sup>4</sup> seperti: *'Aqidah, Ibadat, Munakahat, Mu'amalat dan Musyarawah.*

---

<sup>4</sup> Ini merandangkan bahawa terdapat banyak perkataan Melayu yang berasal dari perkataan Arab dan sudah masyhur digunakan sebagai perkataan Melayu. Keterangan lanjut, sila lihat, Kamus Dewan, Edisi ke-3, DBP, Kuala Lumpur: (1998).

Catatan: Semua ejaan dalam petikan (quotiations) adalah dikekalkan seperti ejaan asal.

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **LAMPIRAN A:**

- Lampiran 1**
- Lampiran 2**
- Lampiran 3**
- Lampiran 4**
- Lampiran 5**
- Lampiran 6**
- Lampiran 7**
- Lampiran 8**
- Lampiran 9**
- Lampiran 10**
- Lampiran 11**
- Lampiran 12**
- Lampiran 13**
- Lampiran 14**
- Lampiran 15**
- Lampiran 16**
- Lampiran 17**
- Lampiran 18**
- Lampiran 19**
- Lampiran 20**
- Lampiran 21**
- Lampiran 22**
- Lampiran 23**
- Lampiran 24**
- Lampiran 25**
- Lampiran 26**
- Lampiran 27**
- Lampiran 28**
- Lampiran 29**
- Lampiran 30**
- Lampiran 31**
- Lampiran 32**

## DAFTAR ISI

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
DEDIKASI	v
KEPENDEKAN	vi
SENARAI STATUT	viii
SENARAI JADUAL	ix
TRANSLITERASI	x
SENARAI LAMPIRAN	xiii
DAFTAR ISI	xiv
PENDAHULUAN - Pengenalan	xviii
OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN	xx
SKOP KAJIAN	xxii
KAJIAN LEPAS	xxiii
HIPOTESIS KAJIAN	xxvi
METODOLOGI KAJIAN	xxxii
SUMBER RUJUKAN	xxxiii
MASALAH KAJIAN	xxxvi

## BAB PERTAMA

### INSTITUSI FATWA DALAM PERUNDANGAN ISLAM: METODOLOGI DAN SEJARAH

#### PERKEMBANGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	DEFINISI FATWA	3
1.2	HUKUM MENGELOUARKAN FATWA	5
1.3	SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA	7
1.4	METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA	13
1.5	KEPENTINGAN DAN AUTORITI FATWA	17
1.6	PENGARUH TAQLID DALAM PEMBENTUKAN FATWA DAN KESANNYA	20

## BAB KEDUA

### INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA: METODOLOGI DAN SEJARAH PERKEMBANGAN

2.0	SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA	25
2.1	INSTITUSI FATWA KEDAH	32
2.1.1	SEJARAH PENUBUHAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI KEDAH	32
2.1.2	STRUKTUR ORGANISASI	36
2.1.3	AHLI JAWATANKUASA	37
2.2	METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA	39
2.2.1	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	40

2.2.2	ISU TIMBUL	43
2.2.3	PROSES MENJAWAB	44
2.2.4	SUMBER RUJUKAN HUKUM	46
2.2.5	DOKUMENTASI	47
2.2.6	PENGUATKUASAAN	49

### BAB KETIGA

#### **ANALISA TEKS-TEKS FATWA DAN PERMASALAHAN JAWATANKUASA FATWA KEDAH (1985-1995)**

3.0	PENDAHULUAN	52
3.1	ANALISA STATISTIK FATWA	53
3.1.1	ANALISA FATWA BERDASARKAN PEMBAHAGIAN BIDANG	57
3.1.2	ANALISA BERDASARKAN MENGIKUT PEMBAHAGIAN TAHUN	61
3.1.3	ANALISA FATWA BERDASARKAN PECAHAN KECIL DALAM SETIAP BIDANG	62
3.1.4	ANALISA PERMASALAHAN YANG BELUM DIFATWAKAN DAN SEBAB	64
3.1.5	ANALISA SUMBER RUJUKAN HUKUM	66
3.2	KETERIKATAN FATWA DENGAN MAZHAB	68
3.3	REALITI PERLAKSANAAN METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA J.K.F. KEDAH	71
	KESIMPULAN	75

## BAB KEEMPAT

### ANALISA KETEPATAN FATWA-FATWA J.K.F

4.0	PENDAHULUAN	78
4.1	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG IBADAT	80
4.2	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG <i>MUAMALAT</i>	92
4.3	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG <i>MUNAKAHAT</i>	100
4.4	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG <i>TAUHID</i>	104
4.5	KAEDAH BERJUTIHAD OLEH J.K.F KEDAH	109
4.6	KESIMPULAN	110

## BAB KELIMA

5.0	PENUTUP	113
5.1	PENDAHULUAN	113
5.2	RUMUSAN	117
5.3	CADANGAN DAN KRITIKAN	123
5.4	KESIMPULAN	126
	BIBLIOGRAFI	132
	LAMPIRAN	

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Masyarakat Islam kini berhadapan dengan pelbagai permasalahan baru akibat perubahan corak hidup dan perkembangan sains dan teknologi yang begitu pesat sekaligus lahir satu era yang dikenali dengan Era Siber<sup>5</sup>. Dunia kini, sudah tidak ada sempadan lagi, segala-galanya boleh berlaku dengan satu jari dalam beberapa saat sahaja. Permasalahan semasa semakin mencabar dan kompleks. Penilaian permasalahan yang tepat dan benar diperlukan dalam menangani permasalahan dengan bersandarkan Syariat Islam.

Syariat Islam mampu menghadapi zaman globalisasi dan arus modenisasi. Permasalahan hukum kian mencabar dan unik, tetapi Institusi fatwa yang berasaskan method ijtihadiah mampu menghadapi keperluan hukum bagi masyarakat dan negara. Kegiatan-kegiatan ijihad perlu diteruskan oleh fuqaha dan ulama. Suatu penelitian dan penyelidikan tentang hukum perlu dilakukan dengan serius dan profesional bagi menghasilkan kesimpulan-kesimpulan ilmu yang baru dan bersifat anjal serta fleksibel.

---

<sup>5</sup> Untuk maklumat lanjut, sila lihat, Othman Yeop Abdullah, *Sosio-Budaya Dalam Pembangunan Multi Media, Dalam Multi Media Dan Islam*, Kuala Lumpur, 1999, m.s. 1-14.

Fatwa sebagai satu sumber hukum dalam Syariat Islam dan ia juga merupakan satu proses yang unik dalam perundangan Islam. Dari segi modus operandinya Fatwa selalunya melibatkan dua pihak iaitu pihak yang mengemukakan masalah dan persoalan (*Mustafti*), manakala pihak yang kedua pula, dikenali sebagai Mufti atau pihak yang memberikan jawapan dan dianggap sebagai penyelesaian masalah. Dalam keadaan tertentu, *Mustafti* adalah terdiri daripada masyarakat awam, pihak hakim di mahkamah dan boleh jadi juga ianya daripada pihak pemerintah negara.

Para Mufti berperanan untuk menyelesaikan permasalahan baru yang timbul dan tidak ditentukan hukum sebelum ini, iaitu berasaskan metodologi ijтиhad. Di negeri Kedah, peranan tersebut dimainkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah. Ia juga merupakan tempat rujukan hukum utama di negeri Kedah. Dalam proses pengeluaran fatwa, J.K.F Kedah mempunyai organisasi dan metodologi yang tersendiri yang telah diperuntukan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah. Ketepatan dan kejelasan dalam metodologi yang digunakan dalam pengeluaran fatwa perlu dikaji dan dianalisa dari masa ke semasa agar penyelesaian permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan sempurna.

Proses pengeluaran fatwa yang berdasarkan metodologi dan kaedah yang tepat dan berkesan adalah penting. Selain itu, masyarakat Islam khususnya di negeri Kedah akan sentiasa hidup jengan mengamalkan Syariat

Islam yang sentiasa berada di atas landasan syariat yang benar-benar menepati kehendak Allah s.w.t. Kualiti dan autoriti serta penerimaan masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan adalah bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam proses penghasilan fatwa. Metodologi pengeluaran fatwa juga merupakan asas terpenting kepada pembinaan dan penghasilan fatwa sebagai salah satu sumber hukum di dalam Syariat Islam yang syumul dan universal serta fleksibel.

## **OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Untuk mengkaji dan menganalisa secara kritis metodologi yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri Kedah dalam pengeluaran fatwa peringkat negeri.
2. Untuk mengkaji dan meneliti permasalahan-permasalahan yang menjadi isu-isu utama di kalangan masyarakat negeri Kedah.
3. Untuk mengkaji perbezaan metodologi pengeluaran fatwa secara prinsip dan realiti perlaksanaannya di Kedah.
4. Untuk mengetahui sejauhmana budaya Taqlid mempengaruhi Jawatankuasa Fatwa Kedah dalam pengeluaran fatwa.

5. Untuk mengkaji ketepatan dan kejelasan fatwa yang telah dikeluarkan oleh J.K.F Kedah.
6. Untuk mengkaji masalah-masalah, kelebihan dan kelemahan dalam metodologi yang digunakan oleh J.K.F Kedah.
7. Untuk melihat kualiti, autoriti dan peranan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan terhadap masyarakat Islam khususnya di negeri Kedah.
8. Untuk melihat keberkesanan pengurusan dan organisasi J.K.F Kedah berperanan sebagai sumber rujukan utama di Kedah.

Di samping itu, kepentingan kajian ini amatlah banyak dan di antaranya:

1. Dapat mengesan metodologi asas yang digunakan oleh J.K.F Kedah dalam mengeluarkan fatwa.
2. Dapat mengetengahkan kelebihan dan kelemahan metodologi hukum J.K.F Kedah dalam menangani permasalahan hukum.
3. Dapat memperolehi gambaran jelas tentang hakikat sebenar metodologi pengeluaran fatwa yang terdapat dalam Syariat Islam.
4. Mencari titik perbezaan antara metodologi pengeluaran fatwa J.K.F dan yang terdapat dalam prinsip syariat Islam.
5. Bidangkuasa dan kuatkuasa fatwa serta keberkesanan fatwa kepada masyarakat dan negeri Kedah khususnya dapat dinilai secara kritis.

- Dapat mengumpul dan menyenaraikan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan sepanjang 11 tahun tersebut (1985-1995) secara sistematik dan teratur.

## SKOP KAJIAN

Kajian menjurus ke arah metodologi dan kaedah yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam pengeluaran fatwa bagi menyelesaikan permasalahan-permasalahan hukum baru yang timbul di kalangan masyarakat dan kerajaan Negeri Kedah. Penganalisaan dilakukan ke atas teks-teks fatwa yang dikeluarkan dalam tempoh 11 tahun iaitu dari tahun 1985 sehingga tahun 1995 yang turut dijadikan sumber rujukan bagi kajian kes. Pemilihan fatwa dalam tempoh tahun tersebut adalah bertujuan mengetahui dan menganalisa permasalahan-permasalahan semasa yang telah timbul dan bagaimana permasalahan tersebut ditangani oleh J.K.F Kedah.

Pada tahun 1985 sehingga tahun 1995 telah berlaku kebangkitan Islam yang pesat. Kesedaran masyarakat meningkat terhadap Islam dan mereka inginkan penyelesaian masalah dalam kehidupan berteraskan Syariat Islam yang unggul dan syumul<sup>6</sup>. Kebanyakan isu-isu yang timbul adalah meliputi aspek Akidah, Ibadah, Muamalat, Munakahat dan masalah-masalah Fiqh lain yang bersifat semasa dan menjadi adat atau 'urf dalam kehidupan seharian

masyarakat. Oleh sebab itu, J.K.F Kedah perlu bersedia dan mempunyai kredibiliti yang mantap dan berwibawa bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Konsep ijihad perlu diaplikasikan dalam bentuk yang sebenar, iaitu disifatkan ianya sebagai suatu penelitian atau penyelidikan tentang hukum yang boleh menghasilkan kesimpulan-kesimpulan ilmu yang baik kepada mujtahid. Sebagai suatu penyelidikan ianya tentu sekali dilakukan mengikut kaedah-kaedah tertentu dan memerlukan kepada kepakaran tertentu.<sup>7</sup>

## KAJIAN LEPAS

### Kajian Lepas:

Daripada penelitian yang dibuat terhadap hasil kajian lepas, didapati ianya tidak ada pengkhususan terhadap fatwa-fatwa yang yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah,khususnya dari segi metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan. Kebanyakan kajian berbentuk umum meliputi fatwa-fatwa yang dikeluarkan di negara Malaysia.<sup>8</sup> Walaupun begitu,

<sup>6</sup> Lihat, Othman Haji Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam, Dalam Perundangan Islam Di Negeri-negeri Melayu*, Kuala Lumpur, 1981, m.s.23-80.

<sup>7</sup> Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (Prof.)(Dr.), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam, (dlm) Ijtihad dan Perannya dalam Pembinaan Hukum Islam*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (1988), m.s 75.

<sup>8</sup> *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Othman Ishak, (Tesis Ph.D), Universiti Malaya, 1979. *Suatu Kajian Kritikal Mengenai Institusi Fatwa Dalam Hukum Syara' Di Negeri-Negeri Melayu: Sejarah dan Interpretasinya*, Othman Ishak (Tesis), 1979. *Ijtihad Dan Amalananya Dalam Pembinaan Fatwa Di Malaysia*, Abdul Hamid @ Yusuoff bin Yunus, (Latihan Ilmiah), 1991. *Fatwa-fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan: Satu Analisa Ringkas*, Wan Zuliana Wan Lolok, (Latihan Ilmiah), 1992. *Penggunaan Al-Masoleh Al-Mursalah Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam*, Muhammad Nubli Hj.

terdapat kajian yang dilakukan di peringkat negeri-negeri tertentu kecuali negeri Kedah.<sup>9</sup> Terdapat satu kajian tentang Jawatankuasa Fatwa Kedah yang dilakukan oleh Maspinah Dollah,<sup>10</sup> tetapi ianya hanya meliputi struktur organisasi dan kredibiliti J.K.F Kedah sahaja. Kajian tersebut turut mengkaji fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F Kedah tetapi ianya terhad dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 1990 sehingga 1995. Pengkaji juga tidak menyentuh tentang metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh J.K.F Kedah secara terperinci, sebaliknya penumpuan diberi terhadap sejauhmana keterikatan fatwa dengan Mazhab Syafi'e.

Terdapat juga kajian yang menyentuh tentang pengaruh budaya Taqlid dalam pengeluaran fatwa, tetapi ianya tidak dikhulus kepada J.K.F Kedah, sebaliknya pengkajian dibuat secara umum di negara Malaysia.<sup>11</sup> Tentang metodologi pengeluaran fatwa turut dibuat kajian walaupun ianya tidak melibat fatwa-fatwa Kedah secara khusus tetapi metodologi seperti acara Istinbad fatwa, Ijtihad dan penggunaan *al-Masoleh al-Mursalah* dibuat kajian secara umum meliputi fatwa-fatwa keseluruhannya di Malaysia. Kebanyakan kajian umum meliputi fatwa-fatwa keseluruhannya di Malaysia.

<sup>9</sup> Abdul Wahab, (Latihan Ilmiah), 1993. *Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan Dan Kehakiman Islam*, Othman Ishak, (Kertas Kerja Seminar), 1997.

<sup>10</sup> *Aliran Fikiran Dalam Mazhab-Mazhab Fiqh Dan Pengaruhnya dalam Kegiatan Fatwa Di Kuala Lumpur*, Nordin Ahmad Kadri, (Latihan Ilmiah), 1990. *Autoriti Fatwa Di Malaysia: Satu Tinjauan Di Negeri Selangor Darul Ehsan*, Saedah Sanip (Latihan Ilmiah) 1991.

<sup>11</sup> *Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dari Tahun 1990 sehingga 1995: Satu Analisa*, Maspinah Dolah, (Latihan Ilmiah), 1997.

<sup>12</sup> *Konsep Taqlid dalam Pembinaan Hukum: Amalannya Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama*, Zarina Salleh, (Latihan Ilmiah), 1994.

yang dibuat adalah tertumpu kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.<sup>12</sup>

### **Faedah Kajian Lepas:**

Kajian lepas menyumbang banyak faedah terhadap kajian yang bakal dibuat. Antaranya ialah:

1. Dapat memahami konsep fatwa dan sejarah perkembangannya dalam perundangan Islam dan juga di Malaysia.
2. Dapat mengetahui tentang metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh jawatankuasa fatwa di Malaysia secara umum.
3. Dapat mengetahui struktur organisasi jawatankuasa fatwa di semua negeri-negeri di Malaysia.
4. Pengaruh budaya Taqlid dalam pengeluaran fatwa –fatwa di Malaysia dapat dikesan dan seterusnya diatasi.
5. Dapat membuktikan sejauhmana keberkesanan dan keterikatan fatwa yang dikeluarkan terhadap masyarakat Islam di Malaysia secara umum.

---

<sup>12</sup> *Ijtihad Dan Amalan Dalam Pembinaan Fatwa Di Malaysia*, Abdul Hamid @ Yusuoff bin Yunus, (Latihan Ilmiah), 1991. *Penggunaan Al-Masoleh Al-Mursalah Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam*, Muhammad Nubli Hj. Abdul Wahab, (Latihan Ilmiah), 1993. *Acara Istimbah Dalam Konteks Pembentukan Fatwa Di Malaysia*, Mat Saad Abd. Rahman, (Kertas Kerja Seminar), 1997. *Acara Membuat Fatwa*, Ahmad Mohamed Ibrahim, (Kertas Kerja Seminar), 1997.

Kajian-kajian lepas apabila diteliti dengan terperinci, didapati kebanyakannya belum lagi menyentuh tentang metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh jawatankuasa fatwa di negeri-negeri di Malaysia secara khusus. Metodologi fatwa juga tidak dibincangkan dan dianalisa secara kritis yang berkesan iaitu melalui kajian kes yang berdasarkan teks-teks fatwa yang telah dikeluarkan secara maksimum. Kekuatan dan kelemahan metodologi pengeluaran yang digunakan juga belum dianalisis secara yang lebih serius.

Jadi dalam kajian ini akan memuatkan hasil-hasil kajian tentang metodologi pengeluaran fatwa secara khusus iaitu yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah. Analisa teks-teks fatwa secara maksimum dalam tempoh 11 tahun iaitu dari tahun 1985 sehingga 1995. Metodologi fatwa juga akan dikaji dari aspek perbandingan antara yang terdapat dalam prinsip Syariat Islam dan realiti perlaksanaannya di Kedah. Begitu juga dengan kekuatan, kelemahan serta ketepatan fatwa yang dikeluarkan turut dikaji. Permasalahan yang dikaji adalah terhad kepada yang berkaitan dan berlaku di kalangan masyarakat negeri Kedah sahaja. Pengkhususan kajian yang dibuat dapat memantapkan hasil kajian yang bakal diperolehi. Selain itu pengaruh budaya Taqlid dan keterikatan jawatankuasa fatwa terhadap sesuatu mazhab akan dapat dikesan dengan lebih jelas dan tepat. Peranan institusi fatwa dalam menyelesaikan masalah masyarakat Islam dikaji secara detail terhadap masyarakat di Kedah sahaja. Keberkesanannya metodologi fatwa yang digunakan oleh J.K.F Kedah dapat diketahui dengan lebih efisyen dan tepat.

## HIPOTESIS KAJIAN

Pada dasarnya Syariat Islam itu adalah bersifat syumul,universal dan fleksibel, ianya mampu menghadapi dan menyelesaikan permasalahan masyarakat Islam kerana wujudnya institusi fatwa. Di negeri Kedah, wujudnya Jawatankuasa Fatwa yang bertindak sebagai badan induk dan tempat rujukan hukum utama dalam menyelesaikan persoalan-persoalan Fiqh semasa yang timbul di kalangan masyarakat Kedah khususnya.

Keperluan kepada hukum Islam yang bersifat semasa bagi masyarakat di negeri Kedah yang membangun pada masa sekarang sudah berada pada tahap yang mendesak. Kegagalan memenuhi keperluan ini boleh menyebabkan banyak agenda pembangunan kemasyarakatan dari aspek rohani, fizikal dan intelek akan terjejas, malah pengaruh hukum Islam dalam kehidupan masyarakat akan menjadi pudar dan lesu. Syariat Islam akan dilihat sebagai tidak lagi sesuai dan relevan untuk dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat yang inginkan kehidupan berlandaskan syariat yang agung dan direhái oleh Allah.<sup>13</sup>

---

<sup>13</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid (Prof.)(Dr.), *Pengajian Syariah: Suatu Pentakrifan, dalam Dimanisme*, Pengajian Syariah, Kuala Lumpur, 1997, m.s 3-10.

Pada hakikatnya, hukum Islam secara keseluruhannya adalah berasaskan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat sebahagiannya adalah berasaskan kepada sumber-sumber lain yang disepakati

fuqaha dan ulama antaranya *al-Qiyas*, *al-Ijma'*, *al-Istihsan* dan *al-Sadd al-Zar'ie* dan *al-Masoleh al-Mursalah*. Secara umumnya sumber-sumber ini dibawah satu rumpun yang asasi iaitu kelahirannya adalah berdasarkan konsep ijihad. Secara teknikalnya ijihad didefinisikan oleh para fuqaha dengan berbagai-bagai definisi yang berbeza, mengikut penekanan masing-masing terhadap mana-mana aspek yang terdapat dalam ijihad itu sendiri.<sup>14</sup> Perkara penting di sini adalah menjadi tugas fuqaha dalam menghadapi permasalahan hukum, mereka bukan sekadar pemerhati semata-mata tetapi perlu turut cuba menyelesaikan permasalahan yang timbul.<sup>15</sup> Setiap pemasalahan atau persoalan yang timbul perlu diteliti dan diselidiki dengan serius dan profesional. Di samping setiap penyelidikan perlu ada kaedah-kaedah tertentu dan kepakaran-kepakaran yang khusus. Penyelarasannya peranan fuqaha untuk setiap zaman ini antara lainnya bertujuan untuk:

<sup>14</sup> Huraian lanjut sila lihat: Mahmood Zuhdi Ab. Majid (Prof.) (Dr.), *op.cit.*, m.s 75.

<sup>15</sup> Mohd Kamil Ab. Majid, *Ulama dan Perubahan Sosial dalam Islam*, Jurnal Usuluddin, bil. 10 (1999), m.s 84-93.

1. Memperbetulkan segala bentuk kelemahan yang selama ini dinisbahkan kepada Syariah Islam.<sup>16</sup>
2. Membuktikan idea kemajuan yang terkandung di dalam Islam.<sup>17</sup>
3. Mengingatkan fuqaha bahawa mereka patut menjadi agen perubahan yang bersikap sensitif dan proaktif dengan isu-isu semasa yang timbul di dalam masyarakat.<sup>18</sup>

Adalah menjadi tanggungjawab J.K.F Kedah untuk mencari jawapan bagi penyelesaian masalah berbentuk hukum yang mempunyai nilai semasa dan setempat, selagi ianya tidak bercanggah atau terkeluar daripada kehendak nas dan objektif Syara'. Dalam mendapatkan jawapan bagi penyelesaian masalah yang timbul, J.K.F Kedah perlu mempunyai metodologi dan kaedah hukum yang sesuai dan mantap. Malah, dalam pengeluaran fatwa juga perlu ada garis panduan yang jelas, standard dan sistematik untuk menjamin kejelasan dan ketepatan fatwa yang bakal dikeluarkan nanti. Metodologi pengeluaran fatwa perlu bersifat kontemporari dan sesuai dengan nilai-nilai

---

<sup>16</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan, dalam Dinanisme Pengajian Syariah*, m.s 6-10.

<sup>17</sup> Lihat sebagai contoh, Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan sebuah Idea*, Kuala Lumpur, 1982, m.s 27-53.

<sup>18</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, 1997, m.s 34-40.

setempat dari segi intelektual, mentaliti dan kondisi masyarakat di negeri Kedah.

Selain itu, J.K.F Kedah perlu mengelakkan daripada menggunakan metodologi yang berasaskan budaya Taqlid yang merupakan punca utama kepada kebekuan dan kelesuan hukum<sup>19</sup> yang dihasilkan kelak. Di samping itu juga, keberkesanan, ketepatan dan kesesuaian dalam menangani permasalahan baru yang timbul masih boleh dipertikaikan. Kesan daripada belenggu budaya Taqlid dalam proses pengeluaran fatwa adalah negatif, ianya boleh menyebabkan:

- a. Kualiti dan autoriti fatwa menjadi lemah.
- b. Fatwa yang dikeluarkan tidak menepati suasana dan kehendak semasa yang begitu kompleks.
- c. Hukum Islam dilihat sebagai tidak lagi mampu menghadapi arus pembangunan yang pesat dan moden.<sup>20</sup>
- d. Institusi fatwa tersebut turut menerima kesan-kesan negatifnya seperti hilang populariti dan kewibawaannya akan diragui oleh masyarakat Islam sejagat.

<sup>19</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (Dr.), *Budaya Taqlid Di dalam Masyarakat Melayu: Satu Tinjauan Ringkas*. Jurnal Syariah, APIUM, Jil. 3, Bil. 1, Januari 1995, m.s 29.

<sup>20</sup> Md. Saleh Hj. Md. @ Hj. Ahmad, (1999) *Penggunaan Taqlid dan Talfiq Dalam Fatwa: Satu Penilaian*, (dlm.) *Hukum Islam Semasa: Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, (KL) (1999) cet. 1, m.s 81.

Oleh yang demikian, metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan perlu berasaskan penelitian dan penyelidikan yang mantap dan berkesan. Selain itu, perlu disertakan kepakaran dan profesionalisme yang unggul dalam menggariskan method dan kaedah yang sistematik.<sup>21</sup> Serta bebas daripada budaya Taqlid atau keterikatan kepada sesuatu method tertentu sahaja.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan elemen terpenting di dalam pengkajian ini. Metodologi yang digunakan bagi mengumpul data dan maklumat dalam kajian ini ialah seperti berikut:

### 1. Metod Sejarah

Dalam kajian ini, pengkaji ada menyentuh tentang sejarah perkembangan fatwa dalam perundangan Islam dan juga di negeri Kedah serta sejarah penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kedah. Selain itu, metod ini dapat membantu untuk menghuraikan sebab musabab sesuatu peristiwa itu berlaku dan perkaitan di antara sesuatu peristiwa serta kesan yang terhasil daripada sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Oleh yang demikian penggunaan metod ini digunakan untuk mendapatkan

---

<sup>21</sup> Idris Awang (Dr.), *Penyelidikan Ilmiah dan Keperluannya Dalam Penelitian Hukum, (dlm.) Hukum Islam Semada: Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun, (KL) (1999), cet. 1, ms. 55 –60.*

maklumat dan data-data yang terperinci secara kronologi tentang kajian yang dilakukan.<sup>22</sup>

## 2. Metod Analisa

Secara umumnya analisa bentuk luaran dilakukan bagi memastikan input/info itu samaada salah atau bentul. Manakala bentuk dalaman pula bagi memastikan isinya samaada munasabah dan rasional ataupun sebaliknya.<sup>23</sup> Analisa yang berbentuk luaran iaitu berasaskan bahan yang asal dan asli serta benar dijadikan sandaran kajian. Analisa bahan-bahan sumber rujukan yang berbentuk "Primary" dan "Secondary" dilakukan bagi mendapatkan berbentuk maklumat dan data kajian. Metod ini juga mengaplikasikan analisa dalam bentuk Induktif dan Deduktif bagi tujuan menghasilkan rumusan kajian yang lebih tepat, mantap dan berkesan. Metod ini juga digunakan dalam mengkaji isi-isi kandungan bagi semua sumber rujukan. Analisa dibuat dari aspek kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam sesuatu kandungan bahan sumber rujukan. Metod analisa secara Deduktif menjadi kaedah utama dalam melakukan penganalisaan ke atas teks-teks fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah, dari tahun 1985 sehingga

<sup>22</sup> Abdul Rahman Abdullah (Dr.), *Pengantar Ilmu Sejarah*, DBP, Selangor (1994), m.s 22-27.

<sup>23</sup> Abdul Rahman Abdullah (Dr.), *Ibid.*, m.s 76-88.

tahun 1995. Ini bertujuan untuk memperolehi natijah secara khusus iaitu metodologi yang digunakan oleh J.K.F dalam pengeluaran fatwa.

### **3. Metod Perbandingan**

Metodologi pengeluaran fatwa yang terdapat dalam sejarah perkembangan perundangan Islam akan dibandingkan dengan metodologi J.K.F Kedah. Perbandingan metodologi fatwa yang terkandung di dalam prinsip perundangan Islam dan realiti perlaksanaannya di Kedah akan menzahirkan perbezaan yang ketara dari segi metodologi dan kaedah yang dipraktiskan dalam mengeluarkan fatwa. Begitu juga dari segi ketepatan dan kejelasan fatwa yang dikeluarkan dapat dikaji dengan terperinci. Selain itu, dari aspek kualiti, autoriti dan pengaruh budaya Taqlid dapat dikesan apabila metod perbandingan ini diaplikasikan dalam kajian. Metod ini juga sekali gus dapat menjelaskan perkaitan antara metodologi pengeluaran fatwa secara prinsip dan realiti perlaksanaannya bagi J.K.F negeri Kedah.

### **SUMBER RUJUKAN**

Sumber rujukan bagi menyempurnakan kajian ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu berasaskan bahan kajian Perpustakaan dan bahan kajian Kes-

Kajian berdasarkan bahan perpustakaan terdiri daripada bahan-bahan Utama (Primary) seperti buku-buku Fiqh dan Tamadun Islam yang berkaitan dengan fatwa dan perkembangannya dalam perundangan Islam. Antara buku-buku tersebut ialah seperti:

1. Al-Ghazali, *Al-Muṣṭafā Fi 'Ilm al-Uṣūl*, Beirut, (1993).
2. Al-Haithami, *Al-Fatāwā al-Hadithah*, Kaherah, (1989).
3. Al-Harrami, *Sifat al-Fatwa Wā al-Mufti Wā al-Mustafī*, Beirut (1937).
4. Al-Qaradhawi, *Fatāwā Mu 'āṣirah*, Kuwait, (1990).
5. Al-Sarakhsī, *Uṣūl al-Sarakhsī*, Beirut, (1973).
6. Al-Syafie, *Al-Risālah*, Kaherah, (1983).
7. Al-Subhi, *Fatāwā*, Beirut, (t.t).
8. Al-Zarkashi, *Al-Bahr al-Muhiṭ*, Kuwait, (1988).
9. Ibn al-Qayyim, *Taqam al-Muwaqqi 'in*, Kaherah, (1993).
10. Al-Qasimi, *Al-Fatāwā Fi al-Islām*, Beirut, (1986).
11. Ibn 'Abidin, *Al-'Uqūd al-Durriyyah Fi Tanqīh al-Fatāwā al-Hamidiyyah*, Beirut, (t.t)
12. Al-Ramli, *Al-Fatāwā al-Khairiyah Li Naf' al-Baniyyah*, Beirut, (1974).

Bahan-bahan rujukan kedua (Secondary) pula terdiri daripada buku-buku terjemahan<sup>24</sup>, jurnal-jurnal,<sup>25</sup> risalah-risalah<sup>26</sup> dan hasil-hasil kajian ilmiah yang berbentuk tesis-tesis<sup>27</sup> atau kertas-kertas kerja seminar<sup>28</sup>.

Bagi sumber kajian berbentuk bahan kajian kes pula, kertas-kertas minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kedah dijadikan sebagai bahan utama yang berbentuk dokumen salinan untuk dianalisis. Selain itu, himpunan fatwa-fatwa Kedah juga dijadikan sumber kajian kes, yang diperolehi dalam bentuk buku yang belum berjilid, hasil usaha Hj.Zakaria Bin Hj. Rahmat Wan Besar.Bahan-bahan lain seperti Jurnal Tahunan yang bertajuk "Peranan Dan Kemajuan Majlis Agama Islam Kedah" dan juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah.Semua ini diperolehi secara rasmi daripada Penolong Pegawai Penyelidikan, Encik Nazarul Zam Zam,yang bertugas di Pejabat Mufti.

<sup>24</sup> Ibn Qayyim, *Fatwa-fatwa Rasulullah S.A.W.*, (Terj.), S.Ziyad 'Abbas, Jakarta, (1990), Abdul Aziz Al-Halawi, *Umar Ibnu Al-Khattab: Keputusan Hukum Dan Fatwa-Fatwanya*, (Terj.), Syahrin Nasution (Dr.), Kuala Lumpur, (1997), Yusof al-Qaradhwai (Dr.), *Fatwa Masa Kini*, (Terj.) Sidi Ahmad,Sofwan Hasbullah dan Masrouq, Kuala Lumpur, (1991).

<sup>25</sup> Mohd.Daud Bakar (Dr.), *Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam*, Jurnal Syariah, APIUM, (1997)., Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Reformasi Perundangan Islam Di Malaysia*, Jurnal Syariah, APIUM, (1994), Rahimin Afffandi Abd. Rahim, *Budaya Taqlid Dalam Masyarakat Melayu*, Jurnal Syariah, APIUM, (1993), *Peranan Dan Kemajuan Majlis Agama Islam Kedah 19963-1993*, Jurnal Tahunan,Alor Setar, Kedah ,(1998).

<sup>26</sup>Zakaria Hj.Rahmat Wan Besar, *Himpunan Fatwa Kedah Darul Aman, Jawatankuasa Fatwa Kedah Darulaman*, Kedah, (1998).

<sup>27</sup> Othman Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Tesis (PHD),Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (1979), Abdul Hamid, *Ijtihad Dan Amalananya Dalam Pembinaan Fatwa Di Malaysia*, Tesis (M.A), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (1991),, Maspinah Dollah, *Fatwa Jawatankuasa Kedah (1990-1995): Satu Analisis*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (1997).

<sup>28</sup>Othman Ishak, *Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan Dan Kehakiman.*, Mat Saad Abd.Rahman, *Istimbah:Asas Dan Metodologi.*, Abdullah Abu Bakar, *Kedudukan Mazhab Dalam Fatwa*, Abd.

Temubual juga akan dilakukan sebagai sumber rujukan bagi kajian kes. Antara yang ditemubual ialah Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Pengurus Jawatankuasa Fatwa Kedah, Penolong Pegawai Penyelidik di Jabatan Mufti dan pegawai di Bahagian Dakwah Dan Penerangan di Majlis Agama Islam Kedah. Permohonan juga turut dibuat kepada Jawatankuasa Fatwa Kedah bagi menyertai sidang Muzakarah jawatankuasa yang diadakan sebulan sekali untuk memperolehi maklumat melalui metod observasi atau pemerhatian.

Segala sumber rujukan ini adalah amat penting samaada yang berbentuk Kajian Perpustakaan atau Kajian Kes dengan tujuan memperolehi data dan maklumat yang tepat dan benar. Sekali gus dapat dimanfaatkan bagi penyempurnaan kajian yang dibuat seterusnya menghasilkan rumusan dan kesimpulan yang tepat serta mantap.

## **MASALAH KAJIAN**

Masalah yang dihadapi ialah kesukaran untuk mendapatkan berbentuk data-data untuk sejarah penubuhan Jawatankuasa Fatwa kerana tidak terdapat dalam catitan yang lengkap. Pada masa yang sama, kesukaran mendapatkan kertas-kertas mesyuarat J.K.F, kerana temuanji yang dibuat dengan Setiausaha Jawatankuasa Fatwa sering dibatalkan atas alasan ada mesyuarat. Jadi perkara

ini mengakibatkan berulang kali pergi ke Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Kedah untuk mendapatkan maklumat.

Selain itu, kertas-kertas mesyuarat tersebut adalah disimpan dalam satu salinan berbentuk sistem fail. Jadi penulis, pada peringkat awalnya tidak dibenarkan membawa keluar kertas-kertas mesyuarat tersebut untuk di photostat, kerana dikhawatir akan hilang. Jadi terpaksa berbincang lama dengan pegawai yang berkenaan untuk menyakinkannya. Masalah yang lebih utama ialah dalam menganalisis teks-teks fatwa yang difailkan secara tidak sistematik dan penghuraian masalah yang tidak teratur serta terlalu ringkas dan tidak jelas persoalan yang dikemukakan. Sistem ejaan Jawi lama yang agak samar dan ketidakjelasan tulisan tersebut setelah dibuat salinan kedua, menyebabkan penulis terpaksa mengeditnya semula dan menyalinkannya kepada tulisan rumi dalam sistem ejaan Melayu baru.

## ABSTRAK

Syariat Islam merupakan satu sistem hidup yang lengkap serta mampu menjawab dan menyelesaikan permasalahan hukum dalam kehidupan manusia yang semakin unik dan mencabar. Justeru, fatwa yang dikeluarkan melalui satu proses *Ijtihad* yang berteraskan beberapa metode dan *manhaj* merupakan salah satu sumber hukum yang berautoriti dalam Syariat Islam. Secara umumnya, disertasi ini membincangkan secara terperinci berkenaan *metodologi pengeluaran fatwa* yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah. Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian ini, penganalisaan statistik terhadap teks-teks fatwa terdahulu yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah dalam tempoh 11 tahun (semenjak 1985-1995) telah dilakukan. Selain itu, kajian perbandingan turut dilakukan bagi melihat keselarasan atau perbezaan yang wujud dalam aspek perkembangan dan metodologi hukum menurut sejarah perundangan Islam dan perundangan negeri Kedah sendiri. Penganalisaan secara kritis turut dilakukan bagi menilai tahap kualiti, autoriti, ketepatan dan keberkesanan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah. Perbincangan dalam disertasi ini turut meninjau berkenaan persoalan sejauhmanakah keterikatan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah dengan mazhab tertentu dan pengaruh *Taqlid* terhadap perkembangan fatwa di Kedah. Justeru itu, penganalisaan terperinci telah dilakukan terhadap struktur, organisasi, peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah, bidangkuasa dan fatwa yang telah dikuatkuasakan dalam tempoh (1985-1995) bagi menentukan status, kredibiliti dan kewibawaan Jawatankuasa Fatwa sebagai sebuah institusi fatwa yang berautoriti penuh di Negeri Kedah.

## ABSTRACT

*Shariah Islam is a complete life system, which is able to answer, justify and deal with all the difficulties and problems which becoming more unique and challenging in human life. Therefore, fatwa is defined as one of the authorized source in Shariah Islam which is issued through the process of Ijtihad based on several methods and manhaj. Generally, this dissertation discussed in detail about the 'methodology in instituting fatwa' used by the Kedah Fatwa Committee. In order to achieve the objective of this study, some research and analysis toward the statistics of previous fatwa texts issued by Kedah Fatwa Committee for the last 11 years (since 1985-1995) has been done to evaluate the quality, authority, and the effectiveness of using the specific methodology in instituting fatwa. Proceeding further, a comparison study has been done to elaborate the appearance of the similarities and differences between the growth and development of 'methodology of al-Hukm' according to Islamic Law historical review and the Legislature of Kedah State itself. References are made to the specific methodology applied by Kedah Fatwa Committee in instituting fatwa to answer the questions of whether the fatwa is necessary to be issued based on the certain madhhab or being initiated with any other Islamic doctrines. This study also attempts to look into the influence of Taqlid which effects the development of fatwa in Kedah. Therefore, a critical analyze toward the structure, organization, provision of the Administration of Kedah Islamic Law and the jurisdiction of fatwa which has been enforced in the last 11 years (since 1985-1995) has been done in order to determine the status, credibility, and authority of Kedah Fatwa Committee as an authorized fatwa institution in Kedah.*

## DAFTAR ISI

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
DEDIKASI	v
KEPENDEKAN	vi
SENARAI STATUT	viii
SENARAI JADUAL	ix
TRANSLITERASI	x
SENARAI LAMPIRAN	xiii
DAFTAR ISI	xiv
PENDAHULUAN - Pengenalan	xviii
OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN	xx
SKOP KAJIAN	xxii
KAJIAN LEPAS	xxiii
HIPOTESIS KAJIAN	xxvi
METODOLOGI KAJIAN	xxxii
SUMBER RUJUKAN	xxxiii
MASALAH KAJIAN	xxxvi

## BAB PERTAMA

### INSTITUSI FATWA DALAM PERUNDANGAN ISLAM: METODOLOGI DAN SEJARAH

#### PERKEMBANGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	DEFINISI FATWA	3
1.2	HUKUM MENGELOUARKAN FATWA	5
1.3	SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA	7
1.4	METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA	13
1.5	KEPENTINGAN DAN AUTORITI FATWA	17
1.6	PENGARUH TAQLID DALAM PEMBENTUKAN FATWA DAN KESANNYA	20

## BAB KEDUA

### INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA: METODOLOGI DAN SEJARAH PERKEMBANGAN

2.0	SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA	25
2.1	INSTITUSI FATWA KEDAH	32
2.1.1	SEJARAH PENUBUHAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI KEDAH	32
2.1.2	STRUKTUR ORGANISASI	36
2.1.3	AHLI JAWATANKUASA	37
2.2	METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA	39
2.2.1	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	40

2.2.2	ISU TIMBUL	43
2.2.3	PROSES MENJAWAB	44
2.2.4	SUMBER RUJUKAN HUKUM	46
2.2.5	DOKUMENTASI	47
2.2.6	PENGUATKUASAAN	49

### BAB KETIGA

#### **ANALISA TEKS-TEKS FATWA DAN PERMASALAHAN JAWATANKUASA FATWA KEDAH (1985-1995)**

3.0	PENDAHULUAN	52
3.1	ANALISA STATISTIK FATWA	53
3.1.1	ANALISA FATWA BERDASARKAN PEMBAHAGIAN BIDANG	57
3.1.2	ANALISA BERDASARKAN MENGIKUT PEMBAHAGIAN TAHUN	61
3.1.3	ANALISA FATWA BERDASARKAN PECAHAN KECIL DALAM SETIAP BIDANG	62
3.1.4	ANALISA PERMASALAHAN YANG BELUM DIFATWAKAN DAN SEBAB	64
3.1.5	ANALISA SUMBER RUJUKAN HUKUM	66
3.2	KETERIKATAN FATWA DENGAN MAZHAB	68
3.3	REALITI PERLAKSANAAN METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA J.K.F. KEDAH	71
	KESIMPULAN	75

## BAB KEEMPAT

### ANALISA KETEPATAN FATWA-FATWA J.K.F

4.0	PENDAHULUAN	78
4.1	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG IBADAT	80
4.2	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG <i>MUAMALAT</i>	92
4.3	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG <i>MUNAKAHAT</i>	100
4.4	ANALISA KETEPATAN FATWA BIDANG <i>TAUHID</i>	104
4.5	KAEDAH BERJUTIHAD OLEH J.K.F KEDAH	109
4.6	KESIMPULAN	110

## BAB KELIMA

5.0	PENUTUP	113
5.1	PENDAHULUAN	113
5.2	RUMUSAN	117
5.3	CADANGAN DAN KRITIKAN	123
5.4	KESIMPULAN	126
	BIBLIOGRAFI	132
	LAMPIRAN	

# **BAB PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### PENGENALAN

#### 1.0 PENDAHULUAN

Fatwa merupakan penyelesaian hukum Syara' yang dikeluarkan oleh Mufti mengenai sesuatu permasalahan setelah disoal oleh masyarakat. Ia memainkan peranan penting dalam masyarakat kerana kemampuannya untuk menyelesaikan permasalahan mengikut lunas-lunas Syariat Islam. Seterusnya membentuk masyarakat yang memahami dan mengenal Islam dengan cara yang sebenar. Oleh itu, tugas mengeluarkan fatwa hanya boleh dilakukan oleh individu atau pihak yang berwibawa sahaja untuk menjamin kualiti dan ketepatan fatwa yang dikeluarkan. Orang yang dimaksudkan ialah Mufti. Syarat yang digariskan oleh Ibn. Qayyim untuk menjadi Mufti ialah:<sup>1</sup>

- i. Mempunyai niat yang ikhlas dalam memberi fatwa.
- ii. Mempunyai ilmu yang mantap.
- iii. Bersikap sederhana terhadap harta (sikap tidak boros dan kedekut, sebaliknya berada di antara kedua-duanya).

---

<sup>1</sup>Halim El-Muhammady, *Sumber Undang-undang Islam Dari Pandangan Orientalis*, (1994), Selangor, Penerbitan Budaya Ilmu,m.s. 60.

iv. Memahami keadaan hidup masyarakat setempat.

Berdasarkan syarat-syarat yang dikemukakan, dapat difahami bahawa seseorang mufti bukan sahaja perlu mempunyai ilmu yang kukuh dalam pengajian Islam,malah bersikap ikhlas, sederhana dalam menggunakan harta dan pangkat terhadap masyarakat sekeliling. Selain itu mufti juga perlu memahami realiti kehidupan masyarakat setempat serta keperluan semasa yang bersifat kontemporari. Perkara-perkara ini dapat menjamin fatwa yang dikeluarkan benar-benar menepati kehendak Islam dan bukan berdasarkan kepentingan tertentu.<sup>2</sup>

Kegiatan mengeluarkan fatwa ini sebenarnya berlaku sepanjang sejarah perkembangan perundungan Islam. Ini kerana setiap permasalahan yang berlaku dalam masyarakat perlu diselesaikan melalui metodologi hukum yang berasaskan fatwa.Metodologi pengeluaran fatwa juga merupakan elemen terpenting bagi menjamin penghasilan fatwa yang sentiasa berada di jalan yang benar dan di atas landasan Syariat Islam yang bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t.<sup>3</sup> Seterusnya dapat menjamin kehidupan masyarakat yang sentiasa akur dan menghormati serta mentaati segala yang terkandung dalam syariat Islam daripada Ilahi. Fatwa juga

---

<sup>2</sup> Mohd. Kamil Ab. Majid, *Ijtihad Kontemporari: Beberapa Pandangan Yusof Al-Qaradhawi*, *Jurnal Syariah APIUM*, Jil. 1, Bil. 2, Julai 1993, m.s 168-169.

<sup>3</sup> *Ibid.*, m.s 170.

amat penting untuk membentuk generasi yang mengamalkan corak kehidupan berasaskan Agama Islam yang syumul.<sup>4</sup>

## 1.1 DEFINISI FATWA

Fatwa berasal daripada kata dasar ‘fata,yafta’ (فتا ، يفت).<sup>5</sup> Pelbagai definisi fatwa yang diberikan, iaitu:

1. Menurut kamus Al-Raid, maksud fatwa ialah apa yang difatwakan oleh orang ‘alim mengenai masalah-masalah syariah dan seumpamanya.<sup>6</sup>
2. Menurut Doktor Nadiah Syarif al-Umari pula ialah apa yang diberitahu oleh Mufti bagi menjawab soalan atau menerangkan hukum-hukum, sekiranya tiada soalan yang khusus.<sup>7</sup>
3. Mengikut takrif Kamus Dewan ialah keputusan agama yang diberikan oleh orang ‘alim-ulama atau mufti mengenai sesuatu masalah.<sup>8</sup>

<sup>4</sup>Mohd Daud Bakar (Dr.) *Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam, (APIUM), Jurnal Syariah, Jil. 5, bil. 1, Januari 1997, m.s 5.*

<sup>5</sup> Kamus Munjid, 1977, Beirut, Dar al-Mashriq, m.s 595.

<sup>6</sup> Jubran Mas'ud, *Kamus al-Raid,(1977), Beirut, Dar al-Ilmi, m.s 1100.*

Berdasarkan takrif-takrif ini, dapat disimpulkan bahawa fatwa merupakan penyelesaian hukum syara' yang dikeluarkan oleh mufti setelah disoal oleh masyarakat awam.

Terdapat ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa fatwa wujud setelah disoal oleh masyarakat. contohnya seperti:

يَسْتَفْتُونُكُمْ قُلِ اللَّهُ يَفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ

Maksudnya:

"Mereka meminta fatwa kepada engkau (Muhammad), katakanlah Allah memberikan fatwa kepada mereka tentang Kalalah"<sup>9</sup>

وَيَسْتَفْتُونُكُمْ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يَفْتِيكُمْ فِيهِنَّ

Maksudnya:

"Mereka meminta fatwa kepada engkau (Muhammad) tentang wanita, katakanlah Allah memfatwakan kepadamu dari hal mereka itu"<sup>10</sup>

<sup>7</sup> Nadiah Syarif al-Umari (Dr.), *Ijtihād Rasūl*, (t.t), Beirut, Muassasah al-Risalah, m.s. 21.

<sup>8</sup> Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, (1989), Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia, m.s. 323.

<sup>9</sup> Al-Quran, Surah al-Nisa', ayat:177.

<sup>10</sup> Al-Quran, *Ibid.*, ayat: 127.

Ayat-ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa fatwa wujud apabila terdapat persoalan daripada masyarakat, individu atau pihak-pihak tertentu. Selain itu, kaedah mengeluarkan fatwa telah ditunjukkan di dalam al-Quran dengan jelas. Al-Quran menekankan budaya ilmu, iaitu umat Islam perlu berpegang kepada budaya tersebut dan perlu merujuk kepada intelektual dan ilmuan bagi menyelesaikan masalah hukum dalam kehidupan.

## 1.2 HUKUM MENGELOUARKAN FATWA

Seseorang mufti yang mempunyai syarat yang cukup untuk melayakkan dirinya memberi fatwa wajib mengeluarkan fatwa apabila disoal tentang sesuatu masalah hukum<sup>11</sup>. Hukumnya berdosa jika seseorang mufti tidak menjawab persoalan yang dikemukakan kepadanya. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah dalam hadis baginda seperti berikut:

حدثنا محمد بن عبد الله بن حفص بن هشام بن زيد بن أنس بن مالك حدثنا أبو

ابراهيم ، إسماعيل بن إبراهيم الكريسي عن ابن عوث عن محمد بن سيرين عن أبي

<sup>11</sup> Halim El-Muhammady, *op-cit*, m.s. 60.

هربيرة قال ، قال رسول الله (ص) : من سئل عن علم فكتمه ألمعه الله يوم القيمة بلحام النار.

Maksudnya:

*"Diceritakan oleh Muhammad bin Abdullah bin Hasib bin Hisham bin Zaid bin Anas bin Malik, diceritakan kepada kami oleh Abu Ibrahim, Ismail Bin Ibrahim al-Karabisi, daripada Ibn Ash, daripada Muhammad bin Sirin, daripada Abu Hurairah bahawa Rasullullah s.a.w telah berkata: Sesiaapa yang ditanya tentang Ilmu kepadanya tetapi dia membisu maka Allah akan mengekang (mulutnya) pada hari kiamat dengan kekangan api neraka"*<sup>12</sup>

Hadis di atas jelas menunjukkan mufti mempunyai tanggungjawab yang berat dalam mengeluarkan fatwa. Perkara ini jelas apabila Allah s.w.t akan menghukum mereka yang tidak menjawab persoalan yang dikemukakan kepadanya berkaitan dengan Ilmu pada hari kiamat kelak. Kewajipan memberi fatwa ini dapat difahami bahawa permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam masyarakat tidak boleh dipandang remeh. Sebaliknya perlu diselesaikan mengikut

<sup>12</sup> Al-Qazwiniy, Abu Abdullah bin Muhammad bin Yazid, *Sunan Ibn Majah*, (1975), Dar Al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Jil. 1, m.s. 98.

metodologi hukum syara' yang tepat dan benar agar masyarakat tidak berada dalam kejahilan.<sup>13</sup>

### 1.3 SEJARAH PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA

Sebelum dikaji perkembangan dan metodologi fatwa di negeri Kedah,maka perlulah ditinjau secara ringkas berhubung dengan sejarah perkembangan fatwa di dalam perundangan Islam. Berdasarkan catatan sejarah Islam perkembangan institusi fatwa dapat dibahagikan secara kasar bahawa ianya berlaku di dalam tiga zaman yang utama, iaitu penulis memperbincangkan perkembangan yang berlaku dalam zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat, zaman Tabi'in dan seterusnya zaman Tabi' Tabi'in. Fakta perkembangan ini menunjukkan bahawa institusi fatwa mempunyai asas dan perkaitan yang kukuh di antara pengasasnya yang ulung iaitu Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabat, kemudian diteruskan kesinambungannya secara dinamik oleh fuqaha terdahulu.

---

<sup>13</sup> Yusof al-Qaradhawi, *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*, (terj.) Ahmad Nuryadi Asmawi, Thinker's Library, Sdn. Bhd., Selangor, (1996) (cet.) I, m.s 7.

Fatwa merupakan sebuah institusi perundangan Islam yang wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w sehingga hari ini. Antara fatwa yang dikeluarkan oleh Rasulullah s.a.w berdasarkan metodologi ijтиhad ialah :<sup>14</sup>

- i. Dalam peperangan Badar, ramai tentera musyrikin yang telah ditawan. Baginda telah berbincang dengan para sahabat untuk tindakan selanjutnya terhadap tawanan-tawanan tersebut. Akhirnya keputusan telah diambil dengan menawarkan satu kaedah tebusan yang membolehkan mereka dibebaskan. Kemudian Allah s.w.t telah menegur keputusan ini kerana ia tidak sesuai dengan keadaan. Allah s.w.t telah berfirman :

ما كان لبني أن يكون له أسرى حتى يشنن في الأرض

تَرِيدُونَ عَرْضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ.

Maksudnya:

*"Tidak patut bagi seorang nabi mempunyai tawanan sebelum ia dapat melumpuhkan musuhnya di bumi. Kamu menghendaki harta benda duniawi*

---

<sup>14</sup>Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Dr.), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, (1988), Kuala Lumpur, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, m.s. 76-78.

*sedangkan Allah menghendaki akhirat (untukmu).  
Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”<sup>15</sup>*

ii. Persiapan untuk peperangan Tabuk telah dilakukan pada musim panas (d.179H) yang membakar. Keadaan ini telah menyebabkan mereka yang lemah iman tidak lagi berminat. Di samping itu terdapat juga golongan munafiq yang cuba mengelakkan diri.

Golongan ini bersama-sama dengan mereka yang benar-benar berkeuzuran telah meminta pengecualian daripada Rasulullah s.a.w dan baginda telah memberikan kebenaran tanpa membuat penelitian mengenai siapakah sebenarnya yang berkeuzuran atau tidak. Tindakan baginda ini telah ditegur oleh Allah s.w.t dengan firmanNya :

عفا الله عنك لم أذنت لهم حتى يتبيّن لك الذين صدقوا وتعلّم  
الكافار.

Maksudnya:

*“Allah mengampuni kamu. Mengapa kamu membenarkan mereka yang belum jelas bagimu orang-orang yang benar (dalam keuzuran) dan*

---

<sup>15</sup> Al-Quran, Surah Al-Anfal, ayat:67.

sebelum kamu ketahui orang-orang yang berdusta.<sup>16</sup>

Apabila Rasulullah wafat, maka Abu Bakr dilantik menjadi khalifah pertama di dalam pemerintahan Kerajaan Islam. Ketika itu terdapat ramai para sahabat yang keluar berjauhan untuk berperang dengan Musailamah, golongan murtad, puak Sham, puak Iraq, dan yang bakinya tinggal bersama-sama dengan

Khalifah di Madinah untuk mentadbir negara. Khalifah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan hukum ketika menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul di kalangan umat Islam, sekiranya tidak didapati daripada keduanya. Beliau akan merujuk kepada para sahabat yang berada bersama-sama untuk mendapatkan maklumat yang mereka ketahui daripada al-Quran dan al-Sunnah. Jika para sahabat juga tidak mengetahuinya beliau akan berijtihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa mengenai sesuatu hukum dan fatwa yang dikeluarkan adalah muktamad di bidang kehakiman.<sup>17</sup> Demikianlah juga sikap tiga orang Khalifah selepas Khalifah Abu Bakr, iaitu Umar ibn al-Khattab, Uthman ibn 'Affan dan 'Ali ibn Abi Talib.<sup>18</sup> Mereka mengeluarkan fatwa sendiri ketika

<sup>16</sup> Al-Quran, Surah Al-Taubah, ayat:43.

<sup>17</sup> Ibn Al-Qaiyim, *'Ilam al-Muwaqqi'ün*, (1955), Kaherah, Jil.1, m.s. 11-12.

<sup>18</sup>Ibid.

tidak terdapat hukum di dalam al-Quran atau al-Sunnah mengenai sesuatu masalah.

Al-Maqrizi menyatakan bahawa fatwa itu adalah dilakukan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. Antaranya ialah Khalifah Abu Bakar (632 – 34M), Khalifah 'Umar (634 – 44M), Khalifah 'Uthman (644 – 56M), Khalifah 'Ali (656 – 64M), 'Abd. al-Rahman bin 'Auf, 'Abdullah bin Mas'ud, Ubai bin Ka'ab, Mu'az bin Jabal, 'Ammar bin Yasir, Huzaifah bin al-Yaman, Zaid bin Thabit, Abu al-Darda', Abu Musa al-Asy'ari dan Salman al-Farisi.<sup>19</sup>

Ibn al-Qayyim (m.d. 751H) menyatakan bahawa terdapat lebih daripada 130 orang para sahabat Rasulullah s.a.w terdiri daripada lelaki dan perempuan yang mengeluarkan fatwa mengenai syara'. Terdapat seramai tujuh orang sahabat yang paling banyak mengeluarkan fatwa. Mereka ialah 'Umar ibn al-Khattab, 'Ali bin Abi Talib, 'Abdullah bin Mas'ud, 'Aisyah Umm al-Mu'minin, Zaid bin Thabit, 'Abdullah ibn 'Abbas dan 'Abdullah bin 'Umar.<sup>20</sup>

Institusi fatwa mula berkembang dengan pesatnya pada zaman pemerintahan Amawiyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah. Justeru itu wujudlah

<sup>19</sup> Othman Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Tesis (Ph.D), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979, m.s 55.

<sup>20</sup> Ibn Al-Qaiyim, *op-cit*, Jil.3, m.s. 14-15.

Jabatan Mufti dan Jawatan Ifta' yang terkenal sebagai Darul Ifta'(دار الفتاء).<sup>21</sup>

Tokoh-tokoh yang paling terkemuka ialah Imam Hanafi, Imam Syafie, Imam Hanbali dan Imam Malik.

Semua fatwa yang dikeluarkan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w difahami dan dipegang oleh Tabi'in dengan baik. Kemudian fatwa tersebut dipegang oleh Tabi' Tabi'in, iaitu seperti Abu Hanifah, Sufyan ibn Abi Laila, ibn Jarih, Malik bin Anas, ibn al-Majishun, Uthman al-Buti, Suwar, al-Auza'i dan al-Laith bin Sa'ad.<sup>22</sup> Mereka berpegang teguh pada semua fatwa yang dikeluarkan oleh Ulama (Tabi'in) tempatan sebelum mereka. Selain itu, mereka juga berijtihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa sekiranya mereka tidak mendapati hukum tersebut di dalam Al-Quran, al-Sunnah atau fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Ulama sebelum mereka.

Seterusnya, golongan Tabi' Tabi'in yang terdiri daripada para pengikut atau murid-murid Imam Abu Hanifah dan Imam Malik yang mempelajari dan mengumpulkan semua fatwa yang dikeluarkan oleh dua imam tersebut telah berpegang teguh dengan fatwa yang dikeluarkan oleh imam mereka. Mereka juga kadangkala berijtihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa sekiranya tidak terdapat di dalam hukum berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan fatwa imam mereka.

---

<sup>21</sup> Kertas Kerja Seminar: Mufti Dan Fatwa ,Othman Haji Ishak (Dr.), *Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan dan Kehakiman* , (1979), Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia,m.s. 1.

Begitulah juga dengan pengikut-pengikut Imam Syafie dan Imam Ahmad Ibn Hanbal yang mengeluarkan fatwa berdasarkan rujukan fatwa seperti yang dikeluarkan oleh imam-imam mereka. Mereka akan berijtihad sendiri jika mereka tidak mendapati hukum tersebut dalam al-Quran, al-Sunnah dan fatwa imam mereka.<sup>23</sup>

#### 1.4 METODOLOGI PENGELUARAN FATWA

Metodologi ialah satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.<sup>24</sup> Menyentuh tentang metodologi pengeluaran fatwa di sini, penulis terlebih dahulu meneliti tentang metodologi yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah, seterusnya metodologi yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w sendiri sepanjang hayat baginda. Begitu juga bagaimana para sahabat merealisasikan metodologi pengeluaran fatwa sewaktu tinggal berjauhan daripada Rasulullah s.a.w. Apa yang terpenting di sini, sejauhmana kah ketulusan dan keterbukaan Rasulullah s.a.w dalam membenarkan para sahabat mempraktikkan konsep ijtihad dalam merealisasikan metodologi pengeluaran fatwa pada zaman awal kegembilangan Islam.

---

<sup>22</sup> Al-Maqrizi, *op-cit*, m.s. 143.

<sup>23</sup> Muhammad al-Khudairi, *Tārīkh al-Tashri‘ al-Islāmi*, (1960). Kaherah, m.s. 365.

Apabila diteliti cara al-Quran dan al-Sunnah menjelaskan hukum syara', didapati ada dua cara yang digunakan:<sup>25</sup>

- i. Memberikan ketetapan sesuatu hukum secara langsung tanpa soalan atau pertanyaan daripada pihak tertentu.
- ii. Memberikan ketetapan sesuatu hukum syara' sebagai jawapan kepada pihak yang bertanya tentang sesuatu masalah atau kemosyikilan. Inilah yang dikatakan fatwa.

Dalam al-Quran, penjelasan hukum syara' bagi masalah dan kemosyikilan yang dihadapi oleh para sahabat Rasulullah s.a.w dijelaskan dengan ayat (*yas'alunaka*, iaitu: mereka bertanya-tentang sesuatu kemosyikilan kepadamu-Muhammad)<sup>26</sup> atau dengan ayat (*yastaftunaka*, iaitu: mereka meminta fatwa daripadamu-Muhammad).<sup>27</sup>

Melalui al-Sunnah pula, persoalan atau pertanyaan yang diajukan oleh para sahabat kepada Rasulullah s.a.w. Contohnya, Abu Musa al-Asy'ari bertanya

<sup>24</sup> *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, (1997) (edisi) 3, m.s 87 di bawah perkataan "metodologi".

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat:189.

<sup>27</sup> Al-Quran, *Ibid.*, ayat: 219.

yang ketiga. Punca berlaku perselisihan pendapat ialah disebabkan oleh perbezaan dalam mentafsirkan maksud quru' dalam firman Allah :

والمطلقات يتربصن بأنفسهن ثلاثة قروء .

Maksudnya:

“Perempuan yang ditalak oleh suami perlu menunggu tiga kali quru”<sup>30</sup>

‘Abdullah bin ‘Abbas mentafsirkan makna quru’ sebagai tiga kali suci.

Manakala Zaid bin Thabit mentafsirkannya sebagai tiga kali haidh.

Fatwa dalam sejarah perkembangan perundungan Islam berlaku dalam bentuk penyampaian hukum, pentafsiran nas-nas hukum syara’ dan pelaksanaan hukum. Tiada seorangpun sahabat akan mengeluarkan pandangan, ijtihad atau fatwa tentang sesuatu perkara sama ada untuk dirinya atau pihak lain, melainkan setelah dirujuk kepada Rasulullah s.a.w terlebih dahulu. Begitu juga apabila berlaku perselisihan pendapat di kalangan mereka, para sahabat akan meminta fatwa daripada Rasulullah s.a.w dan baginda pula adakalanya akan

---

<sup>29</sup> Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Pengenalan Syariah Islamiah: Fiqh Dan Sumber-* s.a.w,(Terj.), Abdul Rashid Daud, (1989), Pustaka Salam,m.s. 97-98.

<sup>30</sup> Al-Quran, *Surah al-Baqarah*,ayat:228.

menjelaskannya berasaskan wahyu dan adakalanya pula berasaskan ijihad baginda sendiri.

Walaubagaimanapun ada ketikanya sahabat memberikan fatwa berasaskan ijihad mereka sendiri tentang beberapa masalah tanpa merujuk kepada Rasulullah s.a.w. Ini berlaku disebabkan kesukaran untuk menemui Rasulullah s.a.w. sedangkan permasalahan itu memerlukan penyelesaian yang segera. Kebiasaan perkara itu akan disampaikan atau dibentangkan semula kepada Rasulullah s.a.w bagi mendapatkan persetujuan atau perakuan baginda. Keadaan sedemikian menyebabkan ijihad serta fatwa sahabat sangat terbatas, terkawal dan sekaligus pemantauan dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dari semasa ke semasa.

Jika diteliti metodologi pengeluaran fatwa yang terdapat di dalam sejarah perkembangan institusi fatwa dalam perundangan Islam,dapat disimpulkan bahawa rujukan hukum dalam pengeluaran fatwa adalah elemen terpenting dalam menyelesaikan sesuatu masalah hukum yang timbul di kalangan umat Islam. Pada zaman pemerintahan Khulafa' al-Rashidin yang empat,mereka merujuk kepada al-Quran atau al-Sunnah dan ketika tidak terdapat di dalam keduanya mereka akan berijihad sendiri.Begitulah juga pada zaman Tabi'in, cuma perbezaannya ialah golongan Tabi'in akan merujuk kepada fatwa-fatwa sahabat terlebih dahulu sebelum berijihad sendiri.Pada zaman Tabi' Tabi'in pula mereka akan merujuk

kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Ulama-ulama Tabi'in terlebih sebelum berijtihad sendiri. Metodologi ini menjadi berpanjangan sehingga melahirkan pengikut-pengikut (*al-Muqallidun*) yang berpegang teguh kepada fatwa-fatwa imam masing-masing.

## 1.5 KEPENTINGAN DAN AUTORITI FATWA

Fatwa adalah penting dalam sejarah perundangan Islam. Walaupun ulama' Usul al-Fiqh menerima fatwa sahabat sebagai salah satu sumber perundangan Islam, tetapi mereka berlainan pendapat tentang kedudukan autoriti fatwa tersebut berbanding dengan sumber-sumber perundangan Islam yang lain.

Ulama' Usul al-Fiqh mempunyai pendapat yang berbeza mengenai autoriti fatwa sahabat dalam sumber perundangan Islam. Mengikut pendapat Jumhur al-Fuqaha' al-Sunnah, fatwa sahabat adalah menjadi hujjah (sumber hukum yang mutlaq) selepas al-Nass (al-Quran dan al-Hadith) dalam perundangan Islam.<sup>31</sup>

Fatwa merupakan tugas mulia dan agung serta mempunyai risiko yang tinggi. Hal ini kerana seorang mufti, mengikut Dr. Yusuf al-Qardhawi seperti yang dipetik daripada kata-kata Imam al-Syatibi, adalah menempati kedudukan Nabi

---

<sup>31</sup>Ibn Al-Qaiyim, *op-cit*, Jil.1,m.s. 223-227.

Muhammad s.a.w sebagai pengganti dan pewaris baginda. "Ulama' adalah pewaris para Nabi" di dalam tugas menyampaikan ajaran-ajaran Allah s.w.t, mengajar, memberi petunjuk kepada umat manusia ke arah jalan yang benar serta memberikan peringatan kepada mereka dari ancaman seksa bagi yang menyeleweng.<sup>32</sup> Seorang mufti, di samping beliau berkewajipan menyampaikan hukum-hakam Allah s.w.t yang sedia ada, juga bertugas untuk mengkaji dan menganalisa ketentuan-ketentuan hukum bagi permasalahan dan kemosyikilan yang baru berdasarkan kaedah-kaedah Syariat Islam dalam kerangka ijihad. Pada posisi ini, seorang mufti menempati kedudukan Rasulullah s.a.w yang wajib diikuti dan dipatuhi ketentuan fatwanya.<sup>33</sup>

Imam Ibn al-Qayyim seperti yang dipetik oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi telah menganggap bahawa seorang mufti adalah sebagai seorang pemberi khabar tentang ketentuan hukum Allah s.w.t dalam satu-satu perkara melalui ijihad dan fatwanya. Dalam muqaddimah kitabnya, 'I'lilamu al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin', beliau berkata " Apabila tandatangan seorang raja (dan persetujuannya tentang sesuatu) memiliki keistimewaan dan kemuliaan yang tidak dinafikan, apatah lagi tandatangan dan persetujuan Rabb (Penguasa) langit dan bumi... ?"<sup>34</sup>

<sup>32</sup> Al-Syatibi, *al-Muwāfaqāt*,(Edit), Sheikh Abdullah Daraz, Jil.4, m.s. 244-246.

<sup>33</sup> Mohd. Kamil Hj. Ab. Majid *Ulama dan Perubahan Sosial dalam Islam*, Jurnal Usuluddin, Bil. 10, (1999) m.s 84-93.

<sup>34</sup> Yusof al-Qaradhwai, *op-cit*,m.s. 8.

Fatwa merupakan satu kaedah penyelesaian permasalahan yang dilakarkan oleh mufti setelah disoal oleh masyarakat umum. Peranannya dalam masyarakat amat penting kerana ia menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang berlaku dalam masyarakat mengikut kehendak Islam. Justeru itu, fatwa dapat membentuk masyarakat Islam yang memahami kehendak Islam dan mampu untuk mengenal Islam dengan cara yang sebenar. Sebaliknya masyarakat akan berada dalam keadaan jahil tanpa fatwa.<sup>35</sup>

Fatwa yang dikeluarkan oleh mufti merupakan satu keputusan hukum yang mampu memenuhi kehendak Islam. Hal ini berdasarkan kepada syarat-syarat ketat yang perlu ada pada seseorang mufti. Mereka bukan sahaja perlu mempunyai ilmu yang mendalam dalam bidang yang berkaitan dengan fatwa, malahan mempunyai niat yang baik serta etika yang luhur dalam keperibadiannya.<sup>36</sup>

---

<sup>35</sup>Rahimin Affandi Abd. Rahim (Dr.), Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan, Jurnal Syariah, APIUM, Jil. 1, Bil. 2, 1993, m.s 154-156.

<sup>36</sup>Jamaluddin al-Qasimi, *Kitab al-Fatāwā Fī al-Islām*, (t.t), Beirut, m.s. 16-18.

## 1.6 PENGARUH TAQLID DALAM PEMBENTUKAN FATWA DAN KESANNYA

Awal abad kedua hijrah perkembangan fatwa semakin pesat kerana perluasan kawasan penaklukan Islam semakin luas. Tokoh-tokoh yang banyak menyumbang ke arah penghasilan fatwa lahir pada abad kedua hijrah dan pertengahan abad keempat hijrah.<sup>37</sup> Perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat pada waktu itu mendorong lahirnya fatwa-fatwa baru. Pada masa pemikiran yang tajam digunakan pada waktu itu menyebabkan fatwa mereka terpakai sehingga sekarang. Oleh kerana mereka menghadapi berbagai-bagai masalah baru kerana berlainan tempat, masyarakat manusia, dan hal keadaan yang berbeza, maka mereka berijihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa berhubung sesuatu hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Pada akhir zaman pemerintahan Abbasiyyah perkembangan fiqh menurun sehingga ke peringkat negatif. Ijtihad tidak digunakan lagi untuk mengeluarkan fatwa. Sekiranya berlaku, ianya hanya berkaitan dengan perkara-perkara yang Furu' sahaja. Ulama' pada masa itu merasakan sudah memadai dengan pembentukan mazhab.<sup>38</sup>

<sup>37</sup> Muhammad Al-Hadry Bin Muqais (Sheikh), *Tārīkh al-Tasyrī'* al-Islāmi, (1967), Jil.8, m.s. 134-136.

<sup>38</sup> Muhsin Mansur, *Sejarah Perundungan Islam*, (t.t), m.s. 11.

Akhirmnya timbulah fahaman taqlid atau mengikut ajaran yang dikemukakan oleh satu mazhab dan seterusnya tertubuhlah mazhab perseorangan iaitu Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'e dan Mazhab Hanbali kerana pengikut-pengikut (*al-Mugallidun*) berpegang teguh pada ajaran atau fatwa yang dikeluarkan oleh imam masing-masing.<sup>39</sup> Oleh itu lahirlah fatwa yang berdasarkan mazhab dan bukan melalui ijтиhad sendiri.

Pada kurun keenam Hijrah, perkembangan hukum terhenti secara keseluruhan akibat serangan Mongol ke atas Kota Baghdad yang merupakan pusat pemerintahan Islam pada masa itu. Ahli-ahli fikir Islam bersikap konservatif. Mereka menumpukan perhatian untuk mengekalkan kehidupan sosial umat. Dengan itu mereka menjauhkan segala pembaharuan dan pemikiran baru dalam hukum syara'.<sup>40</sup> Hal ini ini menyebabkan hukum Islam menjadi kaku dan tidak mengikut realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat. Dengan itu hukum Islam tidak lagi berfungsi sebagai mempengaruhi dan mengawasi tamadun Islam. Akhirmnya hukum Islam berada dalam keadaan terpisah di antara hukum dan umat Islam. Justeru itu, lahirlah fatwa-fatwa yang berasaskan rujukan mazhab tertentu semata-mata.

---

<sup>39</sup> *Ibid.*,m.s. 21.

Kelesuan dan kebekuan pemikir Islam dalam mengeluarkan fatwa mengikut realiti semasa berlaku dalam jangka waktu yang panjang. Gerakan kembali kepada ijтиhad sebagai metodologi pengeluaran fatwa dilakukan oleh Ibn Taimiyyah. Beliau telah mengeluarkan fatwa baru yang bercanggah dengan idea-idea yang telah dikeluarkan oleh ulama'-ulama' sebelumnya.

Kini, fatwa dikeluarkan berdasarkan kedua-dua metodologi iaitu taqlid kepada mazhab dan berdasarkan kepada ijтиhad sendiri. Tokoh terkemuka dalam mengeluarkan fatwa masa kini ialah Dr. Yusuf al-Qaradhawi.

Taqlid adalah sesuatu yang baik untuk penyelarasan dan penyeragaman kefahaman serta perlaksanaan syariat dalam masyarakat. Sebaliknya taqlid menjadi bahaya kepada masyarakat dan perkembangan ilmu jika menimbulkan sikap fanatik kepada mazhab tertentu sahaja dan menolak sepenuhnya yang lain. Suasana fanatik mulai timbul dalam masyarakat selepas perkembangan pemikiran atau budaya taqlid ini menguasai metodologi pengeluaran fatwa. Ini terbukti daripada kegiatan keilmuan dan pelaksanaan syariat. Setiap mazhab fiqh menumpukan kepada pemikiran dan metodologi masing-masing dalam ruang lingkup yang terbatas.

---

<sup>40</sup> Ibn Abidin, *Majmū'ah Rasā'il Ibn 'Abidin*, (1325 H), Beirut, m.s. 16-18.

Akhirnya timbul kecenderungan dalam masyarakat budaya menafikan mazhab yang lain daripada mazhab yang diikuti. Perkara-perkara Furu' Fiqhiyyah menjadi bahan polemik dalam masyarakat sehingga membawa kepada penggugatan kesatuan dan perpaduan umat.

Kesimpulannya, pengaruh budaya taqlid dalam pembentukan fatwa memberi banyak impak yang negatif kepada fatwa itu sendiri dan juga masyarakat setempat. Seseorang mufti atau sesebuah institusi fatwa perlu mengelakkan dan membebaskan diri daripada budaya taqlid. Metodologi ijтиhad dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan baru yang timbul adalah diakui sejak zaman Rasulullah s.a.w, para Sahabat dan para Tabi'in. Pengeluaran fatwa berasaskan ijтиhad perlu diperaktikkan bagi menghasilkan fatwa yang bersesuaian dengan realiti semasa, keadaan dan kedudukan masyarakat Islam yang membangun dan maju.

## **BAB KEDUA**

## BAB KEDUA

### 2.0 PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA

Sebelum dikaji berkenaan dengan hal perkembangan institusi fatwa di Malaysia, maka perlulah ditinjau secara ringkas sejarah kedatangan Agama Islam ke negara ini. Kajian ringkas ini penting, memandangkan bahawa sejarah kedatangan Islam di rantau ini mempunyai hubungan rapat dengan perkembangan institusi fatwa.

S.Q. Fatimi menerangkan bahawa inskripsi yang dijumpai di Kuala Berang, Terengganu itu adalah merupakan teks Melayu yang terawal pernah dijumpai di rantau ini. Inskripsi ini merupakan salah satu daripada rekod-rekod kontemporari yang membuktikan kemasukan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu. Inskripsi di batu itu jelas menunjukkan seperti satu tiang yang menerangkan catitan perintah bagi mengisytiharkan undang-undang Islam dan tercatat di kirinya satu tarikh iaitu dalam bulan Rejab pada kurun 702H (Februari 1303M).<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore, 1963, m.s. 60.

Mengikut pendapat D.G.E. Hall, tarikh yang tertulis di inskripsi itu tidaklah dapat dipastikan. Beliau meramalkannya mungkin satu masa antara tahun 1303M dan 1387M.<sup>2</sup> Brian Harrison menyatakan bahawa tarikh tersebut ialah semasa tahun 1326 atau 1386M.<sup>3</sup> R.O. Winstedt nampaknya bersetuju dengan ramalan tarikh-tarikh yang terakhir berkenaan dengan sejarah kemasukan Islam ke Tanah Melayu itu.<sup>4</sup>

Sejarah kedatangan Islam ke negeri-negeri Melayu masih menjadi persoalan hingga ke hari ini. Mengikut pendapat ahli sejarah, tarikh yang tepat berhubung dengan kedatangan Islam ke rantau ini belum ditemui data atau sebarang sumber sejarah yang menjadi bahan kajian ahli sejarah. Oleh itu, perkara ini menjadi bahan kajian ahli sejarah dan hasil dari kajian tersebut telah menimbulkan pendapat yang berbeza dan masih dipertikaikan.<sup>5</sup> Walaubagaimanapun, dapatlah difahami bahawa kemungkinan Islam telah sampai ke Semenanjung Tanah Melayu pada suatu masa dalam tahun-tahun yang tersebut di atas.

<sup>2</sup>D.G.E. Hall, *A History of South East Asia*, London, 1955, m.s. 177.

<sup>3</sup>Brian Harrison, *South East Asia A Short History*, London, 1967, m.s. 54.

<sup>4</sup>Sir R.O Winstedt, *Malaya and Its History*, London, 1948. m.s. 32, dan The Malays' A Cultural History, Singapore, 1947 m.s. 26-27.

<sup>5</sup>Othman Hj Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, 1981, Kuala Lumpur, m.s 23.

Penyebaran Agama Islam di Negeri-Negeri Melayu telah berlaku dengan pesatnya dalam abad ke-15 dan zaman selepasnya. Mengikut catatan sejarah, penyebaran itu mula bertapak di Melaka. Kitab Sejarah Melayu menyatakan bahawa datang sebuah kapal dari Jeddah yang diketuai oleh makhdumnya seorang Arab yang bernama Sayyid Abdul 'Aziz. Beliau mengadap Raja Melaka yang bernama Raja Kecil Besar dan mengislamkan baginda bersama-sama dengan orang-orang besar serta rakyat jelata. Selepas pengislaman itu dilakukan, maka Raja Melaka itu diberi nama Islam yang baru iaitu Sultan Iskandar Syah.<sup>6</sup>

Apabila agama Islam diterima dengan baik di Melaka, ajaran Islam kemudiannya terus berkembang secara perlahan-lahan dari satu tempat ke satu tempat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Islam berkembang lebih pesat ketika Sultan Muzaffar Syah memerintah, dan dalam masa pemerintahan Sultan Mansur Syah,<sup>7</sup> Sejarah Kemasukan Islam ke Kedah dapat dikesan di mana Sultan Kedah yang mula-mula memeluk Islam bernama Sultan Muzaffar Syah yang mangkat dalam tahun 1474. Sultan Pahang yang pertama memeluk Islam bernama Sultan Muhammad Syah, iaitu seorang putera Sultan Melaka telah mangkat dalam

---

<sup>6</sup> W.G Shellabear, *Sejarah Melayu*, Singapore, 1961, m.s 76. Untuk cerita lanjut, lihat *Ibid.*, m.s 25-26.

<sup>7</sup> Brian Harrison, *op.cit*, m.s 56-57.

tahun 1475. Manakala Kelantan dan Terengganu menerima Islam selepas pertengahan abad ke-15.<sup>8</sup>

Ahli sejarah bersepakat bahawa pengembang Islam yang awal datang ke Tanah Melayu terdiri dari golongan Sufi.<sup>9</sup> T.W.Arnold menyatakan bahawa pengembang Islam yang awal datang ke Tanah Melayu melalui perniagaan adalah terdiri daripada golongan orang Arab bermazhab al-Syafi'i.<sup>10</sup>

Struktur dan organisasi fatwa mula wujud seiring dengan penubuhan dan penetapan perundangan Islam di Negeri-Negeri Melayu. Pada dasarnya kedudukan penubuhan dan hal ehwal perundangan Islam di negeri-negeri Melayu berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Justeru itu juga, hal ini telah menimbulkan perbezaan sedikit sebanyak mengenai struktur dan organisasi fatwa di Negeri-Negeri Melayu. Selain itu, perbezaan yang wujud adalah berpunca dari peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Artikel 3(1) dalam Perlembagaan Malaysia menerangkan bahawa Islam ialah Agama Rasmi bagi negara ini, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman damai dan harmoni di negara ini. Raja adalah ketua agama bagi tiap-tiap buah negeri. Perlembagaan tidak

<sup>8</sup> D.G.E. Hall, *op.cit.*, m.s. 183-184.

<sup>9</sup> Syed Naguib al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among The Malays*, Singapore, 1963, m.s. 21-22.

<sup>10</sup> T.W Arnold, *The Preaching of Islam*, London, 1913, m.s 363-364.

menetapkan bahawa Yang DiPertuan Agong sebagai ketua agama bagi seluruh Malaysia, cuma baginda ialah ketua agama bagi seluruh Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan negerinya sahaja. Tetapi apabila Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 dikuatkuasakan, maka Yang DiPertuan Agong juga menjadi ketua agama bagi negeri Sabah dan Sarawak. Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu bolehlah memberi mandat kepada Yang DiPertuan Agong untuk melaksanakan hal ehwal Agama Islam jika dipersetujui.<sup>11</sup>

Sehubungan itu, struktur dan organisasi fatwa adalah berbeza di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain. Walaupun demikian, didapati bahawa struktur dan organisasi fatwa bagi negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kelantan, Johor, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan tidaklah banyak berbeza. Cuma terdapat perbezaan kecil sahaja seperti bilangan anggota Jawatankuasa Undang-Undang dan sebagainya. Perbezaan yang ketara dapat dilihat di negeri Perlis berbanding dengan negeri-negeri lain. Perbezaan yang wujud ialah dari segi metodologi pengeluaran fatwa yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam.<sup>12</sup> Ianya bercanggah dengan dasar dan prinsip Perundangan Islam iaitu mengeluarkan fatwa berasaskan fikiran ramai antara ahli-ahlinya dan sumber rujukan fatwa kepada

<sup>11</sup> Othman Hj. Ishak, *op.cit.*, m.s 81.

<sup>12</sup> *Ibid.*, m.s 83-84.

qaul-qaul dhaif daripada mazhab Syafi'i serta terhad kepada al-Quran dan al-Sunnah semata-mata di samping mengetepikan Ijma' dan Qiyas.<sup>13</sup>

Jumlah fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa di Negeri-Negeri Melayu sejak penubuhan sehingga 1995 (tempoh kajian penulis) adalah banyak dan pelbagai antaranya ialah seperti berikut:<sup>14</sup>

Negeri	Jumlah Fatwa Yang DiKeluarkan
a. Selangor	51
b. Terengganu	164
c. Negeri Sembilan	80
d. Melaka	20
e. Johor	100
f. Pahang	184
g. Kelantan	215
h. Perlis	30
i. Kedah	385
j. Pulau Pinang	40
k. Perak	150

<sup>13</sup> *Ibid.*, m.s 85-88.

<sup>14</sup> *Ibid.*, m.s 90.

I. Wilayah Persekutuan	20
m. Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam	25

Walaubagaimanapun jumlah fatwa yang telah dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia telah mencapai angka yang memberangsangkan. Pada masa kini jumlah fatwa yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
JOHOR	667
KEDAH	511
KELANTAN	606
MELAKA	123
NEGERI SEMBILAN	210
PAHANG	26
PERAK	533
PERLIS	46
PULAU PINANG	296
SABAH	11
SARAWAK	104
SELANGOR	93
WILAYAH PERSEKUTUAN	182
TERENGGANU	414

#### SUMBER:LAPORAN PROJEK PENGANALISAAN FATWA-FATWA SEMASA DI MALAYSIA (IRPA NO.07-02-03-0403)

Fatwa-fatwa telah dikeluarkan di Negeri-Negeri Melayu adalah disebabkan timbulnya perkara-perkara baru yang berkehendakkan kepada penjelasan hukum yang belum terdapat secara jelas dalam kitab-kitab Fiqh. Adakalanya disebabkan wujudnya kesamaran hukum tentang sesuatu perkara atau masalah dan ini merupakan bahagian fatwa yang terbesar didapati daripada fatwa-fatwa yang

dikeluarkan. Terdapat juga fatwa-fatwa yang berhubungkait dengan masalah-masalah politik dan terdapat juga berbagai-bagai sebab lain yang perlu kepada fatwa untuk memutuskan sesuatu persoalan atau kemusyikan yang timbul di kalangan masyarakat dan pemimpin. Keperluan kepada fatwa dalam penyelesaian masalah dan persoalan umat Islam adalah faktor utama membantu perkembangan institusi fatwa di Negeri-Negeri Melayu sejak dahulu sehingga sekarang.<sup>15</sup>

## 2.1 INSTITUSI FATWA KEDAH

### 2.1.1 SEJARAH PENUBUHAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI KEDAH

Agama Islam telah diperkenalkan di negeri Kedah oleh seorang Ulama Arab yang bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Qumairi dan sebelas orang rakannya pada masa pemerintahan Maharaja Derbar Raja II (1136). Beliau telah mengislamkan sultan dan rakyat. Sultan telah menukar namanya kepada nama Islam iaitu Sultan Muzaffar Shah.<sup>16</sup> Pengislaman sultan merupakan bibit-bibit penting yang membawa kepada perlaksanaan Syariat Islam

<sup>15</sup> Keterangan Lanjut Sila Lihat *Ibid.*, (dalam) *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, 1981, Kuala Lumpur, 1980, m.s 7.

<sup>16</sup> Haji Buyung Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur, 1980, m.s 7.

dalam Sistem Pemerintahan yang merangkumi penubuhan institusi fatwa di negeri Kedah.

Oleh sebab sultan menduduki hirarki tertinggi dalam struktur sosial dan politik di dalam negeri,maka corak pentadbiran kerajaan Negeri Kedah telah berubah kepada bentuk pemerintahan Islam.Sultan menjadi ketua agung bagi agama Islam.Baginda menjalin hubungan yang rapat dengan para 'alim ulama yang digelar "Guru Sultan".Mereka dilantik menjadi penasihat yang bertanggungjawab dalam upacara seperti pertabalan,perkahwinan,kemangkatan sultan serta hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal Islam.<sup>17</sup> Pada waktu itu,institusi fatwa belum mendapat tempat dalam struktur pemerintahan kerajaan negeri Kedah.

---

<sup>17</sup> *Jurnal Tahunan Perdana Dan Kemajuan (1963-1993) Majlis Agama Islam, Alor Setar Kedah, 1995, m.s 9.*

Namun begitu, semasa perintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarrom Shah (1854-1879) institusi fatwa mula mendapat tempat dalam struktur pentadbiran kerajaan Kedah. Perkara ini dibuktikan melalui kewujudan jawatan mufti dalam struktur pentadbiran agama Islam negeri. Ini disebut di dalam Jurnal Peranan dan Kemajuan Majlis Agama Islam Kedah ATSNK.<sup>18</sup>

*"Adapun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu menjadi hakim yang menghukum segala orang-orang isi negeri itu dan Tuan Besar Haji Zain ditetapkan menjadi Kadi dikapit oleh Imam Besar Tuan Haji Mat Jaafar dengan Tuan Syeikh Ali dan yang menjadi Mufti ialah Tuan Muhammad Taib bin Ismail"*

Pentadbiran Agama Islam menjadi lebih sistematik semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin (1879-1943). Secara tidak langsung institusi fatwa telah diletakkan di bawah satu organisasi yang teratur. Organisasi ini dinamakan Pejabat Agama Islam Negeri Kedah yang telah ditubuhkan di Limbung Kapal, Alor Setar. Pejabat ini memainkan peranan yang penting berkaitan dengan semua urusan hal ehwal Agama Islam dan diketuai oleh seorang pegawai tertinggi yang bergelar "Syeikhul Islam" dan dibantu oleh seorang Kadi Besar. Pentadbiran Agama Islam telah dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian yang pertama merupakan Bahagian Pentadbiran Am

---

<sup>18</sup>Ibid.

Urusan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Kedah di bawah naungan Syeikhul Islam yang dilantik. Antara peranan bahagian ini ialah:<sup>19</sup>

- i. Menggubal peraturan-peraturan tertentu yang berkaitan dengan hal-ehwal Agama Islam.
- ii. Mengawal kegiatan pendakwah supaya tidak ada penyelewengan agama dan ajaran sesat.
- iii. Mengeluarkan fatwa.
- iv. Memastikan Jentera Pentadbiran Agama Islam di negeri Kedah berjalan dengan licin, termasuk juga Jentera Pentadbiran Syariah.

Manakala bahagian Syariah pula mengendalikan bahagian yang berkaitan dengan urusan nikah, cerai, ruju', pendaftaran pemeluk agama Islam yang baru (*Muallaf*) dan sebagainya.<sup>20</sup> Jelas di sini bahawa institusi fatwa telah diwujudkan dan diletakkan dalam bahagian yang khusus dan teratur iaitu di bawah naungan Syeikhul Islam.

Pada tahun 1935, jawatan Syeikhul Islam telah ditamatkan dan diganti dengan Majma' Masyaikhatal Islam yang bertujuan untuk melicinkan lagi

---

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*, m.s 10.

pengurusan dan pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah. Keputusan dasar mengenai urusan agama dalam sistem Majma' ini diambil daripada tiga orang ahli Majma' tersebut.<sup>21</sup>

Pada tahun 1952, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah yang pertama ditubuhkan. Majlis ini diberi kuasa untuk membicarakan keskes rayuan yang meliputi nikah, cerai, ruju' dan kes nafkah sepencarian.<sup>22</sup> Namun begitu, peranan yang berkaitan dengan fatwa tidak disebut di sini.

Penubuhan Majlis Agama Islam yang kedua berlaku semasa pemerintahan Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah. Majlis ini diperuntukan oleh undang-undang baru iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Undang-undang Negeri Kedah, No. 9, Tahun 1963) yang berkuatkuasa pada 4 April 1963 bersamaan 11 Zulkaedah, 1382. Di bawah undang-undang tersebut institusi fatwa telah diletakkan di bawah struktur organisasi yang khusus iaitu Jawatankuasa Fatwa (J.K.F) yang dibuat menurut Seksyen 36 dan kekal sehingga ke hari ini.

Daripada keterangan berbentuk kronologi di atas jelas menunjukkan bahawa institusi fatwa berkembang melalui peranan sultan dan organisasi yang

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.*

telah ditubuhkan.Pada awal kedatangan Islam ke Negeri Kedah, institusi fatwa berkembang dengan pesat setelah mengalami perubahan-perubahan dalam struktur organisasi Pentadbiran Agama Islam,institusi fatwa telah diletakkan dalam satu organisasi yang khusus iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan kekal sehingga sekarang.

#### **2.1.2 STRUKTUR ORGANISASI**

Jawatankuasa Fatwa ditubuhkan menurut Seksyen 36 (1),dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, No.9, (1963) yang menyebut:

*"Maka hendaklah ada satu Jawatankuasa Fatwa yang mengandungi seorang pengurus,dua orang daripada anggota majlis yang lain dan tidak kurang daripada dua orang atau lebih daripada enam orang Islam lain yang patut dan layak yang bukan menjadi anggota majlis"*

Maksud kenyataan di atas ialah Jawatankuasa Fatwa perlu mempunyai seorang pengurus, dua orang ahli yang merupakan anggota majlis dan tidak lebih daripada enam orang ahli yang bukan merupakan anggota majlis. Maksud anggota majlis ialah individu yang bekerja dengan Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

Walaupun secara umum memperlihatkan bahawa J.K.F dan Majlis Agama Islam merupakan dua organisasi yang berasingan. Namun begitu, berdasarkan Seksyen 36 di atas didapati bahawa terdapat perkaitan antara kedua-duanya iaitu sebilangan ahli J.K.F merupakan ahli Majlis.

### **2.1.3 AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Selain daripada seorang pengurus dan 8 orang ahli biasa seperti yang terkandung di dalam peruntukan undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah, juga terdapat seorang pembantu yang menolong J.K.F Kedah. Beliau merupakan pegawai yang bekerja di bawah Majlis Agama Agama Islam dan bukan tertakluk di bawah kuasa J.K.F. Pegawai tersebut bertugas sebagai seorang setiausaha untuk mencatat dan menyimpan minit mesyuarat.<sup>23</sup> Ahli J.K.F dari tahun 1963 hingga 1995 seramai 9 orang dan hanya dua orang sahaja yang digantikan atas sebab meninggal dunia iaitu Tuan Haji Hussain bin Haji Salleh, (AMK) dan Tuan Syeikh Talib bin Hussain. Berikut adalah senarai ahli JKF yang sedia ada kini.

1. Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Nor, DHMS., DPMK., PCK., (Dato' Setia Jaya).
  2. Prof. Dato' Dr. Marzuki bin Mahmud
  3. Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim, BKM.
  4. Dato' Syeikh Mahmud bin Haji Ismail.
  5. Tuan Syeikh Ismail bin Haji Omar , SPK.,BCK.
  6. Tuan Syeikh Zainal bin Haji Empon
  7. Tuan Syeikh Ahmad bin Haji Ali, BCK.
  8. Tuan Syeikh Zakaria bin Haji Ahmad, AMK.
  9. Tuan Syeikh Yaakob bin Haji Senawi.
  10. Tuan Sheikh Mohd Zahir bin Hj. Othman
  11. Tuan Sheikh Abdul Majid bin Mat Zahir
- Pengerusi J.K.F ialah Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Nor. Manakala 8 ahli lain merupakan ahli biasa. Pembantu J.K.F Encik Suhaimi bin Haji Ahmad. Tugas pengerusi ialah menjadi pengerusi setiap kali mesyuarat diadakan. Peruntukan undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Seksyen 36 (3) menjelaskan perkara ini iaitu:<sup>24</sup>

<sup>23</sup> Temuramah dengan Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd Noor, DHMS, DPMK, PCK, (Dato' Setia Jaya).

<sup>24</sup> Undang-Undang Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah, No. 9, Tahun 1962, m.s 30.

*"Hendaklah pengerusi Jawatankuasa Fatwa menjadi pengerusi dalam semua mesyuarat jawatankuasa itu"*

Pengerusi perlu diganti dengan yang lain sekiranya tidak dapat hadir ke mesyuarat pada sesuatu masa atas cadangan Majlis Agama Islam. Peruntukan Seksyen 36 (4) menjelaskan perkara ini seperti berikut:<sup>25</sup>

*"Jika pengerusi Jawatankuasa Fatwa tidak dapat hadir dengan sebab cuti sakit atau lain-lain sebab maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia dengan cadangan Majlis mengangkat seorang yang lain menggantikannya tempatnya sebagai seorang pengerusi".*

## 2.2 METODOLOGI PENGELOUARAN FATWA

J.K.F Kedah mempunyai metodologi dan kaedah yang tersendiri dalam proses pengeluaran fatwa. Pada peringkat awal penulis telah membuat analisis terhadap garis panduan dalam metodologi pengeluaran fatwa seperti yang terkandung dalam peruntukan Undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah. Selain itu, metodologi pengeluaran fatwa bagi J.K.F Kedah turut

---

<sup>25</sup> Ibid

diperincikan secara satu persatu sehingga kepada perbincangan bab penguatkuasaan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan.

## 2.2.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, No.9,(1962), adalah merupakan sumber utama dalam pengkajian ini bagi meneliti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan struktur organisasi dan peranan serta sejahterananya keterikatan J.K.F Kedah dengan peruntukan tersebut dalam proses pengeluaran fatwa peringkat negeri . Peruntukan undang-undang telah menyebut tentang syarat-syarat dan prosedur yang menjadi garis panduan bagi J.K.F Kedah dalam menjalankan peranannya sebagai sumber rujukan hukum di negeri Kedah.

Di antara peruntukan tersebut ada menyebut tentang perlantikan pengerusi J.K.F,pembentukan struktur J.K.F ,perlantikan para ahli J.K.F dan penulis tertarik dengan peruntukan yang menyebut tentang fungsi pengerusi JKJF iaitu perlu mempengaruh mesyuarat J.K.F secara keseluruhannya dan jika pengerusi tidak dapat hadir atas alasan atau sebab tertentu tempatnya perlu diganti melalui perlantikan yang dibuat oleh Sultan Kedah berdasarkan cadangan daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah.Antara peruntukan lain ada menyebut bahawa disyaratkan pengerusi bersama dua orang ahli J.K.F yang lain dan salah seorang

daripadanya adalah daripada ahli anggota Majlis Agama Islam Negeri perlu hadir bersama-sama bagi mengadakan sesuatu sidang mesyuarat atau muzakarah.<sup>26</sup>

Disebut juga bahawa, J.K.F setelah mengikuti dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah termaktub dibenarkan mengatur peraturan-peraturannya sendiri.<sup>27</sup> Jelas di sini, J.K.F masih mempunyai ruang dan peluang untuk bertindak dan mengatur struktur dan organisasinya sendiri, di samping memerlukan kawalan dan pemantauan daripada MAIK serta secara tidak langsung di bawah naungan Sultan. Walaupun begitu, J.K.F perlu mengikut syarat-syarat yang telah diperuntukan baginya dalam menjalankan peranan dan fungsinya.

Terdapat perenggan dalam peruntukan tersebut yang agak janggal dan tidak difahami, iaitu ada disebut bahawa J.K.F disifatkan sebagai ‘orang gaji’ kerajaan dan ianya bagi maksud Undang-undang Jenayah (Penal Code).<sup>28</sup> Istilah ‘orang gaji’ di sini ialah satu bukti bahwa bidangkuasa J.K.F adalah terhad dan tidak boleh mengeluarkan fatwa yang berkaitan undang-undang jenayah.

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, Seksyen 36 (5).

<sup>27</sup> *Ibid.*, Seksyen 36 (6).

<sup>28</sup> *Ibid.*, Seksyen 36 (7), m.s 31.

Daripada penganalisaan ini ,ternyata kenyataan yang dibuat Dr. Othman Ishak masih boleh dipertikaikan, kerana beliau telah membuat satu kesimpulan bahawa metodologi pengeluaran fatwa antara sesebuah negeri di Malaysia adalah sama berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor dan pengecualian hanya dibuat bagi negeri Perlis sahaja.<sup>29</sup> Negeri Kedah khususnya ternyata mempunyai perbezaan yang ketara dari segi prosedur dan metodologinya iaitu pengurus J.K.F merupakan jawatan terpenting bagi mempengerusikan sesuatu muzakarah fatwa dan tidak wujud jawatan Mufti dalam struktur organisasi fatwa Kedah. Ketidakhadiran pengurus boleh digantikan dengan yang lain melalui perlantikan Sultan beserta cadangan daripada MAIK.

Selain itu juga peruntukan undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah turut memperuntukan tentang kaedah pembatalan perlantikan J.K.F dibuat.<sup>30</sup> Menyentuh tentang metodologi pengeluaran fatwa secara khusus akan diperbincangkan dalam tajuk-tajuk pecahan seterusnya.Metodologi ini memperbincangkan tentang bagaimana sesuatu fatwa dikeluarkan,didokumentasikan dan sehingga fatwa tersebut dikuatkuasakan.

<sup>29</sup> Lihat, Othman Ishak, *op.cit.*, m.s 84.

<sup>30</sup> Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kedah, *op.cit.*, m.s 24.

## 2.2.2 ISU TIMBUL

Sesuatu permasalahan wujud apabila ada persoalan daripada masyarakat Islam. Kaedah ini digunakan untuk mensabitkan sesuatu permasalahan dengan cara menulis surat kepada Setiausaha (dalam perkara ini Setiausaha ialah pembantu JKF). Pembantu J.K.F akan menyerahkan surat ini kepada pengerusi JKF. Perkara ini terdapat dalam peruntukan Seksyen 37(1) yang menyebut:<sup>31</sup>

*"Bolehlah seseorang dengan surat yang dialamatkan kepada Setiausaha meminta majlis mengeluarkan satu fatwa, atau hukum di atas hukum-hukum syarak. Apabila diterima permintaan demikian hendaklah Setiausaha sampaikan perkara itu kepada Pengerusi Jawatankuasa fatwa dengan serta-merta"*

Namun begitu terdapat juga individu yang berjumpa terus dengan pengerusi untuk menyoal sesuatu permasalahan tersebut tanpa merujuk kepada ahli J.K.F. sekiranya persoalan tersebut mudah dijawab. Hanya persoalan yang sukar akan dibawa kepada J.K.F.<sup>32</sup>

<sup>31</sup> *Ibid.*, m.s 31.

<sup>32</sup> Temuramah dengan Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid.

J.K.F akan mempertimbangkan sama ada permasalahan tersebut boleh diterima atau ditolak. Permohonan tersebut akan ditolak sekiranya permasalahan itu tidak memberi manfaat menurut pandangan ahli J.K.F. Antara sebab permasalahan ditolak ialah jawapan kepada permasalahan tersebut akan menambahkan kekeliruan fikiran masyarakat Islam. Perkara ini terdapat dalam seksyen 37(2) yang menyebut:<sup>33</sup>

*"Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbangkan permintaan yang demikian hendaklah dikecualikan pada fikirannya itu hanya karut atau dengan dengan apa-apa sebab lain yang baik dan tidak patut diberi jawab, kemudian hendaklah Pengerusi bagi pihak dan dengan nama majlis mengeluarkan fatwa yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dengan serta-merta".*

Kenyataan ini menunjukkan bahawa hanya persoalan penting yang mendatangkan manfaat sahaja akan difatwakan. Sebaliknya persoalan yang tidak penting perlu diabaikan.

### **2.2.3 PROSES MENJAWAB**

Permasalahan yang diterima kebiasaannya dibincangkan tiap-tiap bulan pada hari Sabtu. Namun begitu mesyuarat akan diadakan pada hari lain sekiranya

---

<sup>33</sup>Undang-Undang Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah, *op.cit.*

terdapat permasalahan yang memerlukan fatwa segera. Ahli-ahli J.K.F menerima agenda mesyuarat seminggu sebelum diadakan mesyuarat bertujuan untuk memberi tempoh kepada mereka untuk meneliti nas-nas Al-Quran, Al-Sunnah dan buku-buku karangan imam mazhab terlebih dahulu. Tujuannya untuk menjamin kualiti fatwa yang dikeluarkan yang menepati kehendak syarak. Permasalahan yang tidak dapat diputuskan hukum akan dibawa ke mesyuarat yang seterusnya.

Permasalahan yang telah diperbincangkan hukum mengenainya tidak dianggap sebagai fatwa, sebaliknya merupakan pandangan dan cadangan daripada J.K.F. Hukum tersebut menjadi fatwa apabila diterima oleh Majlis Agama Islam. Mesyuarat semula akan diadakan sekiranya hukum tersebut ditolak. Namun begitu semua hukum yang dirujuk kepada Majlis diterima setakat ini.<sup>34</sup>

Majlis Agama Islam Negeri Kedah berhak menyiarkan fatwa yang telah diterima. Ini berdasarkan peruntukan seksyen 37(3) iaitu:<sup>35</sup>

*"Maka bolehlah Majlis pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan menyiarkan apa-apa fatwa ataupun keputusan di atas asas-asas masalah tersebut".*

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Undang-Undang Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah, op.cit.

Kesimpulannya Majlis Agama Islam Negeri Kedah sebenarnya mempunyai kuasa ke atas J.K.F. dalam menguatkuaskan fatwa. Secara tidak langsung menunjukkan fatwa adaalah hasil daripada kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Fungsi dan peranan J.K.F adalah terhad sekadar membincangkan permasalahan serta mencadangkan jawapan kepada Majlis.

#### 2.2.4 SUMBER RUJUKAN HUKUM

Sumber sandaran hukum utama ialah al-Quran dan al-Sunnah. Selain daripada itu, J.K.F merujuk hukum kepada mazhab Syafie seperti yang dilakukan oleh negeri-negeri lain kecuali Perlis yang hanya bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Tujuan disandarkan hukum kepada mazhab Syafie untuk mengelakkan percanggahan pendapat dan kekeliruan di kalangan masyarakat. Perkara ini terdapat dalam peruntukan undang-undang menurut seksyen 38(1) yang menyebut:<sup>36</sup>

*"Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang diisyaratkan dahulu itu maka hendaklah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa pada lazimnya mengikut qaul yang muktamad daripada*

---

<sup>36</sup> Ibid.

Di samping itu individu atau perkumpulan tidak dibenarkan mengeluarkan sesuatu yang menghina fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa sama ada melalui cara tulisan atau perkataan. Hukuman bagi kesalahan menghina fatwa ini ialah penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.<sup>46</sup>

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa merupakan hukum muktamad yang perlu diikuti oleh masyarakat Islam Negeri Kedah tanpa dipertikaikan. Individu yang tidak mematuhi dan menghina fatwa akan dikenakan tindakan undang-undang.

---

<sup>46</sup> *Ibid.* (pindaan keempat), No. 6/1984.

# **BAB KETIGA**

## BAB KETIGA

### 3.0 PENDAHULUAN

Analisa ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang lebih detail dan terperinci tentang realiti metodologi pengeluaran fatwa yang dipraktikkan oleh J.K.F Kedah dalam kerangka menghasilkan fatwa-fatwa di peringkat negeri. Analisa fatwa ini dibuat berdasarkan kepada bahan sumber yang ada sahaja. Bahan-bahan sumber ini teks-teks fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F dalam bentuk kertas-kertas mesyuarat.

Penganalisaan berbentuk statistik telah dilakukan bagi mendapatkan jumlah sebenar fatwa yang telah dikeluarkan oleh J.K.F dalam tempoh 11 tahun (1985-1995) berbanding jumlah permasalahan sebenar yang telah dikemukakan oleh masyarakat umum dan pihak pentadbiran kerajaan Negeri Kedah. Selain itu, analisa secara pecahan-pecahan kecil yang lebih detail telah dilakukan iaitu berdasarkan:

- a. Bidang permasalahan utama.
- b. Tahun Fatwa dikeluarkan.
- c. Pecahan-pecahan kecil setiap bidang permasalahan utama

- d. Permasalahan yang belum difatwakan berserta sebab dan alasan.
- e. Sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh J.K.F Kedah.

Seterusnya kajian ini turut menganalisa sejauhmana keterikatan fatwa J.K.F terhadap pandangan mazhab Syafie seperti yang telah diperuntukan dalam undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah.<sup>1</sup> Pada masa yang sama, penulis turut menganalisa realiti sebenar perlaksanaan J.K.F dalam mengaplikasikan metodologi pengeluaran fatwa untuk menghasilkan fatwa.

Di samping itu, kajian ini dapat mengukur sejauhmana kemampuan J.K.F Kedah menjalankan peranannya dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan masyarakat mengikut kehendak Islam.

### 3.1 ANALISA STATISTIK FATWA

Hasil kajian yang dilakukan ke atas fatwa-fatwa yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah dari tahun 1985 hingga 1995, ialah sebanyak 152 fatwa telah berjaya dikumpulkan. Pengumpulan ini dilakukan terhadap fatwa-fatwa bagi permasalahan yang berbeza-beza. Terdapat permasalahan-

<sup>1</sup> Sila lihat perbincangan dalam bab kedua m.s 41-42.

permasalahan yang tidak disenaraikan oleh penulis atas sebab-sebab seperti berikut:

- a. Permasalahan yang sama atau berulang.
- b. Fatwa yang tidak diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah.
- c. Permasalahan yang tidak dijawab oleh J.K.F Kedah.
- d. Fatwa berkaitan penentuan kariah-kariah baru.

Fatwa-fatwa yang dikumpulkan ini kemudiannya telah diklasifikasikan kepada empat bidang mengikut kesesuaian dengan masalah fatwa tersebut. Bidang pertama berkaitan dengan Aqidah dan Tauhid mengandungi 23 masalah. Bidang ibadat berjumlah 72 masalah di bahagian kedua. Bidang ketiga pula berkaitan *munakahat* mengandungi 20 masalah. Bidang *muamalat* memuatkan 37 masalah.

Untuk keterangan telah jelas lihat jadual 1.

Jadual 1: Kategori Fatwa Mengikut Kesesuaian Masalah

Bil.	Masalah	Jumlah	Peratus
1.	Aqidah dan Tauhid	23	15.1%
2.	Ibadat	72	47.4%

Berpandukan jadual dan carta bar yang dilampirkan, jelas bahawa masalah-masalah dan bidang ibadat mencatat jumlah terbanyak dan peratusan yang tertinggi iaitu 47.4 peratus atau 72 peratus fatwa telah dikeluarkan berbanding dengan fatwa-fatwa dalam kategori lain. Ini mungkin disebabkan pada tempoh masa tersebut iaitu antara tahun 1985 hingga 1995, adalah era kebangkitan Islam yang dicirikan antaranya ialah kesedaran masyarakat tentang masalah perlaksanaan ibadat semakin bertambah.<sup>2</sup> Umat Islam pada masa ini juga mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam mempelajari dan melaksanakan bidang ibadat khususnya dengan sempurna atau bidang-bidang keagamaan secara amnya.<sup>3</sup> Memandangkan ibadat merupakan asas terpenting dalam kehidupan umat Islam demi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.<sup>4</sup> Islam juga memandang mulia dan mengangkat darjat umat Islam yang mengamalkan ibadat dengan baik dan sempurna serta bertaqwah. Bertitik tolak dari sinilah mungkin masyarakat pada ketika itu memberi perhatian yang lebih kepada soal-soal yang berkaitan dengan ibadat berbanding dengan masalah-masalah lain. Ekoran dari inilah banyak kemosyikilan timbul berkaitan bidang ibadat dan memerlukan kepada penyelesaian yang berasaskan fatwa.

<sup>2</sup> Lihat sebagai contohnya, Muhammad Abu Bakar, *Penghayatan sebuah Idea*, Kuala Lumpur, 1982, m.s 27-53.

<sup>3</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah*, (Dlm) *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, APIUM, cet. 1, 2000, m.s 22-23.

<sup>4</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid (Dr.) (1972), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, (Kuala Lumpur) m.s 54 Edisi 2, m.s 232.

Bidang muamalat menunjukkan kategori kedua tertinggi selepas ibadat iaitu 27.3% atau 37 fatwa yang telah dikumpulkan. Hanya 23 fatwa atau 15.1% sahaja fatwa-fatwa dalam masalah yang berkaitan dengan aqidah dan tauhid, iaitu berada di tempat kedua terendah selepas bidang *munakahat* yang hanya mengandungi 13.2% atau 20 fatwa sahaja dan menyatakan kategori terendah dari segi jumlah dan peratusnya berbanding dengan bidang-bidang yang lain. Keadaan ini terjadi kerana persoalan tentang *munakahat* terus dirujuk kepada kadi-kadi daerah. Terdapat banyak kes-kes yang berkaitan dengan *munakahat* tidak difatwakan. Penulis telah menganalisa masalah-masalah yang belum difatwakan dan sebab-sebabnya di bahagian seterusnya. Bidang *munakahat* mencatatkan jumlah terbanyak dalam senarai tersebut, jadi tidak hairanlah, jika bidang ini menduduki tempat tercorot di dalam jumlah fatwa yang terkumpul.

### **3.1.1 Analisa Fatwa Berdasarkan Pembahagian Bidang**

Setelah diteliti fatwa-fatwa yang ada sepanjang tempoh 11 tahun, ia boleh dikategorikan kepada 4 bidang iaitu, aqidah dan tauhid, muamalat, *munakahat* dan *ibadat*. Kajian menunjukkan hampir keseluruhan permasalahan difatwakan. Hanya sebilangan kecil permasalahan sahaja yang tidak difatwakan.

Jadual 2 menunjukkan bilangan permasalahan dan bilangan fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F dalam tempoh 11 tahun tersebut.

Jadual 2

Bil.	Bidang	Bilangan Permasalahan	Bilangan Fatwa	Bilangan Permasalahan Yang Tidak Difatwakan
1.	Aqidah	24	23	1
2.	Ibadat	77	72	5
3.	Munakahat	29	20	9
4.	Muamalat	40	37	3
<b>Jumlah</b>		170	152	18

Jadual 2: Menunjukkan Bilangan Permasalahan Dan Fatwa Dari Tahun 1985-1995.

Jadual 3 menunjukkan senarai fatwa pilihan berdasarkan bidang.

Bil.	Bidang		Senarai Fatwa
1.	Aqidah	1.	Hukum membuat kajian dan pemulihan ke atas kawasan candi-candi di Lembah Bujang. <sup>5</sup>
		2.	Hukum orang-orang Islam menyambung Elektrik ke rumah berhala. <sup>6</sup>
		3.	Mengenai buku Aurad Muhammadiah pegangan Darul al-Arqam. <sup>7</sup>
		4.	Mengenai Syurga dalam kisah Nabi Adam a.s <sup>8</sup>
		5.	Buku Karangan Dr. Kassim Ahmad "Hadis Satu Penilaian Semula". <sup>9</sup>
2.	Ibadat	1.	Mengenai perlantikan A'amil Fitrah dan pembahagian kepada <i>Asnaf</i> . <sup>10</sup>
		2.	Mengenai zakat gaji dan pendapatan bebas. <sup>11</sup>
		3.	Mengenai harta wakaf al-Mahrum sultan Abdul Hamid Halim Shah di Tanah Suci Mekah al-Mukaramah. <sup>12</sup>
		4.	Mengenai permohonan menabur tar di atas tanah yang melibatkan tanah wakaf. <sup>13</sup>
		5.	Hukum upacara "Tashyii" (mengiringi pengkebumian) seorang ahli (PAS) Othman bin Talib yang terkandung di dalam rakaman video. <sup>14</sup>

<sup>5</sup> Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat Ni. 6/88, 12 Mei 1988.

<sup>6</sup> *Ibid.*, No. 8/89, 5 Oktober 1989.

<sup>7</sup> *Ibid.*, No. 14/88, 2 Oktober 1988.

<sup>8</sup> *Ibid.*, No. 3/88, 11 Mac 1988.

<sup>9</sup> *Ibid.*, No. 7/86, 18 Jun 1986.

<sup>10</sup> *Ibid.*, No. 20/85, 5 Oktober 1985.

<sup>11</sup> *Ibid.*, No. 14/85, 27 Julai 1985.

<sup>12</sup> *Ibid.*, No. 12/85, 15 Jun 1985.

<sup>13</sup> *Ibid.*, No. 7/85, 22 Mac 1985.

1.	Munakahat	1. Hukum Nikah Cina Buta. <sup>15</sup>
		2. Hukum Nikah di India bermazhab Hanafi. <sup>16</sup>
		3. Kedudukan Kavell Bovell atau Arshad bin Abdullah yang menukar agama Islam dan kembali kepada agama asal iaitu Kristian dengan isterinya Mah bt. Taha dan 9 orang anaknya. <sup>17</sup>
		4. Adakah dikenakan I'dah kepada abang ipar yang hendak bernikah dengan adik ipar setelah kematian kakaknya. <sup>18</sup>
1.	Muamalat	1. Hukum pelaburan wang Jariah kematian ke dalam tabung perniagaan oleh Jawatankuasa Tadbir Khairat Kematian. <sup>19</sup>
		2. Aurat wanita Islam semasa bergaul dengan wanita bukan Islam. <sup>20</sup>
		3. Berkaitan dengan perkataan 'faedah'. <sup>21</sup>
		4. Hukum saham Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang di dalam aktiviti perniagaannya terdapat penjualan arak. <sup>22</sup>

<sup>14</sup>*Ibid.*, No. 9/85, 23 Mac 1985.

<sup>15</sup>*Ibid.*, No. 22/85, 5 Oktober 1985.

<sup>16</sup>*Ibid.*, No. 15/85, 15 Jun 1985.

<sup>17</sup>*Ibid.*, No. 17/85, Jun 1985.

<sup>18</sup>*Ibid.*, No. 20/88, 8 Oktober 1988.

<sup>19</sup>*Ibid.*, No. 25/85, 3 Disember 1985.

<sup>20</sup>*Ibid.*, No. 3/85, 2 Mac 1985.

<sup>21</sup>*Ibid.*, No. 8/86, 4 September 1986.

<sup>22</sup>*Ibid.*, No. 4/86, 19 April 1986.

		5.	Hukum seseorang itu meminjam atau berhutang dari bank-bank yang mengamalkan riba. <sup>23</sup>
--	--	----	---

### 3.1.2 Analisa Fatwa Mengikut Pembahagian Tahun

Analisa Fatwa melibatkan tempoh 11 Tahun iaitu antara tahun 1985-1995. Jumlah bilangan fatwa berdasarkan tahun boleh dilihat seperti jadual 4 di bawah.

Jadual 4

Bil.	Tahun	Bidang				
		Aqidah	Ibadat	Munakahat	Muamalat	Jumlah
1.	1985	2	6	3	3	14
2.	1986	2	5	-	7	14
3.	1987	-	5	-	-	5
4.	1988	3	4	1	-	8
5.	1989	1	3	-	2	6
6.	1990	6	4	3	2	15
7.	1991	1	9	3	3	16
8.	1992	3	12	1	8	24
9.	1993	2	11	2	6	21
10.	1994	2	7	3	3	15

<sup>23</sup> *Ibid.*, No. 17/86, 27 Disember 1986.

11.	1995	1	6	4	3	14
Jumlah		23	72	20	37	152

Jadual 4: Menunjukkan bilangan fatwa yang dikeluarkan berdasarkan tahun.

Berdasarkan jadual 4 didapati jumlah fatwa yang dikeluarkan sepanjang tempoh 1985-1995 wujud perbezaan jumlah yang agak ketara. Fatwa paling banyak dikeluarkan pada tahun 1992 iaitu sebanyak 15.8%, ia melibatkan sebanyak 50% fatwa dalam bidang ibadat dan sebanyak 33.3% fatwa dalam bidang muamalat. Jika dilihat pada tahun 1992-1993, banyak permasalahan timbul dalam bidang ibadat dan muamalat. Ini menunjukkan bahawa pada tahun tersebut masyarakat Islam mementingkan ibadat yang sempurna. Sementara itu faktor utama yang mempengaruhi banyak permasalahan timbul dalam bidang muamalat pada tahun tersebut adalah disebabkan perkembangan ekonomi Malaysia begitu pesat.<sup>24</sup> Ini mendorong kepelbagai sistem muamalat yang belum ditentukan hukum secara Islam.<sup>25</sup>

<sup>24</sup> Ahmad Hidayat Buang, *Muamalat di Malaysia: Suatu Tajdid atau Reaksi Pasaran?* (dlm) *Dinamisme Pengajaran Syariah*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, (1977), m.s 121-137.

<sup>25</sup> Mohd Daud Bakar, *Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam*, (APIUM) Jurnal Syariah, (Jil.) 5, Bil. 1, Januari 1997, m.s 9.

### 3.1.2 Analisa Fatwa Mengikut Pembahagian Tahun

Analisa fatwa bagi setiap bidang melahirkan beberapa pecahan kecil yang terkandung dalam setiap bidang utama. Cuma di sini bagi bidang Aqidah dan Tauhid sahaja tidak terdapat pecahan dalamnya. Mungkin ianya hanya terbahagi kepada dua bahagian iaitu aqidah yang benar-benar berdasarkan kepercayaan kepada Allah s.w.t dan bahagian kedua aqidah yang bercanggah dengan tuntutan syariat Islam yang syumul dan murni,<sup>26</sup> ataupun secara ringkasnya boleh dikatakan melibatkan ajaran sesat, kepercayaan karut dan amalan-amalan yang boleh membawa kepada syirik, murtad dan kurafat. Selain itu, setiap bidang mempunyai bahagian-bahagian pecahan tertentu yang berkaitan dengan bidang utama. Untuk rujukan lebih jelas adalah seperti jadual di bawah:

Bidang Jumlah	Aqidah	Jumlah	Ibadat	Jumlah	Muamalat	Jumlah	Munakahat	Jumlah
Senarai pecahan setiap bidang utama	Secara umum	23	Zakat	16	Pelaburan	2	Nikah	3
			Wakaf	6	Pergaulan	2	Cerai	1
			Kematiian	5	Simpanan	2	I'ddah	2
			Puasa	2	Saham	8	Ruju'	-
			Haji	1	Hutang	2	Nafkah	7
			Solat	16	Koperasi	1	Hadhanah	

<sup>26</sup> Lihat bahagian pengenalan, Ismail Bin Omar, *Manhaj Aqidah Ahli Al-Sunnah wa al-Jamāah*, Kuala Lumpur, (cet.)1, (1999), m.s vii.

		Jenayah	5	Pendapatan	2	Wasiat	1
		Qurban	2	Pertaruhan	2	Pusaka	1
		Bersuci	2	Perniagaan	9	Harta	3
		Azan	1	Bank	2	Fasakh	1
		Makanan	1	Ternakan	1	Izan	1
		Lain-lain	15	Insuran	1	Jima'	1
				KWSP	1		
				Lain-lain	2		

Jadual 5: Menunjukkan jumlah Fatwa mengikut pecahan bahagian dalam setiap Bidang utama.

### 3.1.4 Analisa Permasalahan Yang Belum Difatwakan dan Sebab

Dalam kajian teks ini penulis turut mengesan beberapa permasalahan yang timbul di kalangan masyarakat Islam negeri Kedah yang telah diajukan kepada J.K.F. Kedah tetap masih belum difatwakan. Permasalahan ini telah dibawa ke sidang muzakarah J.K.F tetapi terpaksa ditangguh di atas sebab-sebab tertentu. Terdapat berbagai-bagai persepsi yang boleh timbul daripada wujudnya permasalahan yang belum difatwakan ini. Ini menunjukkan bahawa J.K.F terlalu berhati-hati dalam menyelaraskan sesuatu fatwa. Mungkin juga, pihak J.K.F tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan.

Kadangkala permasalahan yang timbul adalah berulang dan pernah dibangkitkan sebelum ini jadi J.K.F terpaksa merujuk semula fatwa-fatwa lepas. Ini untuk mengelakkan berlaku percanggahan fatwa yang dikeluarkan

kelak. Secara amnya, permasalahan yang belum difatwakan bagi tempoh 11 tahun tersebut adalah jumlah yang kecil berbanding dengan permasalahan yang telah difatwakan. Jadual dibawah dapat memberi gambaran jelas tentang masalah-masalah yang belum difatwakan dan sebab-sebabnya seperti yang dicatatkan dalam kertas-kertas mesyuarat J.K.F Kedah.

Jadual 6

<b>Bidang</b>	<b>Permasalahan Belum Difatwakan</b>	<b>Sebab</b>
Akidah	1. Mengenai pengesahan takrif keagamaan Fatimah I/D Mahayudin Baba	Dalam siasatan
Ibadat	1. Dari mana doa penyembuh penyakit diambil	Masih dalam kajian. Tunggu laporan lengkap Kadi daerah.
	2. Sembelih binatang menggunakan mesin	
	3. Permohonan Kebenaran dirikan Jumaat di Pusat Serenti Karangan Kedah.	
Munakahat	1. Suami peluk Islam 6 bulan lebih awal daripada isteri, perlukah dikahwinkan semula	Dalam kajian
	2. Hukum melafaz semula cerai dihadapan kadi.	Ditangguh
	3. Mengenai <i>mut'ah</i> dan harta sepencarian isteri	Dalam kajian
	4. Kematian secara kemalangan menghalang pusaka	Dalam kajian
	5. Hukum nikah; <ol style="list-style-type: none"> <li>Seorang lelaki dan perempuan yang tidak diketahui nasabnya.</li> <li>Orang yang bukan Islam dari kafir wasani.</li> <li>Orang yang bukan Islam dan kafir kitabi.</li> <li>Suami isteri yang telah murtad Akad nikah dengan sebab kesilapan wali</li> </ol>	Dalam kajian semula rangka jawapan

Muamalat	1.	Pinjaman Perumahan Kerajaan	Rujukan 1975 Fatwa Rujukan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
	2.	Hukum melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN)	
	3.	Urusniaga pasaran hadapan komoditi	

Jadual 6: Menunjukkan Permasalahan Yang belum difatwakan dan sebab

Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan banyak permasalah yang belum difatwakan dan perlu difatwakan segera kerana permasalahan tersebut sering berlaku di dalam masyarakat. Kelewatan mengeluarkan fatwa boleh menyebabkan umat Islam berada dalam keadaan ragu-ragu dan berkemungkinan akan melakukan perkara yang bersalahan dengan syari'at Islam. Antaranya ialah, sembelihan dengan mesin, urusniaga pasaran hadapan komoditi dan semua masalah berkaitan *munakahat*.

### 3.1.5 Analisa Fatwa Dan Sumber Rujukan Hukum

Hasil kajian menunjukkan bahawa, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F terbahagi kepada dua kategori iaitu fatwa yang dikeluarkan disebut dalil atau sumber rujukan dan yang kedua tidak pula disebutkan sumber rujukan. Jadual di bawah menerangkan dengan jelas jumlah fatwa yang ada sumber rujukan dan yang sebaliknya.

Jadual 7

Bidang	Berserta sumber rujukan	Tiada sumber rujukan	Jumlah
Aqidah	13	10	23
Ibadat	32	40	72
Munakahat	8	12	20
Muamalat	12	25	37
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>	<b>87</b>	<b>152</b>

Jadual 7: Menunjukkan jumlah fatwa berserta sumber rujukan dan fatwa yang tiada sumber rujukan.

Jadual di atas menunjukkan bahawa pengeluaran fatwa tanpa sumber rujukan adalah lebih banyak berbanding dengan fatwa yang dikeluarkan berserta sumber rujukan. Di sini penulis ingin menyenaraikan sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh J.K.F Kedah bagi mengeluarkan fatwa. Selain daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama.

Senarai sumber rujukan hukum yang digunakan oleh J.K.F adalah kebanyakannya biasa digunakan oleh Ulama di Alam Melayu, Nusantara.<sup>27</sup>

Senarai sumber rujukan hukum:

1. *Al-Fatāwa al-Kubra al-Fiqhiyyah (Bab al-Riddah)*  
Karangan: Ibn Hajar al-Haithami<sup>†</sup>
2. *Qurrat al-'Ayn bi fatāwa 'ulamā' al-Haramayn wa-Tashtamil 'alā Fatāwa al-'Allāmah al-Shaykh Muhammad ibn Sulayman al-Kurdī al-Madani al-Syāfi'i*  
Karangan Mufti al-Sa'ādah al-Maliki.<sup>†</sup>
3. *I'ānat al-Tālibīn.*  
Karangan Al-Sayyid al-Bakri bin Muhammad Syata al-Dimiyati.
4. *Muhādarah Fi al-Waqfī.*  
Karangan: Syeikh Muhammad Abu Zahrah.
5. *I'lām al-Muwaqqi'iñ.*  
Karangan Ibn Qayyim al-Jauziyyah
6. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*  
Karangan Ibn Kathir.
7. *Al-Muhadhdhab*  
Karangan: Abu Ishak Al-Syīrāzī
8. *Tuhfat al-Muhtāj Syarh al-Minhāj*  
Karangan: Syihābuddin Ahmad bin Hajar Al-Haithami.<sup>†</sup>

<sup>27</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara: Sejarah Dan*

9. *Mughni al-Muhtāj*  
Karangan: Muhammad Syarbini Al-Khatib.
10. *Al-Majmū'*  
Karangan: Abu Zakaria Yahya Bin Syarf Al-Nawawi.<sup>27</sup>
11. *Al-Fiqh 'Alā al-Mazāhib al-Arba'ah*  
Karangan: Abd. Rahman Al-Juzairi.

Terdapat juga fatwa yang dikeluarkan tidak disebut sumber rujukan secara khusus, sebaliknya hanya disebut secara umum seperti, pandangan fuqaha atau *qaul* sahabat, amalan penduduk Syam seperti yang terkandung dalam kitab fiqh dan terdapat juga rujukan hukum keapda hadis dhaif dinyatakan berserta kenyataan bahawa hadis tersebut disokong oleh hadis lain, tanpa menyebut hadis yang menyokong.

### **3.2 SEJAUHMANA KETERIKATAN FATWA YANG DIKELUARKAN DENGAN MAZHAB SYAFIE**

Peruntukan undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah berpegang teguh kepada pendapat Imam Syafie untuk mengelakkan berlaku kekeliruan dalam masyarakat. Perkara ini dinyatakan dalam seksyen 38(1).<sup>28</sup> Keterangan daripada seksyen ini menunjukkan bahawa ahli J.K.F Negeri Kedah perlu mengutamakan pendapat mazhab Syafie. Namun begitu kajian

---

*Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, (DBP), Kuala Lumpur, 1990, m.s 79-80.

<sup>27</sup> Enakmen Kedah (Pindaan Keempat), No. 6/1984.

teks yang dilakukan terhadap fatwa yang dikeluarkan menunjukkan ahli J.K.F menggunakan pendapat mazhab lain jika didapati bersesuaian dengan keadaan semasa dan mempunyai keperluan tertentu. Terutamanya pandangan daripada mazhab Hanafi.

Setakat penelitian penulis terhadap fatwa-fatwa yang ada, terdapat juga fatwa yang dikeluarkan mengikut pendapat mazhab Hanafi, iaitu:

1. Harus membayar fitrah dengan harga.<sup>29</sup>
2. Hukum mati syahid yang sebenar.<sup>30</sup>
3. Hukum nikah di India bermazhab Hanafi.<sup>31</sup>
4. Aurat wanita semasa bergaul dengan wanita yang bukan Islam.<sup>32</sup>
5. Zakat gaji dan pendapatan bebas.<sup>33</sup>

Oleh itu, realiti fatwa di negeri Kedah bukan bertaqlid kepada mazhab Syafie semata-mata. Sebaliknya berpegang juga kepada mazhab lain jika

<sup>29</sup> *Op.cit.*, No. 9/89, 11 November 1989.

<sup>30</sup> *Ibid.*, No. 11/86, 3 September 1986.

<sup>31</sup> *Ibid.*, No. 15/85, 15 Jun 1985.

<sup>32</sup> *Ibid.*, No. 3/85, 2 Mac 1985.

<sup>33</sup> *Ibid.*, No. 14/85, 27b Julai 1985.

didapati pendapat mazhab tersebut lebih relevan dengan keadaan semasa.<sup>34</sup>

Tindakan ini merupakan langkah yang tepat kerana mengikut pendapat mazhab yang lebih sesuai akan menghasilkan fatwa yang bersesuaian dan menepati kehendak keadaan dan semasa. Perkara ini juga bertepatan dengan apa yang dijelaskan oleh Dr. Wahbah Zuhaily mengenai cara berijtihad iaitu berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah, pendapat golongan *salaf*, *al-Qiyas* dan melihat kepada pendapat-pendapat mazhab tanpa *ta'asub* kepada mazhab tertentu sahaja.<sup>35</sup>

Oleh itu metodologi mengeluarkan fatwa yang membebaskan diri daripada *ta'asub* kepada mazhab Syafie dan kembali kepada Talfiq.<sup>36</sup> Ianya adalah lebih sesuai dipraktikkan dalam keadaan dan kondisi semasa bagi menghasilkan fatwa yang harmoni dan menepati kehendak masyarakat dan zaman.

Namun begitu secara keseluruhannya didapati bahawa J.K.F tetap berpegang teguh kepada mazhab Syafie sebagai rujukan mazhab yang asas

<sup>34</sup> Mohd Kamil Ab. Majid, *Ijtihad Kontemporari; Beberapa Pandangan Yusof Al-Qaradhwai, Jurnal Syariah*, (APIUM), v.1, Bil. 2, (1993), m.s 162-171). Dan Paizah Ismail *Fiqh al-Awlawiyyat: Konsep dan Hubungannya Dengan Fiqh Dengan Fiqh al-Muwazzanat, Fiqh al-Syar'i dan Fiqh al-Waq'i Dalam Perlaksanaan Hukum Islam Dalam Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang membangun*,

<sup>35</sup> Wahbah al-Zuhaily (Dr.) (1969), *Al-Wasit Fi Usul al-Fiqh*, hal. 690-696, al-Matba'ah al-'Ilmiyyah, Damsyiq.

<sup>36</sup> Md. Saleh Hj. Md. @ Hj. Ahmad , (1999), *Penggunaan Taqlid dan Talfiq Dalam Fatwa: Satu Penilaian (dalam) Hukum Islam Semasa: Bagi Masyarakat Malaysia yang membangun*, (Kuala Lumpur), (cet.) 1, m.s: 81-98.

dengan bermatlamatkan penyelarasan fatwa. Walaupun begitu, masih terdapat permasalahan-permasalahan yang memerlukan keterbukaan dalam rujukan mazhab untuk mengeluarkan hukum yang lebih efisyen dan praktikal serta relevan dengan kehendak semasa dan setempat. Oleh yang demikian J.K.F Kedah tidak dapat menafikan bahawa kaedah Talfiq juga merupakan metodologi yang penting dalam pengeluaran fatwa.<sup>37</sup>

### **3.3 REALITI PERLAKSANAAN METODOLOGI PENGETAHUAN FATWA J.K.F KEDAH**

Berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan didapati secara keseluruhannya bahawa ahli J.K.F tidak berijtihad untuk mengeluarkan fatwa, sebaliknya bertaqlid kepada mazhab Syafie secara mutlak, mereka tidak merujuk kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah kerana hukum tersebut telah dikeluarkan secara terperinci dalam kitab-kitab fiqh mazhab Syafie. Pendekatan ini menunjukkan bahawa walaupun hasil karya ini menjadi suatu perbendaharaan Fiqh Islam alam Melayu yang cukup kaya dan ensiklopedia sifat, tetapi ianya lebih merupakan manifestasi daripada budaya taqlid yang mencengkam daya intelektual umat Islam pada masa itu.<sup>38</sup>

<sup>37</sup> Temuramah dengan Dato' Mursyid Diraja Syeikh Abdul Majid Bin Mohd Noor, DHMS, PMK, PCK, (Pengerusi J.K.F Kedah).

<sup>38</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur, (1992), m.s. 1217-224.

Sementara itu dalam menghadapi permasalahan-permasalahan yang timbul, ahli J.K.F tidak membentuk kaedah tersendiri untuk mengeluarkan fatwa. Sebaliknya berpegang kepada pandangan mazhab yang berautoriti seperti Imam Syafie<sup>39</sup> dan Abu Hanifah.<sup>40</sup> Prinsip-prinsip hukum dalam perbendaharaan kitab-kitab fiqh menjadi bahan rujukan sebagai sumber hukum. Manakala hukum atau fatwa yang berkenaan masalah-masalah berkaitan dengan bidang ibadat dan muamalat adalah lebih mirip kepada pandangan mazhab Hanafi.

Antara kitab-kitab rujukan J.K.F ialah seperti *Tuhfat al-Muhtaj*, *Minhāj al-Tālibīn*, *al-Muhazzab*, *al-Majmū'* dan sebagainya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa J.K.F tidak berijtihad secara mutlak sebaliknya berijtihad secara (*mujtahid mazhab*)<sup>41</sup> dalam mengeluarkan fatwa. J.K.F tidak membentuk ijtihad tersendiri tetapi merujuk kepada pandangan-pandangan dan prinsip-prinsip hukum aliran mazhab Syafie dan Hanafi.

<sup>39</sup> Pengasas mazhab Syafie, nama sebenar, Muhammad Ibn Idris al-Syafi'i' e lahir pada 150H di Ghazzah, Palestin. Huraian lanjut sila lihat: Mahmood Zuhdi Ab Majid, (Dr.), Kelahiran mazhab dan kesannya, (Dlm) Sejarah Pembinaan Hukum Islam, (1992), Kuala Lumpur, Edisi Kedua, m.s: 162-178.

<sup>40</sup> Abu Hanifah, Pengasas mazhab Hanafi, nama sebenar, Abu Hanifah ialah Al-Nu'man Ibn Thabit al-Taimi al-Kufi, yang juga terkenal dengan gelaran 'al-Imam al-A'zam' lahir pada 80 Hijrah di Kufah. Huraian lanjut sila lihat; *Ibid.*, m.s: 143-152.

<sup>41</sup> Mujtahid Mazhab: Beerti berijtihad dalam mengeluarkan hukum berdasarkan rujukan dan penyelidikan terhadap sumber-sumber fiqh atau prinsip-prinsip hukum yang terdapat di dalam aliran mazhab fiqh yang tertentu sahaja.

Selain itu, daripada data-data yang diperolehi, didapati bahawa fatwa-fatwa dikeluarkan adalah berbentuk soal-jawab. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah daripada berbagai peringkat anggota masyarakat Islam, sama ada daripada orang perseorangan, badan-badan berkanun, agensi-agensi kerajaan dan lain-lain.

Persoalan-persoalan yang dikemukakan adalah berbeza mengikut keadaan dan suasana kehidupan orang atau pihak yang bertanya. Dalam hal ini jawapan yang diberikan oleh J.K.F juga adalah berdasarkan kepada apa yang ditanya dan dikemukakan.

Hasil kajian yang dijalankan juga, didapati fatwa-fatwa yang dikeluarkan ada di antaranya disertakan dengan nas-nas dan dinyatakan dengan jelas sumber rujukan. Ada sesetengahnya pula tidak disebutkan nas serta sumber rujukannya, tetapi prinsip-prinsip hukum daripada perbandaharaan fiqh dikekalkan sebagai kaedah pengeluaran fatwa. Fatwa yang dikeluarkan adakalanya dengan melihat kepada suasana dan realiti kehidupan masyarakat pada masa itu, terutamanya keadaan dan suasana hidup orang yang bertanya. Namun begitu ianya perlu dipastikan selalu, agar tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Kehadiran ini jelas menunjukkan bahawa J.K.F perlu mempunyai kewibawaan tersendiri dalam menyelesaikan masalah hukum yang dihadapi

oleh masyarakat J.K.F tidak perlu terikat dengan keputusan atau pendapat para ulama yang terdahulu, tetapi hendaklah menggunakan kebolahan, kepakaran dan kemampuan yang ada pada mereka dengan sepenuhnya untuk membentuk metodologi pengeluaran fatwa yang tersendiri atau terkini.<sup>42</sup> Penyelidikan Ilmiah yang teliti dan sistematik perlu dijalankan dengan sempurna dan berkesan bagi mendapatkan maklumat dan data permasalahan yang tepat.<sup>43</sup> Penyelidikan Ilmiah dalam Islam perlu melalui proses-prostertentu seperti *takhrij al-manāt*, *tanqih al-manāt* dan diikuti dengan *tahqīq al-manāt*.<sup>44</sup> Selain itu, dalam penentuan hukum dan fatwa perlu kepada penilaian dan pemgambilkiraan nilai semasa serta setempat bagi penghasilan fatwa yang berkesan.<sup>45</sup>

Terdapat sebilangan kecil sahaja permasalahan yang telah dikemukakan kepada J.K.F dan ianya tidak diberikan jawapan. Sebaliknya pihak J.K.F memberikan beberapa alasan dan sebab-sebab tertentu sesuatu permasalahan itu tidak dapat dijawab antaranya:

<sup>42</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (Dr.) *Ijtihad: Satu Analisis Perbandingan*, Jurnal Syariah, (APIUM), v.1, bil. 2, 1993, m.s 156-157.

<sup>43</sup> Idris Awang (Dr), *Penyelidikan 'Ilmiah dan Keperluannya Dalam Penentuan Hukum*, (dlm) *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, (1999), (cet.) 1, (KL), m.s 47-54.

<sup>44</sup> Huraian lanjut tentang kaedah ini sila lihat: Mohd Daud Bakar, *Uṣūl Al-Fiqh sebagai Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Syariah* , (dlm) Dinamisme Pengajian Syariah, Berita Publishing, Kuala Lumpur, (1997), m.s 43- 44.

<sup>45</sup> Huraian lanjut lihat: Abdul Karim Ali (Dr.) *Pengambilkiraan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum: Konsep Pendekatan dan Batas*, (Dlm) *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, (1999), cet. Pertama, Kuala Lumpur. M.s 55-60.

- a. Permasalahan masih dalam kajian.
- b. Permasalahan ditangguhkan ke mesyuarat akan datang.
- c. Permasalahan perlu dijalankan siasatan yang rapi terlebih dahulu.
- d. Permasalahan telah dijawab dan ianya berulang.
- e. Permasalahan perlu dibuat rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (Tetapi jumlahnya adalah kecil).

Di sini jelaslah bahawa, pihak J.K.F amat berhati-hati dalam menjawab dan memperbincangkan permasalahan yang telah dikemukakan oleh masyarakat dan pihak berkuasa kerajaan negeri. Terdapat sebilangan kecil jumlah permasalahan yang tidak dijawab, malah ianya tidak menjelaskan kredibiliti J.K.F Kedah. Cuma di sini, bagi fatwa yang di dalam kajian, penulis tidak mendapat gambaran yang jelas tentang proses kajian yang dijalankan oleh pihak J.K.F.

### 3.4 KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa fatwa yang dikeluarkan sepanjang 11 tahun adalah agak sederhana. Permasalahan yang timbul adalah tidak sekata jumlahnya, bidang ibadat mendapat perhatian lebih oleh J.K.F kerana jumlah yang dikeluarkan adalah lebih banyak berbanding dengan bidang *muamalat, munakahat* dan *aqidah*. Selain itu, bidang ibadat juga merupakan bidang yang paling banyak permasalahan timbul di kalangan masyarakat J.K.F telah berjaya menyelesaikan hampir keseluruhan permasalahan yang dikeluarkan. Ini sebagai bukti bahawa J.K.F berkemampuan dan berwibawa dalam menjalankan peranannya.

Permasalahan yang dikemukakan adalah bersifat semasa dan kontemporari. Tahun 1992-1993 merupakan tahun terbanyak fatwa telah dikeluarkan. Fatwa-fatwa adalah tertumpu dalam bidang ibadat dan muamalat. Ini disebabkan bidang *ibadat* dan *muamalat* mempunyai pecahan-pecahan kecil permasalahan yang pelbagai dan banyak berbanding bidang *aqidah* dan *muonakahat*.

Hanya sebilangan kecil sahaja permasalahan yang dikemukakan kepada J.K.F yang tidak dijawab. Alasan yang diberikan adalah munasabah dan relevan, di antaranya atas sebab masih dalam kajian, ditangguhkan ke mesyuarat akan datang, dan atas sebab permasalahan yang timbul perlu dibuat

siasatan terlebih dahulu. Terdapat juga permasalahan yang berulang maka J.K.F tidak perlu menjawab permasalahan tersebut. Rujukan kepada J.K.F kebangsaan turut dilakukan ke atas beberapa permasalahan yang timbul, tapi ianya dalam jumlah yang kecil.

Metodologi pengeluaran fatwa-fatwa J.K.F dapat juga diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu bertaqlid kepada mazhab secara mutlak dan bertaqlid kepada prinsip-prinsip hukum yang terdapat dalam perbendaharaan fiqh mazhab aliran Syafie. Terdapat juga kaedah Talfiq dijadikan metodologi pengeluaran fatwa bagi J.K.F Kedah dalam penyelesaian permasalahan hukum yang bersifat semasa. Ini dapat dilihat daripada sumber-sumber rujukan yang telah digunakan oleh J.K.F Kedah. Namun begitu, fatwa yang dikeluarkan dan tidak dicatatkan sumber rujukan, jumlahnya adalah lebih banyak berbanding dengan fatwa yang disenaraikan berserta sumber rujukan. Sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh pihak J.K.F kebanyakannya terdiri daripada kitab-kitab *al-Turath*<sup>46</sup> aliran mazhab Syafie dan sebilangan kecilnya sahaja daripada mazhab Hanafi dan Maliki. Ini sebagai satu bukti wujudnya fleksibiliti dalam metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh J.K.F Kedah. Fleksibiliti dalam rujukan hukum adalah penting untuk menghasilkan

<sup>46</sup> Kitab-kitab rujukan klasik yang terdapat dalam perbendaharaan Fiqh Islam, seperti: *Tuhfat al-Muhtâj*, *al-Muhazzab*, *al-Majmû'* dan *Minhâj al-Tâlibîn*.

fatwa yang bersesuaian dan praktikal dengan keadaan masyarakat dan semasa. Bersesuaian dengan sifat masyarakat yang sentiasa berkembang dan berubah.<sup>47</sup>

---

<sup>47</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Hukum Islam Semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun, (dlm) Hukum Islam Semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun*, (APIUM), 1999, m.s 6-8.

# **BAB KEEMPAT**

## BAB KEEMPAT

### 4.0 PENDAHULUAN

Di dalam bab ini penulis telah membuat analisa ke atas fatwa-fatwa yang dipilih secara rawak berdasarkan beberapa ciri-ciri penting dan bersesuaian dengan matlamat kajian penulis. Antara kriteria fatwa yang menjadi pilihan penulis adalah seperti berikut:

- a. Bersifat semasa dan permasalahan baru.
- b. Huraian jawapan yang dikemukakan oleh J.K.F adalah memuaskan.
- c. Terdapat sumber rujukan hukum yang disenaraikan oleh J.K.F Kedah.
- d. Garis panduan metodologi yang digunakan oleh J.K.F adalah jelas.

Sehubungan itu, penulis telah menganalisa sebanyak 28 fatwa daripada keseluruhan jumlah fatwa yang telah dikeluarkan oleh J.K.F dalam tempoh 11 tahun tersebut. Analisa dilakukan mengikut pecahan bidang-bidang hukum utama iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan tauhid. Selain itu, penulis telah menganalisa fatwa terhadap teks-teks yang telah dikeluarkan oleh J.K.F tanpa

dibuat sebarang perubahan pada bahasa yang digunakan kecuali penulis telah mengubah bentuk tulisan jawi daripada teks asal kepada tulisan rumi.

Analisa ini penting kerana masyarakat Islam Negeri Kedah mesti berpegang kepada fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F. Pengingkaran kepada fatwa tersebut menyebabkan seseorang individu akan diambil tindakan undang-undang seperti yang diperuntukkan di dalam Enakmen Kedah (pindaan keempat), No. 6/1984. Oleh itu ketepatan dan kejelasan fatwa ini perlu dan penting kepada masyarakat Islam Kedah untuk mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar.

Di samping itu, analisa ini dapat mengukur sejauhmana penggunaan kaedah ijтиhad sebagai salah satu metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh J.K.F. Selain itu, dapat membuktikan bahawa pintu ijтиhad sebenarnya masih terbuka atau sudah tertutup.<sup>1</sup> Kewibawaan J.K.F dalam membentuk kaedah tersendiri dalam menghasilkan fatwa dapat disingkap secara tidak langsung daripada penganalisaan ini. Ini kerana metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan merupakan instrumen terpenting dalam menjamin keautoritian, ketepatan dan kesesuaian fatwa yang dikeluarkan untuk dipraktikkan oleh masyarakat Islam kini.

#### **4.1 ANALISA FATWA BIDANG IBADAT**

Daripada 72 fatwa yang telah dikeluarkan oleh J.K.F dalam bidang ibadat, penulis telah menganalisa secara terperinci jawapan yang dikemukakan J.K.F dalam jumlah 11 fatwa sahaja berserta ulasan yang dibuat oleh penulis sendiri. Kriteria yang ada pada 11 fatwa pilihan penulis adalah bersifat semasa dan ianya memerlukan jawapan yang tepat dan segera bagi menjamin kesejahteraan dan kesempurnaan ibadat yang dilakukan oleh masyarakat Islam sejagat, khususnya di negeri Kedah.

1. Soalan:

Kaedah pengendalian mayat pesakit aids? (lihat lampiran 1)

Fatwa:

Mayat tersebut perlu diuruskan seperti mayat orang Islam yang lain, iaitu memandikan, mengkafarkan dan menyembahyangkan. Sementara pengurusan mayat hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan seperti pakai sarung tangan, muka dan membersihkan tangan dengan benda yang mematikan kuman.

---

<sup>1</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, *Pintu Ijtihad: Persoalan Tentang Penutupannya*, Jurnal Syariah (APIUM), v. 4, Bil. 1, 1996, m.s 50-60.

Ulasan:

Fatwa ini sesuai dengan kehendak syara' dan kehendak semasa. Ia bertujuan untuk menjamin kesihatan dan keselamatan masyarakat sejagat agar tidak dihinggapi atau dijangkiti oleh penyakit yang merbahaya ini.<sup>2</sup> Walau pun diketahui umum, bahawa penyakit AIDS hanya boleh dijangkiti dengan cara hubungan darah ataupun hubungan jenis. Pada masa yang sama pengurusan mayat tersebut masih mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Islam.

2. Soalan:

Kakitangan Pusat Serenti Sungai Petani menunaikan Jumaat bersama pelatih? (lihat lampiran 2).

Fatwa:

Harus pegawai-pegawai dan kakitangan Pusat Serenti menunaikan Jumaat bersama pelatih.

Ulasan:

Keharusan menunaikan sembahyang di Pusat Serenti Sungai Petani adalah berdasarkan mazhab Hanafi iaitu antara syarat sah sembahyang

<sup>2</sup> Hasan Ahmad, *Maqāṣid Syariah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum, (Dlm), Hukum Islam Semasa; Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, (APIUM), (cet.) 1, (1999), m.s 61-72.

Jumaat ialah sebanyak 3 orang tidak termasuk imam.<sup>3</sup> Sebaliknya mengikut pendapat Syafie tidak harus kerana syarat yang diwajibkan sembahyang Jumaat ialah terdapat 40 orang Pemastautin tetap.<sup>4</sup> Sedangkan kakitangan Pusat Serenti dan pelatih-pelatih bukan daripada Pemastautin yang tetap. Namun begitu melihat kepada kesan baik iaitu pelatih-pelatih dapat menunaikan fardu Jumaat dan membentuk sikap terpuji, wajarlah J.K.F. berpegang kepada mazhab Hanafi ini. Selain itu, mengikut maqasid Syariah terdapat unsur maslahah dalam penentuan hukum tersebut<sup>5</sup>

3. Soalan:

Permohonan mendirikan sembahyang Jumaat di Surau Perwaja Steel, Gurun (lihat lampiran 3).

Fatwa:

Harus mendirikan sembahyang Jumaat untuk pekerja Perwaja Steel dan diperintahkan kaum muslimin yang bermastautin di sekitarnya dan

<sup>3</sup>Al-Qurtubi, Imam al-Khadi Abu al-Wahid Muhammad Bin Ahmad Ibn Rush, (1995), *Bidāyah al-Mujtahid wā al-Nihayah al-Muktaṣid*, Juz.1, Beirut: Darul Fikri, m.s 28.

<sup>4</sup>Al-Ghazali Muhammad Bin Muhammad Ibn. Hamid, (1983), *al-Wasīd fī Mazhab*, Iraq: *Dirasah Tahqiq al-Taqlid*, m.s. 730.

<sup>5</sup>Abd. Monir Yaakob, *Maqasid Shariah, Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia dalam menentukan Hukum, (Dlm) Fiqh Malaysia, Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, (APIUM), (cet.) I, 2000, m.s 180-181.

tidak terlibat dengan mana-mana kampung supaya hadir bersama menunaikan Jumaat di surau tersebut.

Ulasan:

Keharusan menunaikan sembahyang Jumaat di Surau Perwaja Steel adalah mengikut pendapat mazhab lain. Mengikut pendapat mazhab Syafie Jumaat perlu diadakan pada masjid terbesar walaupun terdapat ramai penduduk, pekerja dan banyak masjid.<sup>6</sup> Oleh itu mengikut pendapat Syafie mendirikan sembahyang Jumaat tidak sah kerana terdapat masjid berhampiran dengan kilang Perwaja Steel. Namun begitu melihat kepada maslahah masyarakat hukum ini wajar kerana memberi kemudahan kepada umat Islam menunaikan sembahyang Jumaat.<sup>7</sup>

4. Soalan:

Syif kilang menghalang pekerja menunaikan sembahyang Jumaat? (lihat lampiran 4).

Fatwa:

<sup>6</sup> Al-Syāfi‘ī, Muhammad Bin Idris Bin Muhammad, (1989), *al-Um*, (Terjemahan) Profesor Ismail Yaakub, Jil. 2, Kuala Lumpur: Victory Agencie, m.s 11.

<sup>7</sup> Ridzwan Ahmad, *Maslahah dan Hubungannya dengan Nas Syara' Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia (ilm.)*, *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, (APIUM), 2000, m.s 141-166.

Syif kilang bukan merupakan halangan yang membolehkan pekerja meninggalkan sembahyang Jumaat kerana keadaan tersebut belum sampai ke tahap keperluan yang mengharuskan meninggalkan Jumaat kerana masih ada ruang untuk mengatasi masalah tersebut umpamanya kilang tersebut bercuti pada hari Jumaat.

#### Ulasan:

Fatwa tersebut menepati kehendak syarak kerana permasalahan ini masih boleh diatasi dengan cara diplomasi dengan majikan. Di samping itu terdapat ayat al-Quran yang boleh *diqiasaskan* wajib meninggalkan kerja tersebut pada waktu Jumaat. Ayat tersebut ialah:<sup>8</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَلَا سُبُّوا

إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذِرُوا الْبَيْعَ

#### Bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang Jumaat, bersegeralah untuk mengingati Allah dan tinggalkan jual-beli"*

---

<sup>8</sup> Surah Al-Jumua'h,ayat:9

Berpandukan ayat ini, jelas menunjukkan umat Islam perlu meninggalkan jual-beli segera apabila masuk menunaikan sembahyang Jumaat. Konsep jual-beli ini boleh diqiasaskan kepada pekerjaan lain seperti syif kilang atas persamaan melakukan urusan mencari rezeki di dunia. Oleh itu wajib bagi pekerja meninggalkan pekerjaan tersebut, walaupun tindakan tersebut akan menjelaskan pekerjaan mereka.

5. Soalan:

Kakitangan Awam (individu yang bekerja dengan kerajaan) menerima zakat? (lihat lampiran 5).

Fatwa:

Kakitangan Awam tidak harus menerima zakat kerana mempunyai pendapatan mencukupi untuk saraan hidupnya dan saraan orang di bawah tanggungannya. Golongan ini tidak termasuk dalam golongan fakir atau miskin. Kecuali mempunyai lain-lain sifat di antara *asnaf* yang 8 selain fakir dan miskin.

Ulasan:

Melihat kepada realiti sekarang didapati terdapat individu daripada kakitangan Awam mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi. Contohnya seperti tukang kebun berkhidmat di sekolah yang mempunyai anak ramai. Oleh itu keseluruhan kakitangan awam tidak boleh dikategorikan sebagai individu yang dikecualikan daripada menerima zakat. Sebaliknya perlu dilihat pada sudut kemampuan mereka untuk menyara hidupnya dan keluarganya.

6. Soalan:

Pemberian zakat kepada pegawai-pegawai masjid? (lihat lampiran 6).

Fatwa:

Diterima pakai maksud "*fi sabililallah*" dalam erti kata yang luas dan tidak terhadap kepada pejuang mujahidin untuk menegak dan mempertahankan agama Islam. Dari masa ke semasa dipertimbangkan pemberian bantuan zakat kepada pegawai-pegawai Negeri Kedah dari *asnaf fi sabililallah* setelah diperkenan oleh Duli yang Maha Mulia Tuanku.

Ulasan:

Fatwa ini kurang jelas kerana tidak dinyatakan hukum pemberian zakat secara khusus kepada persatuan pegawai-pegawai masjid. Sebaliknya dalam kenyataan umum iaitu diterima pakai maksud *fi sabililallah*

dalam ertikata yang luas dan dari masa ke semasa perlu dipertimbangkan pemberian bantuan zakat kepada pegawai-pegawai masjid negeri Kedah.

Mengikut Yusuf al-Qardhawy golongan *fi sabililallah* mempunyai maksud luas. Tidak terhad kepada golongan yang berjihad secara berperang sahaja, tetapi merangkumi segenap aspek seperti jihad melalui kebudayaan, pendidikan, media masa dan lain-lain dengan syarat termasuk dalam jihad sebenar. Sebagai contohnya seperti mengeluarkan risalah untuk menerangkan tentang Islam kepada masyarakat awam.<sup>9</sup> Meneliti kepada pendapat ini, pegawai-pegawai masjid termasuk dalam golongan *fi sabililallah* kerana peranannya menjaga kepentingan masjid.

7. Soalan:

Zakat diberikan kepada Rumah Anak-Anak Yatim atau Rumah Budi Daerah Yan Kedah. Adakah sah pada syara'? (lihat lampiran 7).

<sup>9</sup> Al-Qaradhwai Yusuf (Dr.) (1994), *Fatāwā Mu'āsirah*, (terjemahan) Sidi Ahmad, Sofwan Abdullah, Masrouq, Rosmawati Ali, Siti Zubaidah Ismail, Jil. I dan II, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., m.s 450.

Fatwa:

Tidak sah pada syarak mengeluarkan zakat kepada Rumah Budi Yan kecuali kepada amil yang dilantik oleh sultan Negeri Kedah.

Ulasan:

Zakat boleh diberikan terus kepada individu tanpa melalui amil mengikut hukum syarak sebenar. Tetapi untuk memudahkan kerajaan Negeri Kedah membahagikan zakat kepada golongan layak menerimanya, penyelarasan pemberian zakat kepada amil yang dilantik adalah wajar. Malah ianya adalah bersesuaian dengan maslahah dan siasah syariah, cuma tidak dijelaskan dengan sempurna.

8. Soalan:

Zakat Simpanan Bank Persatuan Khairat Kematian? (lihat lampiran 8).

Fatwa:

Wang simpanan Khairat Kematian tidak dikenakan zakat kerana tidak ada pemilik tertentu. Ini kerana syarat wajib mengeluarkan zakat ialah pemilikan tertentu. Walaupun wang tersebut disebut sebagai yuran

ahli, tetapi ia merupakan derma yang dihulurkan oleh ahli-ahli persatuan dari masa ke semasa atas kadar yang dipersetujui untuk membantu ahli apabila berlaku kematian.

Ulasan:

Fatwa ini menepati kehendak syarak kerana para ulama telah bersepakat bahawa zakat dikenakan ke atas setiap muslim yang merdeka, baligh, berakal, memiliki nisab dan kuasa menguruskan yang sempurna.<sup>10</sup> Maksud pemilikan sempurna ialah harta tersebut merupakan pemilikannya yang tidak bersangkutan dengan hak orang lain, boleh bertukar milik dengan kehendaknya, dan boleh dimanfaatkan.<sup>11</sup> Oleh itu wang tersebut tidak dikenakan zakat atas alasan tidak ada pemilikan sempurna kerana kajian J.K.F. mendapati bahawa ia merupakan derma yang dihulurkan oleh ahli persatuan.

9. Soalan:

Hukum membayar zakat fitrah padi dengan wang? (lihat lampiran 9).

Fatwa:

<sup>10</sup> Al-Syafie, *op.cit.*, m.s 247.

<sup>11</sup> Al-Qaradawi Yusuf (Dr.), (1985), *Fiqh al-Zakat*, Juz. 1, Beirut: Muassasah Risalah, m.s 130.

Harus bertaklid kepada mazhab Hanafi dan berdasarkan adat *muhakamah*, iaitu menjadi amalan oleh kebanyakan orang muslim di seluruh negeri.

Ulasan:

Fatwa ini bersesuaian dengan kehendak syarak dan realiti semasa kerana wang merupakan alat pertukaran nilai untuk padi. Oleh itu memiliki wang menyamai memiliki padi. Perkara ini dikuatkan lagi dengan ianya menjadi amalan masyarakat setempat. Pihak J.K.F juga turut mengategorikan kaedah Talfiq dalam metodologi pengeluaran fatwa peringkat negeri.<sup>12</sup>

10. Soalan:

Sumbangan kebajikan kegiatan Majlis Perbendaharaan Kota Setar kepada bukan Islam? (lihat lampiran 10).

Fatwa:

Harus kakitangan Majlis Perbendaharaan Kota Setar yang beragama Islam memberi sumbangan kebajikan kepada orang yang bukan beragama Islam sama ada dalam bentuk hadiah, derma dan sedekah dengan “*zon*” bahawa sumbangan kebajikan itu digunakan kepada

<sup>12</sup> Othman Ishak, *Talfiq dalam Perundungan Islam*, dalam ISLAMIKA, v. III, 1985, m.s 95-98.

perkara harus. Sebaliknya tidak wajib untuk membantu mereka dalam urusan keagamaan seperti kematian dan perkahwinan.

Ulasan:

Fatwa ini bersesuaian dengan pendapat mazhab Syafie iaitu diharuskan bersedekah kepada orang musyrik dari sedekah sunat dan bukan sedekah fardhu.<sup>13</sup> Maksud sedekah fardhu ialah zakat.

11. Soalan:

Pemindahan kubur orang Islam (lihat lampiran 11).

Fatwa:

Tidak ada halangan pada syarak dengan syarat kerja-kerja tersebut dilakukan dengan cermat tanpa menggunakan jentera berat dan saki baki juzuk mayat itu dipindahkan keperkuburan Islam.

Ulasan:

Fatwa ini menepati kehendak syarak kerana proses pemindahan mayat dilakukan dengan cermat. Ini bersesuaian dengan riwayat Aisyah iaitu menghancurkan tulang mayat seperti menghancurkan tulang orang

---

<sup>13</sup> Al-Qurtubi, *op.cit.*, m.s. 196.

hidup, maksud di sini ialah di sudut dosanya.<sup>14</sup> J.K.F. tidak membenarkan kerja tersebut dilakukan dengan jentera berat untuk menjamin agar anggota mayat tidak dihancurkan dengan sengaja. Alasan menepati kehendak riwayat Aisyah.

Secara keseluruhannya didapati fatwa dalam bidang ibadat sesuai dengan kehendak syarak dan memenuhi kehendak semasa. Namun begitu terdapat juga fatwa yang tidak jelas. Walaupun terdapat kesilapan kecil, ianya tetap menjelaskan kewibawaan J.K.F. Oleh itu, J.K.F. perlu lebih prihatin terhadap kejelasan fatwa dikeluarkan.

#### **4.2 ANALISA FATWA BIDANG MUAMALAT**

Daripada 37 persoalan yang dikeluarkan hanya 8 permasalahan yang dianalisa oleh penulis. Ini berdasarkan permasalahan-permasalahan tersebut penting dalam masyarakat dan berlaku secara meluas. Oleh itu ketepatan dan kejelasan fatwa perlu untuk masyarakat Islam berada di landasan agama Islam.

##### 1. Soalan:

Wang simpanan dalam bank yang mengamalkan riba adakah menjadi syubhah? (lihat lampiran 12)

---

<sup>14</sup>Al-Syafie, *op.cit.*, m.s. 216-217.

Fatwa:

Harus walaupun menjadi syubhab kerana merujuk kepada realiti semasa iaitu bank merupakan jaminan keselamatan harta.

Ulasan:

Berdasarkan kepada realiti zaman sekarang bank merupakan satu-satunya tempat selamat untuk menyimpan harta. Ia boleh dimasukkan dalam kaedah pengeluaran hukum iaitu *mudharat* besar ia boleh dihilangkan dengan melakukan *mudharat* yang lebih kecil apabila bertemu kedua-dua *muqharat* ini.<sup>15</sup> Oleh itu, untuk menghilangkan risiko kehilangan wang dengan melakukan *mudharat* lain iaitu menyimpan wang dalam bank yang mengamalkan riba. Hukum ini bersifat sementara iaitu alternatif kepada tidak wujud bank Islam yang sebenar. Sekiranya wujud bank Islam tanpa riba, terbatal hukum ini. Jadi jika ditinjau pada era masa kini, fatwa ini adalah terbatal dan sememangnya bank Islam telah wujud masa kini, masyarakat telah bebas daripada dharurat, dan wajib menyimpan di Bank Islam, hukumnya haram menyimpan di bank-bank yang mengamalkan riba.

2. Soalan:

Hukum dividen ASN dan ASB? (lihat lampiran 13).

Fatwa:

Fatwa asal hukumnya harus. Kajian susulan mendapati bahawa ASN dan ASB masih terlibat dalam sektor kewangan yang masih terlibat dalam riba. Hasil pelaburan dan dividen adalah terlibat dengan riba. Tetapi J.K.F. tetap dengan keputusan awal iaitu halal.

Ulasan:

Jawapan semula J.K.F. menunjukkan terdapat sedikit kekeliruan dan ketidakjelasan. Walaupun J.K.F. mendapati bahawa ASN dan ASB masih terlibat dengan sektor kewangan yang mengamalkan riba, namun mereka tetap dengan keputusan awal iaitu halal. Sepatutnya J.K.F. mengharamkan ASN dan ASB.

Perlu dijelaskan tentang konsep menyimpan wang di bank yang mengamalkan riba. Ia tidak boleh disamakan dengan konsep pelaburan.<sup>16</sup> ASN dan ASB yang terlibat dalam sektor kewangan yang mengamalkan riba. Keharusan menyimpan wang di bank bukan kerana riba yang diamalkan, sebaliknya atas dasar kepentingan individu iaitu mengelak risiko kecurian jika di simpan di rumah. Jika wujud alternatif lain untuk keselamatan wang, keharusan tersebut terhapus. Keharusan

<sup>15</sup> Noor Naemah Abd. Rahman, *Darrah Dan Kesannya Pada Menghapuskan Perkara Yang Haram*, Jurnal Syariah (APIUM), v. 2, Bil 1, (1994), m.s 18-26.

ini berdasarkan darurat yang bersifat sementara. Sebaliknya melabur dalam ASN dan ASB bukan merupakan perkara darurat. Oleh itu, melabur dalam ASN dan ASB adalah haram berdasarkan kajian yang telah dilakukan iaitu terlibat dalam sektor kewangan yang mengamalkan riba. Sebenarnya tindakan/pendapat yang menghalalkan perkara ini, adalah disebabkan menggunakan konsep siasah syariah dengan sewenang-wenangnya tanpa penelitian yang terperinci.

3. Soalan:

Hukum pembelian wang insuran bagi tabung khairat kematian.  
(Lampiran 17).

Fatwa:

Dinasihatkan pemohon supaya mengambil insuran Takaful sekiranya skim berkenaan diwujudkan oleh takaful.

Ulasan:

Fatwa ini tidak jelas kerana hukum pembelian insuran tidak disebutkan secara khusus. Sebaliknya dinasihatkan pemohon mengambil insuran Takaful jika skim berkenaan diwujudkan olehnya. Persoalannya bagaimana perlu dilakukan sekiranya skim berkenaan tidak diwujudkan oleh Takaful.

---

<sup>16</sup> Ab. Mumin Ab Ghani, *Bunga dan Kaitannya Dengan Riba yang Diharamkan*, Jurnal

Insuran merupakan kaedah untuk menghadapi risiko yang tidak dirancang. Kaedah ini tidak menyalahi syariah kerana menjamin kesempurnaan individu, dan menjamin potensi ekonomi yang sedia ada.<sup>17</sup> Insuran Islam dibenarkan kerana berlandaskan konsep tolong menolong. Namun begitu insuran biasa haram kerana terlibat dengan unsur perjudian, riba dan *gharar*.<sup>18</sup> Oleh itu hanya insuran takaful sahaja yang dibenarkan kerana ia berlandaskan Islam.

4. Soalan:

Menerima wang basah<sup>19</sup> daripada saudagar babi? (lihat Lampiran 15).

Fatwa:

Harus berdasarkan kaedah "asal pada setiap perkara bersih".

---

Syariah (APIUM), v. 1, Bil. 2, (1993), m.s 269-282.

<sup>17</sup>Azlan Khalili Shamsuddin, (1995), *Riba Alternatifnya Dalam Bank Islam*, Kuala Lumpur: DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia, m.s 36.

<sup>18</sup>Ahmad Hidayat Bin Buang, Nota Kuliah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 10 Januari 1997.

<sup>19</sup> Wang basah ialah hasil perolehan berbentuk wang yang diperolehi oleh saudagar secara terus/langsung daripada hasil jualan babinya.

Ulasan:

Fatwa ini jelas dan selari dengan kehendak Islam. Penggunaan kaedah “asal pada setiap perkara bersih” sesuai pada tempatnya dan tidak perlu dipertikaikan. Walaupun begitu jawapan dan metod yang digunakan terlalu ‘simple’ dan umum.

5. Soalan:

Hukum jual beli saham di pasaran? (lihat lampiran 16).

Fatwa:

Harus jual beli saham dengan syarat syarikat-syarikat yang berurusniaga dengannya melabur dalam bidang yang diharuskan.

Ulasan;

Fatwa ini jelas dan menepati kehendak syarak. Saham dalam erti kata sebenar merupakan jumlah modal tertentu yang dilaburkan dalam bentuk wang untuk dijadikan modal perniagaan.<sup>20</sup> Penyumbang saham turut menghadapi risiko perniagaan tersebut samada untung atau rugi. Di sini konsep saham tidak terlibat dengan riba dan syubhah jika modal

---

<sup>20</sup> Saham: Bermaksud syer dalam sesuatu badan perniagaan dan lain-lain yang melayakkkan pemiliknya menerima dividen, mengundi dan mempunyai hak-milik yang berkadar dengan jumlah yang dimilikinya.

tersebut diniagakan dalam bidang yang harus.<sup>21</sup> Oleh itu secara prinsipnya jual beli saham diharuskan dalam Islam.

6. Soalan:

Hukum menjual emas dan perak dengan harga tangguh? (lihat lampiran 17).

Fatwa:

Harus berdasarkan lumrah masyarakat dan menjadi hajat. Pada masa sama tidak terlibat dalam perkara syubhah.

Ulasan:

Fatwa ini jelas dan tepat serta memenuhi kehendak syarak. Ia berdasarkan hukum fekah iaitu adat *muhakamah* yang bermaksud sesuatu yang dilihat baik oleh orang Islam, maka di sisi Allah juga baik.<sup>22</sup> Oleh itu, fatwa menjual emas dan perak dengan harga tangguh

<sup>21</sup> Ahmad Hidayat Buang, *Unsur-Unsur Utama Pembentukan Kontrak ('Aqad) Di Dalam Undang-Undang Islam*, Jurnal Syariah, (APIUM), v. 2, Bil. 1, (1994), m.s 89-106.

<sup>22</sup> Al-Suyuti, al-Imam Jalaluddin Abdul Rahman, (1983), *Al-Ashbāh wa al-Nazūr*. Beirut: Darul Fikri, m.s 89.

wajar kerana ia merupakan amalan baik dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Jualan ini dinamakan *bay' muajil*.<sup>23</sup>

7. Soalan:

Hukum melabur wang masjid dalam Amanah Saham MARA? (lihat lampiran 18).

Fatwa:

Harus melabur dalam ASM, dan hasil yang diperolehi daripada pelaburan merupakan keuntungan halal dan bukan faedah.

Ulasan:

Fatwa ini berkait rapat dengan fatwa sebelum ini iaitu hukum melabur di ASN dan ASB. Oleh itu, hukumnya harus jika ia tidak terlibat dengan perkara syubhah.

8. Soalan:

Dividen daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)? (lihat lampiran 19).

<sup>23</sup>Mustafa Bin Mohammad, (1993), *Kefahaman Ekonomi*, Kuala Lumpur: Cahaya Pertama; (M), Sdn. Bhd., m.s 119.

Fatwa:

Harus pekerja mencarum sebahagian wang pendapatannya ke dalam KWSP, atau dilakukan oleh majikan atas alasan menolong ke arah kebijakan dan langkah membendung pembaziran. Untuk menjamin kesejahteraan pekerja kerajaan telah mengadakan akta ini. Oleh itu wajib bagi pekerja mematuhi akta ini. Islam menghendaki pertambahan harta dan bencikan pembekuan. Difahamkan KWSP dilaburkan untuk menambahkan harta. Oleh itu hasil daripada pelaburan itu merupakan keuntungan yang dinikmati oleh pekerja adalah halal.

Ulasan:

Selain daripada tujuan yang disebutkan di atas, KWSP merupakan sumber pinjaman kerajaan untuk membiayai defisit dalam pinjaman kerajaan. Ia mengelak kerajaan daripada meminjam wang dari negara luar dalam jumlah yang tinggi.<sup>24</sup> Oleh kerana KWSP mempunyai kepentingan tertentu kepada negara, jadi fatwa ini wajar dengan syarat wang tersebut dilaburkan dalam perniagaan yang diharuskan.

Berdasarkan analisa yang dilakukan didapati bahawa terdapat juga permasalahan-permasalahan yang difatwakan kurang jelas. Di samping itu

<sup>24</sup>Md. Nurdin Haji Ngadimon, *Asas-asas Muamalah Islam*, Kertas kerja, 7 Oktober 1995.

terdapat satu permasalahan yang disatwakan berlawanan dengan kajian yang dilakukan. Perkara ini menjaskan kualiti fatwa dan imej J.K.F. sendiri.

#### **4.3 ANALISA FATWA BIDANG MUNAKAHAT**

Daripada 20 fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F., hanya 4 fatwa sahaja yang dianalisa. Fatwa-fatwa yang dianalisa seperti berikut:

1. Soalan:

Tuntutan harta sepencarian? (lihat Lampiran 20).

Fatwa:

Pemohon berhak menuntut harta sepencarian semenjak suami masih hidup lagi. Oleh kerana si pemohon tidak membantah cara pembahagian harta tersebut semasa pembahagian cara *faraid*, dan bersetuju memberi haknya kepada anak tirinya. Pemohon gugur haknya ke atas harta sepencarian.

Ulasan:

Fatwa ini jelas dan tepat kerana pembahagian tersebut dilakukan berdasarkan persetujuan bersama.<sup>25</sup> Oleh itu tidak diterima lagi pertelingkahan selepasnya.

2. Soalan:

Suami memeluk Islam 6 bulan dahulu daripada isteri. Perlukah dinikahkan semula (lihat lampiran 21).

Fatwa:

Tidak difatwakan sebab perlu kepada penerangan lanjut.

Ulasan:

Mengikut pendapat imam Syafie sekiranya suami sudah jima' isteri perkahwinan tersebut *terfasakh* berdasarkan 'iddah. Sekiranya salah seorang lagi memeluk Islam sebelum habis 'iddah, perkahwinan tersebut dikekalkan. Sebaliknya jika salah seorang lagi tidak memeluk Islam sehingga selesai 'iddah, perkahwinan tersebut terputus secara

<sup>25</sup> Maklumat lanjut sila lihat: Suwaid Tapah, *Harta Perkahwinan, Harta Sepencarian*, (APIUM), (cet.) 1, (2001), m.s 3-6.

*fasakh* dan bukan dengan talak.<sup>26</sup> Berpandukan kepada pendapat imam Syafie ini, perkahwinan tersebut terfasakh sebab suami memeluk Islam 6 bulan dahulu daripada isteri iaitu pada tempoh selesai idah. Oleh itu pasangan tersebut perlu dinikahkan semula.

3. Soalan:

Isteri menuntut fasakh nikah kerana suami mengidap penyakit Aids dan dadah? (lihat lampiran 22).

Fatwa:

Harus fasakh sebab penyakit Aids dan penagih dadah tersebut dalam klasifikasi *aib*. Mengikut pendapat Syafie *aib* merupakan antara syarat yang membolehkan *fasakh*.

Ulasan:

Fatwa ini jelas dan menepati kehendak syarak kerana aids dan penagih dadah merupakan *aib* yang mengharuskan *fasakh*.

---

<sup>26</sup> Al-Syafie, *op.cit.*, m.s 247.

4. Soalan:

Keizinan perempuan melalui borang nikah adakah menafikan izin dan redhanya? (lihat lampiran 23).

Fatwa:

Permohonan nikah perempuan melalui borang-borang nikah tidak menafikan izin dan redhanya kepada walinya untuk pernikahannya. Oleh itu perlu mendapat izin daripada janda atau anak dara yang walinya bukan mujbir dengan pertuturan lafaz jelas bagi yang boleh bertutur atau dengan isyarat, atau dengan bertulis bagi yang tidak boleh bertutur, dan sunat bagi mendapatkan keredhaan atau izin anak dara oleh wali mujbir dengan diamnya.

Ulasan:

Fatwa ini jelas dan sesuai dengan kehendak syarak kerana izin perempuan tidak pernah dinyatakan dalam bentuk borang nikah. Sebaliknya ia merupakan satu prosedur undang-undang biasa. Oleh itu, borang nikah tidak menafikan izin perempuan.

5. Soalan:

Pohon tentukan taraf Chierra a/p Sutin anak kepada Saharulnaza bin Awii, kad pengenalan A 2920726? (lihat lampiran 24).

Fatwa:

Cheirra bertaraf muslim. Penjagaan diserahkan kepada Saharulnaza yang bersekedudukan dengan Sutin bin Palut. Sekiranya Saharulnaza tidak ada, penjagaan tersebut diserahkan kepada ibu ke atas. Sebaliknya pihak Sutin dan keluarga tidak ada hak ke atas kanak-kanak ini kerana tidak ada hubungan keturunan dan kekeluargaan dengan kanak-kanak ini pada syarak. Untuk mengelakkan sebarang keraguan wajib diubah namanya kepada Islam.

Ulasan:

Fatwa ini bersesuaian dengan kehendak syarak kerana anak di luar nikah hanya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pihak perempuan sahaja. Di samping itu mengikut pendapat imam Syafie antara syarat penjagaan anak ialah Islam, tidak ada penjagaan anak muslim kepada orang kafir.<sup>27</sup>

<sup>27</sup>Al-Jaziri, Abdur Rahman, (1987), *Al-Fiqh 'Alā Mazāhib al-'Arba'ah*, Jil. I, Beirut: Darul Fikri, m.s. 425.

Berdasarkan fatwa-fatwa dalam bidang *munakahat* yang dianalisa, didapati bahawa keseluruhannya menepati kehendak syarak. Jadi kualiti fatwa pada bidang ini dan kredibiliti ahli J.K.F. dalam bidang ini tidak perlu dipertikaikan lagi.

#### **4.4 ANALISA FATWA BIDANG TAUHID**

Tauhid merupakan bidang yang paling penting kepada masyarakat Islam. Ini kerana ia merupakan perkara pokok kepada keimanan seorang individu. Daripada 23 permasalahan yang dikemukakan hanya 4 fatwa yang dianalisa. Fatwa yang dianalisa seperti berikut:

1. Soalan:

Garis panduan ungkapan-ungkapan perlakuan dan adat istiadat antara rakyat dengan raja dari perspektif Islam? (lihat lampiran 25).

Fatwa:

J.K.F. telah menyemak garis panduan ungkapan-ungkapan perlakuan dan mengambil ingatan.

Ulasan:

Fatwa ini kurang jelas sebab tidak dinyatakan hukum menurut Islam untuk setiap perlakuan dan adat secara khusus. Sebaliknya sekadar mengambil ingatan. Jelas di sini bahawa J.K.F tidak tegas mengemukakan jawapan berkaitan dengan masalah adat-istiadat Istana. Nampak J.K.F masih terkongkong dan tidak bebas mengemukakan pendapat serta terlalu berhati-hati dengan alasan takut menyinggung pihak istana. Secara jelasnya di sini, penulis dapat simpulkan bahawa pihak J.K.F masih terpengaruh dengan sistem feudalism.

2. Soalan:

Pengesahan maksud ayat al-Quran dalam amalan menggandakan wang?  
(lihat lampiran 26).

Fatwa:

Setelah J.K.F. meneliti dengan menghalusi tulisan-tulisan yang tercatit samada dalam cebisan kain kuning atau potongan kertas, didapati tidak ada ayat-ayat al-Quran kecuali ( بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ) dalam

bentuk yang tidak betul dan perkataan Allah yang agak jelas. Lafaz-lafaz lain merupakan lafaz yang mengelirukan dan termasuk dalam

amalan bid'ah. Perkara ini akan membawa kepada syirik sekiranya pengamal mengamal menganggap tulisan itu sebagai ayat al-Quran atau mendakwa ayat-ayat itu boleh menggandakan wang atau lain-lain.

Ulasan:

Fatwa ini bertepatan dengan kehendak syarak kerana setelah dikaji ayat al-Quran tersebut didapati bahawa bukanlah ayat al-Quran, sebaliknya merupakan lafaz-lafaz yang mengelirukan. Seterusnya perkara tersebut dianggap sebagai syirik sekiranya mereka mendakwa ayat tersebut boleh menggandakan wang kerana menyalahi *iktikad* yang sahih. Maksud iktikad yang sahih ialah mempercayai Allah Berkusa ke atas setiap sesuatu, mengetahui setiap sesuatu dan memberi setiap sesuatu.<sup>28</sup> Justeru itu, setiap muslim wajib mempercayai bahawa Allah yang memberi rezeki kepada manusia dan bukanlah makhluk lain.

3. Soalan:

Perkataan yang dilafazkan oleh Sabariah bin Muda "Tuhan apa Tuhan, aku tidak kira" semasa berlaku perselisihan faham dengan suaminya? (lihat lampiran 27).

<sup>28</sup> Al-Syirāzi, (1994), *Ilā Hukm al-Islām*, Beirut: Muassasah Wafa', m.s. 681.

Fatwa:

Perkataan tersebut terkeluar dalam keadaan perkelahian dan dia tidak sedar perkataan yang dilafazkannya itu dan apa tujuannya. Kemudian dia telah insaf di atas perlakuannya dan mengucap dua kalimah syahadah. Melihat kepada perkataan "tuhan apa tuhan, aku tidak kira" itu sendiri boleh mendatangkan keraguan dan boleh menerima berbagai takwil yang menghalang seseorang itu dari dihukum menjadi murtad.

Ulasan:

Fatwa ini sesuai dengan syarak kerana kajian yang dilakukan menunjukkan beliau tidak mempunyai niat jahat kerana lafaz tersebut diucapkan dalam keadaan dia tidak sedarkan diri dan tidak tahu apa tujuannya. Ini kerana untuk mewujudkan kesalahan murtad, niat jahat merupakan satu syarat yang perlu. Ia bermaksud seorang itu sengaja melakukan perbuatan atau perkataan kufur yang ia sendiri tahu mengenai perbuatan atau perkataan itu.<sup>29</sup>

---

<sup>29</sup> Paizah Binti Haji Ismail (Prof.), (1991), *Undang-Undang Jenayah Islam*, Selangor: Pustaka Salam, m.s 246.

4. Soalan:

Seseorang beragama Islam membuat perisyiharaan melalui Death Pool<sup>30</sup> bahawa beliau menolak agama Islam. Adakah terkeluar daripada agama Islam? (lihat lampiran 28).

Fatwa:

Beliau terkeluar daripada Islam.

Ulasan:

Fatwa di atas tepat kerana perisyiharan melalui Death merupakan jenis murtad melalui perkataan. Maksud murtad dengan perkataan ialah seperti mengeluarkan kata-kata yang dapat menunjukkan atau membawa kepada kekufuran.<sup>31</sup>

<sup>30</sup> Death Fool: bermaksud perisyiharan kematian yang akan dipertanggungjawabkan kepada pengurusan gereja dan istiadat pengurusan jenazah mengikut agama Kristian. Huraian lanjut sila lihat: Khadijah Mohd Hambali @ Khambali, Konsep Salvation Menurut Agama Kristian: Satu Huraian Awal, Jurnal Usuluddin, APIUM, (1999), Bil. 10, m.s: 43-50.

<sup>31</sup> *Ibid.*, m.s 244

Oleh itu, didapati bahawa secara keseluruhan fatwa yang dikeluarkan dalam bidang tauhid ini menepati kehendak syarak dan jelas kecuali fatwa mengenai garis panduan perlakuan raja-raja tidak terdapat jawapan sebagai fatwa. Di sini, merupakan salah satu kelemahan yang ketara dan boleh menjelaskan kredibiliti J.K.F yang sepatutnya menjalankan tanggungjawab tanpa perlu takut atau bimbang kepada mana-mana pihak dalam mengemukakan fatwa J.K.F telah diberikan mandat oleh pihak sultan dalam urusan menyelesaikan permasalahan hukum di peringkat negeri Kedah secara keseluruhan.<sup>32</sup>

#### **4.5 KAEDAH BERIJTIHAD OLEH AHLI JAWATANKUASA FATWA**

Berdasarkan kepada fatwa dikeluarkan didapati secara keseluruhannya bahawa ahli J.K.F. tidak berijtihad untuk mengeluarkan fatwa, sebaliknya bertaklid kepada mazhab Syafie secara mutlak. Mereka tidak merujuk kepada al-Quran kembali kerana hukum tersebut telah dikeluarkan oleh mazhab. Perkara ini bukan menunjukkan kelemahan ahli J.K.F. kerana pendapat mazhab Syafie berautoriti dan berdasarkan nas-nas jelas. Walaupun begitu untuk tempoh jangkamasa yang panjang, metodologi ini adalah merbahaya bagi

<sup>32</sup> Silalahit perbincangan dalam bab ke-2, Di bawah "Peruntukan Undang-Undang" m.s 35-40.

institusi fatwa yang sepatutnya mengamalkan konsep ijтиhad. Malah sekaligus, iaanya menyumbang ke arah penutupan pintu ijтиhad dan membuka ruang Taqlid secara meluas.<sup>33</sup>

Sementara itu dalam menghadapi permasalahan-permasalahan semasa, ahli J.K.F. tidak membentuk kaerah tersendiri untuk mengeluarkan fatwa. Sebaliknya berpegang kepada prinsip-prinsip yang telah disediakan oleh mazhab Syafie dan Hanafi untuk mengeluarkan hukum baru bagi permasalahan yang baru timbul. Fatwa untuk permasalahan semasa lebih mirip kepada mazhab Hanafi terutamanya dalam bidang *ibadat* dan *muamalat*.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa ahli J.K.F. tidak membentuk kaerah tersendiri untuk berijтиhad. Sebaliknya berpegang kepada pendapat mazhab yang sedia ada, dan melanjutkan hukum berdasarkan prinsip yang sedia ada. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja fatwa yang dikeluarkan berdasarkan konsep Talfiq dan pendekatan maslahah serta siasah Syari'iyah.

---

<sup>33</sup> Huraian lanjut sila lihat: Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Reformasi Perundungan Islam Di*

#### 4.6 KESIMPULAN

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan adalah diasaskan kepada dua metodologi iaitu bertaklid kepada mazhab secara mutlak, dan tertaklid kepada prinsip-prinsip hukum mazhab untuk permasalahan baru. Fatwa-fatwa yang *bertaklid* kepada mazhab Syafie memang jelas, tepat dan selari dengan kehendak Islam. Namun begitu dalam menghadapi perubahan corak hidup baru didapati terdapat penyelesaian permasalahan-permasalahan yang kurang jelas dan mengelirukan masyarakat. Malah terdapat juga fatwa yang tidak tegas dan J.K.F kelihatan bimbang serta teragak-agak apabila permasalahan berkaitan dengan pihak kerajaan dan pihak istana.

Walaupun terdapat sedikit kelemahan dalam mengeluarkan fatwa, tetapi ia tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana institusi fatwa merupakan tempat rujukan hukum masyarakat awam. Kajian menunjukkan kelemahan ahli J.K.F. mengeluarkan fatwa dalam bidang *muamalat* bagi permasalahan-permasalahan baru yang tidak ditentukan hukum oleh mazhab terdahulu. Untuk mengatasi masalah ini perlu dilantik ahli J.K.F. baru yang berkemahiran dalam bidang muamalat di samping ahli J.K.F. yang sedia ada. Kombinasi antara dua golongan ini mampu untuk melahirkan fatwa yang berkualiti dalam bidang ini.

Sebaliknya dalam bidang lain terutamanya bidang *munakahat* dan *tauhid* didapati bahawa fatwa yang dikeluarkan bertepatan dengan kehendak syarak. Oleh itu kredibiliti ahli J.K.F. dalam bidang ini tidak perlu dipertikaikan lagi.

Pada sudut *bertaklid* kepada mazhab lain pula, ahli J.K.F. menggunakan kaedah betul kerana tidak berpegang kepada mazhab Syafie secara mutlak. Sebaliknya berpegang kepada mazhab lain sekiranya didapati pendapat mazhab lain lebih sesuai. Namun begitu, ia masih belum bebas dalam merealisasikan konsep ijtihad yang sebenar. Malah taqlid ini juga boleh meninggalkan beberapa kesan buruk terhadap fuqaha dan institusi fatwa.<sup>34</sup>

Keseluruhannya, didapati bahawa fatwa yang dikeluarkan jelas dan tepat, sesuai dengan keadaan semasa. Terutamanya fatwa berdasarkan kepada mazhab Syafie. Namun begitu terdapat sebahagian kecil fatwa yang kurang jelas. Perkara ini perlu diatasi segera untuk menjamin kualiti fatwa yang dikeluarkan dan imej ahli J.K.F.

Seterusnya menjamin agar masyarakat Islam mengamalkan corak hidup berdasarkan cara Islam yang sebenar. Ini sejajar dengan apa yang telah disarankan oleh Pengerusi J.K.F. Kedah sebagaimana beliau telah berkata "kita

<sup>34</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam: Rahimin Affandi Abdul Rahim (Dr.), "Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti, (dlm.) D1nanisme Pengajian Syariah, Kuala Lumpur, 1997, m.s 102-103.

pasti ingin mengubah gaya hidup masyarakat sejajar dengan arus modernisasi tetapi hala tuju dan tatacaranya perlulah mencerminkan budaya hidup yang murni berlandaskan Islam".<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> Abdul Majid Bin Mohd. Noor (Dato'), *Buletin al-Zikrā*, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, (April 2000), Bil. 1/2000, m.s. 2.

# **BAB KELIMA**

## BAB KELIMA

### 5.0 PENUTUP

### 5.1 PENDAHULUAN

Secara umum, dalam kajian ini dapatlah disenaraikan intisari atau fokus utama yang diberikan oleh penulis iaitu terhadap metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kedah dalam mengeluarkan fatwa dari tahun 1985. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan adalah hasil perbincangan dan kajian J.K.F Kedah terhadap permasalahan yang dikemukakan oleh masyarakat daripada pelbagai lapisan di negeri Kedah. Keputusan atau jawapan terhadap persoalan-persoalan yang timbul diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah selaku pemantau dan penaung yang mewakili Sultan negeri Kedah. Seterusnya MAIK akan meneliti dan meluluskan serta mewartakan di dalam akhbar kerajaan. Begitulah mengikut prosedur yang sebenar mengenai fatwa yang dikeluarkan. Fatwa-fatwa tersebut selain daripada yang diwartakan dan dikuatkuasakan, sebahagiannya dikumpulkan dalam bentuk teks fatwa ataupun kertas mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kedah.

Penulis telah menganalisa teks-teks fatwa yang telah dikeluarkan dari tahun 1985 hingga tahun 1995. Sebelum itu, teks-teks ini ditulis kembali serta

diedit semula daripada tulisan jawi kepada tulisan "Rumi". Teks fatwa telah dikumpulkan kemudiannya diklasifikasikan kepada empat bidang utama. Bidang Ibadat, Muamalat, Aqidah dan Munakahat. Keempat-empat bidang ini dibincangkan secara terperinci bagi fatwa-fatwa pilihan penulis sendiri di dalam bab yang keempat. Ulasan dan kritikan yang positif turut diberikan sentuhan terhadap fatwa-fatwa tersebut bagi mencungkil metodologi pengeluaran fatwa yang dipraktikkan oleh J.K.F. Kedah dalam pengeluaran fatwa di peringkat negeri Kedah.

Fatwa-fatwa yang telah diklasifikasikan ini dianalisa dan diteliti untuk mengenalpasti tentang jumlah fatwa secara keseluruhan dan purata fatwa bagi setiap tahun sepanjang 11 tahun yang tersebut. Perlu diingat, dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dikemukakan juga terdapat persoalan-persoalan yang tidak dijawab oleh J.K.F., tetapi pastinya pihak J.K.F. mempunyai alasan-alasan yang tertentu. Dalam rujukan sumber hukum penulis turut menemui data yang menunjukkan terdapat fatwa yang dikeluarkan beserta sumber rujukan hukum dan sebahagiannya pula tidak ada sumber rujukan hukum.

Dalam menjalankan analisa ini penulis muatkan analisa statistik fatwa seperti yang telah disebut di atas dalam bab ketiga. Apa yang lebih menarik daripada kajian ini ialah, apabila penulis melalukan analisa terhadap jawapan-jawapan atau fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F. Kedah ada kegagatan

bahawa pihak J.K.F. menjadikan pandangan mazhab Hanafi dan Maliki serta kitab-kitab fiqh di dalam mazhab-mazhab tersebut sebagai rujukan hukum. Jadi penulis dapat simpulkan bahawa keterikatan fatwa J.K.F. Kedah terhadap mazhab Syafie adalah tidak terlalu ketat. Kebebasan memilih pendapat-pendapat imam mazhab adalah fleksibel, asalkan ianya tidak menyalahi syara' serta tidak menyalahi konsep atau prinsip maslahat umum.

Ini berbeza sepermulaan perbincangan penulis tentang analisa peruntukan undang-undang dan secara umumnya metodologi pengeluaran fatwa J.K.F. pada bab yang kedua. Undang-Undang pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah seolah-olah mengikat dan mengongkong J.K.F. supaya menjadikan mazhab Syafie sebagai sumber rujukan hukum dalam pengeluaran fatwa. Dari segi realitinya, J.K.F. masih mempunyai ruang dan peluang untuk memilih pandangan-pandangan mazhab yang lain dan asalkan ianya bersesuaian dengan keadaan dan kefahaman masyarakat setempat. Selain daripada memperbincangkan tentang metodologi pengeluaran fatwa J.K.F. seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang pentadbiran Islam negeri Kedah, penulis turut mengulas tentang penguatkuasaan fatwa, dokumentasi dan sebagainya yang berkaitan dengan fatwa dan metodologi hukumnya. Terlebih dahulu dalam perbincangan ini, penulis telah mengulas dan menghuraikan *tentang sejarah perkembangan institusi fatwa di Malaysia amnya dan di Kedah khususnya*. Bagi perkembangan institusi fatwa Kedah, penulis memperbincangkan tentang sejarah penubuhan, struktur organisasi dan ahli-

ahli Jawatankuasa Fatwa turut disenaraikan dalam disertasi ini. Penulis mendapati bahawa peranan dan sumbangan institusi agama seperti Majlis Agama Islam Negeri Kedah amat besar dan penting dalam menyokong dan mendorong J.K.F sekaligus menghasilkan fatwa-fatwa yang berautoriti dan mantap. Fatwa-fatwa dijadikan salah satu sumber hukum yang amat diperlukan masa kini dan selamanya.

Perlu diingat, bahawa penulis tidak mengketepikan sejarah perkembangan awal fatwa dalam perkembangan Islam. Penulis telah menerangkan terlebih dahulu dalam bab pertama tentang definisi, hukum mengeluarkan fatwa serta sejarah perkembangan institusi fatwa dalam perundangan Islam. Turut diperbincangkan tentang metodologi pengeluaran fatwa yang terdapat dalam sejarah ketamadunan Islam, zaman Rasulullah, Tabi'in dan Tabi' Tabiin. Seterusnya dalam bab ini juga diketengahkan tentang kepentingan fatwa bagi kehidupan umat Islam sejagat. Bagi mengakhiri bab pertama ini tidak ketinggalan juga, penulis telah menyentuh tentang pengaruh *taqlid* dan kesannya dalam pembentukan fatwa. Bagi penulis budaya *taqlid* adalah faktor utama menyebabkan perkembangan fatwa menjadi terbantut dan lesu. Setiap institusi fatwa ataupun para mujtahid individu perlu membebaskan diri daripada belenggu *taqlid* kepada sesuatu mazhab demi memartabatkan fatwa dan autoriti hukum syara' dalam dunia yang semakin mencabar kini.

## 5.2 RUMUSAN

J.K.F. merupakan satu-satunya organisasi yang diiktiraf untuk mengeluarkan fatwa di negeri Kedah Darul Aman. Oleh itu ia memainkan peranan penting ke arah membentuk masyarakat Islam negeri Kedah dalam memahami Islam secara sebenar dan mengamalkan kehidupan berlandaskan Islam. Seterusnya mengelak masyarakat berada dalam keadaan jahil apabila berhadapan dengan permasalahan-permasalahan harian.

Untuk mencapai hasrat murni iaitu membentuk masyarakat yang mengamalkan Islam secara yang hakiki, kualiti fatwa yang dikeluarkan perlu diutamakan agar benar-benar menepati kehendak Islam. Jadi ahli J.K.F. perlu prihatin terhadap fatwa yang dikeluarkan samada dengan cara berijtihad sendiri atau bertaklid kepada mazhab.

Oleh itu, ahli J.K.F dipilih daripada mereka yang berkelayakan untuk menjamin kualiti fatwa yang dikeluarkan. Mereka bukan sahaja layak dari segi keilmuan mendalam tentang agama Islam, sebaliknya mempunyai sikap adil terhadap agama Islam.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat menyingkap beberapa kelemahan dan kekurangan dalam metodologi dan organisasi J.K.F Kedah dalam menjalankan peranannya sebagai tempat rujukan hukum syaria' di

Negeri Kedah. Walaupun kelemahan ini tidak ketara, namun mungkin ia mampu menggugat kredibiliti organisasi dan keautoriti Fatwa yang dikeluarkan. Secara umumnya penulis dapat merumuskannya seperti berikut:

1. Dalam menghadapi permasalahan-permasalahan semasa, ahli J.K.F tidak membentuk kaedah tersendiri untuk mengeluarkan fatwa. Sebaliknya berpegang kepada prinsip-prinsip fiqh yang telah disediakan oleh mazhab Syafie dan Hanafi untuk mengeluarkan hukum baru bagi permasalahan semasa terutamanya bidang *Ibadat* dan *Muamalat* adalah berdasarkan rujukan hukum fiqh mazhab Hanafi. Kesimpulannya J.K.F tidak mempunyai metodologi pengeluaran hukum yang tersendiri, khusus dalam membentuk kaedah *ijtihad*. Boleh dikatakan J.K.F banyak mengaplikasikan kaedah *Talfiq* dalam pengeluaran fatwa.
2. Setelah dikaji secara meluas dan mendalam, maka boleh dikatakan bahawa terdapat kebanyakan fatwa yang dikeluarkan itu tidak mempunyai rujukan hukum yang memuaskan mengikut kaedah perundangan Islam, bahkan kadang-kadang terdapat juga antara fatwa yang dikeluarkan itu tidak menyatakan sumber rujukan. Walaupun bukan semua fatwa itu mesti mempunyai rujukan dari al-Quran, atau al-Sunnah atau daripada mana-mana kitab fiqh, tetapi perlulah diterangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengeluarkan sesuatu hukum.

Misalnya seperti menggunakan kaedah usul al-Fiqh ataupun Qawaaid al-Fiqhiyyah.

3. Mengikut apa yang ditemui di dalam kajian, Peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah adalah tidak sesuai dan tidak sejajar dengan pendapat semua ulama dan fuqaha dalam tatacara atau metodologi pengeluaran fatwa seperti mana yang dibincangkan dalam kajian ini. *qaul dhaif* atau pendapat yang lemah itu tidak boleh dijadikan asas untuk mengeluarkan fatwa. Tetapi yang ditemui dalam peruntukan undang-undang pentadbiran Agama Islam Kedah ialah perlu merujuk kepada pendapat mazhab Syafie hinggakan *qaul* yang *dhaif* sekalipun. Hal tersebut walaupun tidak dipraktikkan secara mutlak oleh J.K.F, tetapi ianya memberi gambaran bahawa peruntukan tersebut merupakan satu garis panduan bagi J.K.F dalam membentuk metodologi pengeluaran fatwa. Selanjutnya, kesan yang negatif akan timbul terhadap fatwa yang dikeluarkan dan autoriti fatwa tidak diterima sebagai hukum syara' yang wajib dipatuhi oleh umat Islam.
  
4. Selain itu, penulis telah mengesan bahawa daripada keseluruhan fatwa yang dikeluarkan hanya 4 fatwa sahaja yang diwartakan (digezetkan) (sila lihat lampiran 29,30, 31, 32). Hanya fatwa-fatwa tersebut sahaja yang dapat dikuatkuasakan mengikut pentadbiran hal ehwal undang-undang negeri atau negara. Perkara terpenting di sini ialah apabila

kerajaan tidak melaksanakan autoriti fatwa itu sebagai hukum syara' secara mutlak, maka orang ramai menganggap bahawa fatwa itu boleh diikuti ataupun tidak, dan sebaliknya ia menjadi pilihan kepada orang ramai. Sepatutnya, perkara ini tidak berlaku, kerana fatwa itu mengikut erti kata yang sebenar adalah merupakan satu keputusan hukum syara' yang muktamad dan mesti dipatuhi oleh semua pihak.

5. Apabila dikaji secara teliti berkenaan dengan organisasi ahli J.K.F. di negeri Kedah, maka ternyata bahawa bentuk organisasi yang wujud adalah mempunyai sedikit kelemahan yang boleh memberi kesan yang besar terhadap fatwa yang dikeluarkan sekaligus, ianya boleh menjelaskan metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh J.K.F. Para ahli J.K.F. adalah terdiri daripada golongan intelektual Islam yang bermazhab Syafie sahaja, sedangkan hukum yang dikeluarkan itu mungkin terlibat dengan pendapat-pendapat mazhab lain. Hal ini mungkin menyebabkan ketiadaan pengkhususan atau kekurangan kefaqihan di dalam bidang perundangan Islam secara meluas dan mendalam. Perkara penting bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan adalah bersifat semasa dan fleksibel serta benar-benar tepat dengan kehendak semasa, keadaan dan kondisi setempat.
6. J.K.F. tidak mempunyai kuasa sepenuhnya terhadap fatwa yang dikeluarkan. Perkara ini berdasarkan penyelesaian hukum yang dikeluarkan oleh organisasi ini tidak dianggap sebagai fatwa selagi

tidak diterima oleh Majlis Agama Islam. Sebaliknya dianggap sebagai satu cadangan dan pandangan sahaja. Hal ini berlawanan dengan konsep fatwa sebenar iaitu sebarang penyelesaian hukum yang dikeluarkan oleh mufti dianggap sebagai fawa tanpa perlu dirujuk kepada organisasi lain untuk pengesahannya. Perkara ini dikuatir akan menyebabkan fatwa yang dikeluarkan akan dipengaruhi oleh anasir luar.

7. Sebilangan kecil fatwa kurang jelas. Kedudukan ini menyukarkan masyarakat awam untuk berpegang kepada fatwa dalam menghadapi permasalahan tersebut, ataupun menyebabkan mereka melakukan perkara bertentangan dengan Islam. Contohnya seperti pemberian zakat kepada pegawai masjid. Ia tidak menyatakan hukum pemberian zakat secara khusus kepada pegawai-pegawai masjid. Sebaliknya dalam kenyataan umum iaitu diterima pakai maksud *fi sabilillah* dalam ertikata yang luas dan dari masa ke semasa dipertimbangkan pemberian bantuan zakat kepada pegawai-pegawai masjid di Negeri Kedah.
8. Fatwa yang dikeluarkan berbeza dengan kajian yang dilakukan. Kesilapan ini menyebabkan masyarakat berpegang kepada perkara bertentangan dengan Islam seperti fatwa mengenai ASN dan ASB. Walaupun ia hanya melibatkan satu fatwa iaitu harus ASN dan ASB. Kajian susulan mendapati bahawa ia masih terlibat dalam sektor

kewangan yang mengamalkan riba, tetapi hukum yang dikeluarkan tetap menghalalkannya.

9. Penangguhan sebahagian kecil fatwa dalam jangka waktu yang panjang, sedangkan permasalahan tersebut perlu diselesaikan segera kerana ia merupakan permasalahan yang selalu berlaku dalam masyarakat . Contohnya seperti menyembelih binatang menggunakan mesin. Permasalahan ini perlu difatwakan segera untuk mengelak masyarakat jahil hukum mengenainya dan berkemungkinan melakukan perkara yang dilarang oleh syarak akibat kejahilan tersebut.
10. Kebanyakan ahli J.K.F mempunyai kefaqihan dan kepakaran yang tinggi dalam bidang yang terhad sahaja iaitu bidang-bidang terutamanya bidang ibadat dan munakahat, manakala bidang ekonomi dan teknologi ada kurang. Fenomena ini boleh memberi kesan yang negatif terhadap keautoritian dan ketepatan fatwa yang dikeluarkan. Kualiti fatwa yang dikeluarkan adalah kurang memuaskan. Ijtihad Jami'e<sup>1</sup> seperti yang dipraktikkan oleh J.K.F akan menjadi lebih berkesan dan mantap jika wujud kepelbagaian dalam kefaqihan dan kepakaran intelektual.

<sup>1</sup>Rahimin Affandi, *Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Satu Analisis Terhadap Kepentingannya*, Jurnal Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, (2001), m.s 11.

### **5.3 CADANGAN DAN KRITIKAN**

1. Fungsi J.K.F. perlu diubahsuai kerana ia sekadar berperanan untuk mengemukakan pandangan dan cadangan sahaja. Sebaliknya Majlis Agama Islam menentukan samada pandangan dan cadangan tersebut diterima untuk diiktiraf sebagai fatwa. Oleh itu pengasingan kuasa perlu dilakukan antara Majlis Agama Islam dengan J.K.F. agar keputusan hukum tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Ini kerana kredibiliti mereka sudah cukup untuk mengeluarkan fatwa.
2. Ahli J.K.F. perlu lebih prihatin terhadap sebahagian kecil permasalahan yang difatwakan secara tidak jelas. Perkara ini bagi mengelak masyarakat terkeliru dengan fatwa yang dikeluarkan.
3. Ahli J.K.F. perlu dilantik daripada individu yang mempunyai pelbagai kemahiran untuk meningkatkan lagi kualiti fatwa yang dikeluarkan. Ianya bukan tertumpu kepada individu yang berkemahiran Bahasa Arab dan Syariah sahaja, sebaliknya mempunyai kemahiran lain seperti *muamalat* semasa. Perkara ini berdasarkan kualiti fatwa pada bidang ini agak rendah jika dibanding dengan kualiti fatwa pada bidang lain.

4. Fatwa baru yang berdasarkan *ijtihad* hendaklah disebarluaskan secara meluas, tidak terhad kepada individu yang menyoal sahaja. Contohnya seperti disiarkan di televisyen dan radio. Ini menjamin rakyat Negeri Kedah mengetahui setiap fatwa baru yang dikeluarkan.
5. J.K.F perlu mempunyai seorang urusetia penyelidikan untuk mengkaji permasalahan yang dikemukakan. Tugas urusetia ini ialah memudahkan J.K.F. memahami permasalahan-permasalahan yang rumit. Hal ini dapat menjamin agar permasalahan-permasalahan tersebut difatwakan segera dan mengelakkan berlaku penangguhan fatwa.
6. Pengkajian semula terhadap peruntukan undang-undang pentadbiran Islam Negeri Kedah, seksyen 38 (1), (pindaan keempat) No. 6/1984, yang menyebut bahawa rujukan hukum kepada pandangan mazhab Syafie dibolehkan hingga kepada rujukan *qaul* yang *dhaif*.
7. Para ahli J.K.F. perlu mendalami bidang kepakaran dalam pengajian Islam dan lebih menumpukan kepada bidang *muamalat*. Bidang *muamalat* merupakan satu bidang yang meliputi aspek-aspek yang lebih luas dan permasalahan yang lebih kompleks dan rumit. Ianya memerlukan penyelesaian yang segera dan cepat serta tepat. Ini

penting bagi memastikan perkembangan ekonomi dan sistem *muamalat* Islam dapat bersaing dengan sistem konvensional yang ada.

8. Sumber rujukan hukum atau kaedah hukum yang digunakan perlu dimuatkan dengan jelas dan perlu ada satu garis panduan yang konsisten dan jitu dalam merealisasikan metodologi pengeluaran fatwa. Ini penting bagi mengelakkan pertikaian dan ketidakpuasan di kalangan masyarakat atau pihak ilmuan yang lain.
9. Kuasa-kuasa Fatwa perlu dijalankan bagi fatwa-fatwa rasmi yang telah diwartakan. Selain itu, perlu ada hubungan kerjasama yang erat di antara organisasi fatwa, Majlis Agama Islam Kedah dan pihak penguatkuasaan serta yang terpenting, pihak kerajaan juga perlu memberi perhatian serius tentang perihal pentingnya peranan J.K.F dalam memastikan budaya dan kehidupan masyarakat Islam Negeri Kedah khususnya, sentiada berada di atas landasan syariat Islam yang sebenar.
10. Sehubungan itu juga, pihak J.K.F. perlu juga menitikberatkan tentang kepelbagaiannya kepakaran dan kemahiran dalam membentuk organisasi fatwa. Maksud di sini, di kalangan ahli J.K.F. perlu wujud golongan-golongan profesional daripada profesyen dan kerjaya bidang selain daripada pengajian Islam. Perlu ada ahli undang-undang, ahli perubatan, ahli ekonomi, ahli sains dan lain-lain lagi. Perkara ini

penting bagi menjamin ketepatan dan kemantapan fatwa yang dikeluarkan. Ini juga dapat mengelakkan daripada berlaku penangguhan fatwa yang terlalu lama atas alasan kajian atau siasatan.

#### 5.4 KESIMPULAN

Tertubuhnya J.K.F secara tidak langsung merupakan kesinambungan usaha yang dilakukan oleh sultan-sultan negeri Kedah bersama individu yang bertanggungjawab merancang dan mentadbir beberapa organisasi Majlis Agama Islam Negeri Kedah yang dikenali dengan pelbagai nama. Organisasi ini merupakan tempat untuk menyelesaikan sebarang permasalahan-permasalahan harian mengikut kaedah Islam. Oleh itu kewujudannya memberi manfaat besar kepada rakyat Negeri Kedah ke arah memartabatkan Agama Islam dan membentuk masyarakat yang memahami Islam secara hakiki. Di samping mencegah penyelewengan hukum dan kefahaman yang berlaku dalam masyarakat. Seterusnya membentuk masyarakat supaya tidak terus dibelenggu oleh unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam.

Oleh itu, ahli J.K.F. telah dilantik di kalangan individu yang mempunyai pemahaman dalam bidang agama yang mendalam dan dihormati oleh masyarakat awam. Namun begitu, pengiktirafan fatwa perlu dipersetujui oleh MAIK terlebih dahulu. Perkara ini seolah-olah mengambarkan kredibiliti J.K.F. masih dipertikaikan, sedangkan mereka terdiri daripada golongan alim-

ulama yang terpilih. Jadi J.K.F. tidak berperanan sebagai fungsi sebenar kerana tidak mempunyai kuasa ke atas fatwa yang dikeluarkan.

Seterusnya fatwa yang telah diwartakan merupakan penyelesaian hukum muktamad kepada rakyat Negeri Kedah yang perlu dipatuhi secara total. Pengingkaran terhadap fatwa ini menyebabkan tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas individu tersebut. Tindakan undang-undang ini didapati memang sesuai untuk menyeragamkan corak hidup masyarakat Islam di Negeri Kedah.

Metodologi pengeluaran fatwa adalah asas terpenting dalam menghasilkan fatwa yang berkesan dan bertepatan dengan syara' seterusnya fatwa yang berautoriti ialah fatwa yang mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan keadaan, masa dan tempat seterusnya ianya dipatuhi oleh masyarakat Islam seluruhnya khususnya di negeri Kedah.

Pada masa yang sama peruntukan undang-undang Pentadbiran Negeri Kedah telah menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh J.K.F. perlu bertaklid kepada pandangan mazhab Syafie. Peruntukan ini telah bercanggah dengan kaedah pengeluaran hukum yang telah digariskan oleh Wahbah Zuhaili supaya tidak terlalu *tdisub* kepada mana-mana mazhab. Sebaliknya berdasarkan pendapat terbaik dan lebih sesuai dengan keadaan semasa. Namun begitu berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan didapati bahawa

terdapat beberapa fatwa yang tidak mengikut pendapat mazhab Syafie malah berpegang kepada mazhab lain. Ini menunjukkan bahawa J.K.F. tidak secara mutlak berpegang kepada mazhab Syafie, tetapi terkeluar daripadanya apabila terdapat pendapat mazhab lain yang lebih sesuai. Contohnya seperti harus sembahyang Jumaat di surau Perwaja Steel yang mengikut pendapat mazhab Hanafi. Langkah yang diambil oleh J.K.F. untuk keluar daripada mazhab Syafie adalah tepat jika pendapat tersebut difikirkan lebih sesuai dengan keadaan semasa.

Kajian yang dilakukan mendapati bahawa hampir keseluruhan fatwa yang dikeluarkan menepati kehendak syarak. Oleh itu, fatwa-fatwa ini membantu masyarakat dalam memahami dan mengamalkan Islam secara sebenar. Pada masa yang sama dapat meningkatkan imej J.K.F. di mata masyarakat sebagai organisasi berwibawa untuk mengeluarkan fatwa. Seterusnya menyakinkan masyarakat Islam bahawa Islam sesuai untuk sepanjang zaman.

Namun begitu terdapat juga sebilangan kecil fatwa yang tidak jelas dan tepat. Contoh fatwa yang tidak tepat ialah harus saham ASN dan ASB. Walaupun kajian menunjukkan bahawa ia terlibat dalam urusniaga yang mengamalkan riba, tetapi hukum yang dikeluarkan ialah harus. Manakala fatwa yang tidak jelas pula mengenai zakat kepada pegawai-pegawai masjid. Fatwa yang dikeluarkan ialah diterima pakai maksud *fi sabilillah* dalam

ertikata yang luas dan dari masa ke semasa dipertimbangkan pemberian zakat kepada pegawai-pegawai masjid di negeri Kedah. Walaupun jumlah ketidakjelasan dan ketidaktepatan ini kecil berbanding dengan keseluruhan fatwa yang dikeluarkan, namun ia mampu untuk mempertikaikan kredibiliti J.K.F. dalam menangani permasalahan terutamanya permasalahan baru. Oleh itu J.K.F. perlu lebih prihatin terhadap kejelasan dan ketepatan fatwa yang dikeluarkan agar kualiti fatwa terjamin dan mempunyai imej baik pada pandangan masyarakat Islam.

Kelemahan ketara yang dikesan ialah ahli J.K.F. kurang memahami sistem muamalat yang berkembang pesat pada masa kini. Oleh itu, perlantikan ahli J.K.F. tidak boleh didominasi oleh golongan yang faham bahasa Arab dan syariah sahaja, malah golongan yang memahami keadaan corak hidup semasa terutamanya bidang muamalat. Kombinasi ini diharap dapat melahirkan fatwa yang lebih berkualiti. Perkara ini perlu difikirkan semula agar perkembangan tamadun masyarakat Islam negeri Kedah selari dengan kehendak Islam.

Pada masa yang sama terdapat juga kelemahan lain yang tidak boleh dianggap remeh oleh J.K.F. iaitu penangguhan fatwa pada jangka waktu panjang. Penangguhan ini menyebabkan masyarakat berada dalam keadaan keliru, sedangkan perkara tersebut berlaku dalam masyarakat seharian. Contohnya seperti permasalahan menyembelih binatang dengan menggunakan

mesin. Oleh itu, J.K.F. perlu lebih prihatin terhadap permasalahan ini dengan mengeluarkan fatwa dengan segera.

Oleh itu, cadangan-cadangan yang telah dikemukakan bertujuan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam organisasi ini. Ianya sekadar meningkatkan lagi kualiti fatwa dan imej organisasi ini di mata masyarakat.

Walau bagaimanapun didapati bahawa J.K.F. telah banyak membantu masyarakat Islam negeri Kedah menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang wujud. Oleh itu ia menjadi sebuah organisasi yang amat penting di negeri Kedah kearah memastabatkan Agama Islam dan masyarakat Islam di negeri Kedah.

Secara umumnya dapatlah ditegaskan bahawa, fatwa di samping berperanan menyelesaikan masalah hukum yang dihadapi oleh umat Islam ia juga penting ke arah pembentukan sebuah masyarakat Islam dan perkembangan ilmu pengetahuan serta berperanan sebagai salah satu sumber rujukan hukum dalam Islam. Untuk memastikan fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu sesuai untuk diamalkan oleh masyarakat pada sesuatu masa itu, para fuqaha atau J.K.F perlu lebih peka kepada pembaharuan dan peredaran zaman. Fatwa yang dikeluarkan perlulah dikaji, dianalisa dan diperbincangkan dengan teliti dan bersungguh-sungguh serta merujuk kepada sumber-sumber yang

berautoriti. Hal ini penting bagi menghasilkan fatwa yang tepat dan mantap serta tidak melanggar syariat Islam.

Universiti Malaya

# **BIBLIOGRAFI**

## BIBLIOGRAFI

### AL-QURAN AL-KARIM:

Terjemahan, Pimpinan Al-Rahman, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, (1968).

### RUJUKAN BUKU 'ARAB:

Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad (1993), *Al-Muṣṭafā Fī Ilm al-Uṣūl*. Beirut.

Al-Haithami, Nuru'd-Din (1989), *Al-Fatāwā Al-Hadīthah*. Kaherah.

Al-Harrami (1937), *Sifat Al-Fatwā Wa Al-Muṣīl Wa Al-Muṣtaftī*. Beirut.

Al-Qaradhawi, Yusuf (Dr.) (1990), *Fatawa Mu 'āsirah*. Kuwait.

Al-Sarakhsī, Muhammad b. Ahmad Abu Sahl (1973), *Uṣūl Al-Sarakhsī*. Beirut.

Al-Syafi 'e, Muhammad b. Idris (1983), *Al-Risālah*. Kaherah.

Al-Subki, Taqi al-Din 'Ali(t.t), *Fatāwā*. Beirut.

Al-Zarkhashi (1988), *Al-Bahr Al-Murhit*. Kuwait.

Al-Qasimi (1986), *Al-Fatāwā Fī Al-Islām*. Beirut.

Al-Ramli, Shams al-Din b. Shohab al-Din (1974), *Al-Fatāwā Al-Khairiyah Li Naf' al-Baniyyah*. Beirut.

Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad al-Ansari (1995), *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Al-Nihāyah Al-Muqtasid*. Beirut.

Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (1983), *Al-Ashbah Wa Al-Nazair*. Beirut.

Al-Jaziri (1987), *Al-Fiqh 'Alā Mazāhib Al-'Arba'ah*. Beirut.

Al-Syirazi, Abu Ishak Ibrahim b. Ali (1994), *Ila Hukm Al-Islām* Beirut.

Al-Qazwini (1975), *Sunan Ibn Majah*. Dar Al-Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.

Al-Maqrizi (1325M), *Kitab Al-Khitat Al-Maqriziyah*. Kaherah.

Al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati (t.t), *Al-Muwāfaqāt Fi Uṣūl Al-Aḥkām*.

Ibn Qayyim al-Jawziyya, Shams al-Din Muhammad b. Abi Bakr (1993), *'Ilam al-Muwagqi' fīn*. Kaherah.

Ibn. Abidin (t.t), *Al-'Uqrd Al-Durriyyah Fi Tanqīh Al-Fatāwā Al-Hamidiyyah*. Beirut.

\_\_\_\_\_ (1325H), *Majmū'ah Rasā'il Ibn Abidin*. Beirut.

Al-Zuhaili, Wahbah (1986), *Uṣūl Al-Fiqh Islām*. Beirut.

Nadiyah Syarif Al-Umari (t.t), *Ijtihād Rasūl*. Beirut.

Muhammad Al-Khudairi (1960), *Tārikh Al-Tashrī' Al-Islāmī*. Kaherah.

Muhammad Al-Hadry Bin Muqais (1967), *Tārikh Al-Tasyārī' Al-Islāmī*.

*Kamus Munjed* (1977), Beirut: Dar al Mashriq.

Jubran Mas'ud (1977), *Kamus Al-Raid*. Beirut :Dar Al-Ilmi.

#### **RUJUKAN BUKU BAHASA MALAYSIA:**

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur.

Paizah Haji Ismail (1991), *Undang-Undang Jenayah Islam*. Selangor.

Halim El-Muhamady (1994), *Sumber Undang-Undang Islam Dari Pandangan Orientalis*. Selangor.

Muhsin Mansur (t.t), *Sejarah Perundangan Islam*.

Othman Haji Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur.

Haji Buyung Adil (1980), *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur.

Azlan Khalili Shamsuddin (1995), *Riba Alternatifnya Dalam Bank Islam*. Kuala Lumpur.

Mustafa Mohammad (1993), *Kefahaman Ekonomi*. Kuala Lumpur.

Abu Husny (1987), *Pembinaan Perundangan Hukum Islam*. Singapura.

- Munir Yaakub (1994), *Sejarah Perundangan*. Kuala Lumpur.
- Othman Yeop Abdullah (1999), *Sosio-Budaya Dalam Pembangunan Multi Media (Dalam) Multi Media Dan Islam*. Kuala Lumpur.
- Muhammad Najtullah Siddiqi (1990), *Insuran Dalam Ekonomi Islam*, (Terj.) Iyas Ismail, Kuala Lumpur.
- Al-Syafie (1989), *Al-Umm*. (Terj.) Ismail Yaakub, Kuala Lumpur.
- Al-Qaradhawi, *Fatawa Mu'asirah* (Terj.) Sidi Ahmad, Sofwan Abdullah, Masrouq Rosmawati Ali, Siti Zubaidah Ismail (1994), Kuala Lumpur.
- Al-Qaradhawi, *Fatwa: Antara Ketelitian Dan Kecerobohan*, (Terj.) Ahmad Nuryadi Asmawi (1996), Thinker Library.
- Haji Muhammad Bukhari Lubis & Haji ali Haji Ahmad (1999), *Panduan Penulisan Ilmiah; Tranliterasi Arab-Parsi-Turki*. The Open Press (M) Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, (1989).
- Zakaria Hj. Rahmat Wan Besar (1998), *Himpunan Fatwa Kedah*, J.K.F Kedah, Alor Setar, Kedah.
- Ibn Qayyim, *Fatwa-Fatwa Rasulullah S.A.W.* (Terj.), S. Ziyad 'Abbas (1990), Jakarta.
- Abdul Aziz Al-Halawi, Umar Ibn. Al-Khattab: *Keputusan Hukum Dan Fatwa -Fatwanya*, (Terj.) Syahrin Nasution (1997), Kuala Lumpur.
- KERTAS KERJA:**
- Mat Saad Abd. Rahman, *Acara Istibad Dalam Konteks Pembentukan Fatwa Di Malaysia*, (1997).
- Ahmad Mohamed Ibrahim, *Acara Membuat Fatwa*, (1997).
- Muhammad Uthman El-Muhammady, *Bank Fatwa Dan Internet*, (1997).
- Othman Ishak, *Fatwa Dalam Sistem Pemerintahan Dan Kehakiman Islam*, (1997).
- Md. Nurdin Haji Ngadimon, *Asas-Asas Muamalah Islam*, (1995).

#### **RISALAH DAN KULIAH:**

*Peranan Dan Kemajuan, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Percetakan Nasional Berhad, Alor Setar, Kedah, (1993).*

*Al-Zikra, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah, (2000).*

Ahmad Hidayat Buang (Dr.) Kuliah Bertarikh 10.1.1997, APIUM.

#### **JURNAL SYARIAH APIUM:**

Mohd. Daud Bakar, *Instrumen Fatwa Dalam Perkembangan Perundangan Islam*, (1997).

Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Reformasi Perundangan Islam Di Malaysia*, (1994).

Rahimin Affandi Abd. Rahim, *Budaya Taqlid Dalam Masyarakat Melayu*, (1993).

#### **RUJUKAN BAHASA INGGERIS:**

S.Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, Singapore, (1963).

D.G.E Hall, *A History of South East Asia*, London, (1955).

Brian Harrison, *South East Asia A Short History*, London, (1967).

Sir R.O Winstedt, *Malay And Its History*, London (1948).

Sir R.O Winstedt, *The Malays' A Cultural History*, Singapore, (1947).

W.G Shellabear, *Sejarah Melayu*, Singapore, (1961).

Syed Naquib Al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood And Practised Among The Malays*, Singapore, (1963).

T.W. Arnold, *The Preaching of Islam*, London, (1913).

#### **DOKUMEN:**

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 3/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 2 Mac 1985.

- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 5/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 2 Mac 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 6/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 2 Mac 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 7/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 2 Mac 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 7/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 2 Mac 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 9/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 23 Mac 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 12/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 15 Jun 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 13/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 13 Julai 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 14/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Julai 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 15/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 15 Jun 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 17/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 15 Jun 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 20/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 5 Oktober 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 25/85, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 3 Disember 1985.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 2/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 8 Mac 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 3/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 8 Mac 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 4/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 19 April 1986.

- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 7/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 18 Jun 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 8/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 4 September 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 8/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 4 September 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 8/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 19 Julai 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 9/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 19 Julai 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 10/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 19 Julai 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 11/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 3 September 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 16/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Disember 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 17/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Disember 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 17/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Disember 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 19/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Disember 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 20/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Disember 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 21/86, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 27 Disember 1986.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 2/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 30 April 1987.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 5/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 30 April 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 6/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 26 September 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 7/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 30 April 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 8/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 30 April 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 9/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 30 April 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 10/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 26 September 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 11/87, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 26 September 1987.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 1/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 19 Mac 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 3/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 11 Mac 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 6/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 12 Mei 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 7/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 12 Mei 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 8/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 12 Mei 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 12/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 12 Mei 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 14/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 2 Oktober 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 19/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 8 Oktober 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 20/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 8 Oktober 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 20/88, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 24 September 1988.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 4/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 5 Oktober 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 5/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 5 Oktober 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 6/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 5 Oktober 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 8/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 5 Oktober 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 9/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 11 November 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 10/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 11 November 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 11/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 11 November 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 12/89, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 11 November 1989.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 3/90, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 20 Januari 1990.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 4/90, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 20 Januari 1990.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kertas Mesyuarat No. 12/90, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis pada 11 November 1989.

*Ibid.*, No. 32/91, 21 Disember 1991.

*Ibid.*, No. 34/91, 21 Disember 1991.

*Ibid.*, No. 36/91, 21 Disember 1991.

*Ibid.*, No. 30/91, 23 November 1991.

*Ibid.*, No. 31/91, 23 November 1991.

- Ibid.*, No. 32/91, 23 November 1991.
- Ibid.*, No. 33/91, 23 November 1991.
- Ibid.*, No. 24/91, 14 September 1991.
- Ibid.*, No. 25/91, 14 September 1991.
- Ibid.*, No. 26/91, 14 September 1991.
- Ibid.*, No. 19/91, 11 Mei 1991.
- Ibid.*, No. 16/91, 11 Mei 1991.
- Ibid.*, No. 17/91, 11 Mei 1991.
- Ibid.*, No. 18/91, 11 Mei 1991.
- Ibid.*, No. 19/91, 11 Mei 1991.
- Ibid.*, No. 11/91, 25 Februari 1991.
- Ibid.*, No. 12/91, 25 Februari 1991.
- Ibid.*, No. 13/91, 25 Februari 1991.
- Ibid.*, No. 14/91, 25 Februari 1991.
- Ibid.*, No. 15/91, 25 Februari 1991.
- Ibid.*, No. 24/92, 28 November 1992.
- Ibid.*, No. 25/92, 28 November 1992.
- Ibid.*, No. 26/92, 28 November 1992.
- Ibid.*, No. 23/92, 28 November 1992.
- Ibid.*, No. 16/92, 24 September 1992.
- Ibid.*, No. 17/92, 24 September 1992.
- Ibid.*, No. 15/92, 15 Ogos 1992.
- Ibid.*, No. 16/92, 15 Ogos 1992.

- Ibid.*, No. 12/92, 11 Julai 1992.
- Ibid.*, No. 15/92, 15 Ogos 1992.
- Ibid.*, No. 16/92, 15 Ogos 1992.
- Ibid.*, No. 8/92, 9 Mei 1992.
- Ibid.*, No. 9/92, 9 Mei 1992.
- Ibid.*, No. 10/92, 9 Mei 1992.
- Ibid.*, No. 5/92, 7 Mac 1992.
- Ibid.*, No. 5/92, 9 Mac 1992.
- Ibid.*, No. 6/92, 7 Mac 1992.
- Ibid.*, No. 7/92, 7 Mac 1992.
- Ibid.*, No. 4/93, 18 Disember 1993.
- Ibid.*, No. 5/93, 18 Disember 1993.
- Ibid.*, No. 6/93, 8 Oktober 1993.
- Ibid.*, No. 7/93, 8 Oktober 1993.
- Ibid.*, No. 8/93, 8 Oktober 1993.
- Ibid.*, No. 13/93, 17 Julai 1993.
- Ibid.*, No. 14/93, 17 Julai 1993.
- Ibid.*, No. 9/93, 19 Jun 1993.
- Ibid.*, No. 10/93, 19 Jun 1993.
- Ibid.*, No. 11/93, 19 Jun 1993.
- Ibid.*, No. 12/93, 19 Jun 1993.
- Ibid.*, No. 6/93, 20 Mac 1993.
- Ibid.*, No. 7/93, 20 Mac 1993.

- Ibid.*, No. 2/93, 30 Januari 1993.
- Ibid.*, No. 5/93, 30 Januari 1993.
- Ibid.*, No. 1/93, 9 Januari 1993.
- Ibid.*, No. 2/93, 9 Januari 1993.
- Ibid.*, No. 3/93, 9 Januari 1993.
- Ibid.*, No. 4.1/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 4.2/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 4.3/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 4.4/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 4.5/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 5.1/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 5.2/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 5.3/94, 29 Oktober 1994.
- Ibid.*, No. 4.1/94, 16 Julai 1994.
- Ibid.*, No. 4.2/94, 16 Julai 1994.
- Ibid.*, No. 4.3/94, 16 Julai 1994.
- Ibid.*, No. 7/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 8/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 9/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 10/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 11/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 12/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 13/94, 18 Jun 1994.

- Ibid.*, No. 14/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 15/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 16/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 17/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 18/94, 18 Jun 1994.
- Ibid.*, No. 6/94, 15 Januari 1994.
- Ibid.*, No. 1/94, 15 Januari 1994.
- Ibid.*, No. 2/94, 15 Januari 1994.
- Ibid.*, No. 3/94, 15 Januari 1994.
- Ibid.*, No. 4/94, 15 Januari 1994.
- Ibid.*, No. 5/94, 15 Januari 1994.
- Ibid.*, No. 17/95, 13 Ogos 1995.
- Ibid.*, No. 10/95, 17 Jun 1995.
- Ibid.*, No. 11/95, 17 Jun 1995.
- Ibid.*, No. 12/95, 17 Jun 1995.
- Ibid.*, No. 8/95, 6 April 1995.
- Ibid.*, No. 9/95, 6 April 1995.
- Ibid.*, No. 4.1/95, 16 Disember 1995.
- Ibid.*, No. 4.2/95, 16 Disember 1995.
- Ibid.*, No. 4.3/95, 16 Disember 1995.
- Ibid.*, No. 4.4/95, 16 Disember 1995.
- Ibid.*, No. 4.5/95, 16 Disember 1995.
- Ibid.*, No. 4.6/95, 16 Disember 1995.

*Ibid.*, No. 4.1/95, 11 November 1995.

*Ibid.*, No. 4.2/95, 11 November 1995.

*Ibid.*, No. 4.3/95, 11 November 1995.

*Ibid.*, No. 4.4/95, 11 November 1995.

*Ibid.*, No. 17/95, 12 September 1995.

*Ibid.*, No. 18/95, 12 September 1995.

*Ibid.*, No. 19/95, 12 September 1995.

*Ibid.*, No. 20/95, 12 September 1995.

#### **TEMUBUAL**

Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Noor, DHMS, DPMK., PCK.,  
(Dato' Setia Jaya) Pengurus Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam  
Negeri Kedah.

Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim BKM, Anggota Jawatankuasa Fatwa  
Majlis Agama Islam Negeri Kedah.